

ANALISIS KOD BUDAYA DARI PERSPEKTIF SEMIOTIK
DALAM LATAR FILEM TAMIL 'JAGAT'

DHINESWARY

FAKULTI BAHASA DAN LINGUISTIK
UNIVERSITI MALAYA
KUALA LUMPUR

2024

**ANALISIS KOD BUDAYA DARI PERSPEKTIF SEMIOTIK
DALAM LATAR FILEM TAMIL 'JAGAT'**

DHINESWARY

**DISERTASI DISERAHKAN SEBAGAI MEMENUHI
SEBAHAGIAN DARIPADA KEPERLUAN BAGI
IJAZAH SARJANA SASTERA (LINGUISTIK)**

**FAKULTI BAHASA DAN LINGUISTIK
UNIVERSITI MALAYA
KUALA LUMPUR**

2024

**UNIVERSITI MALAYA
PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN**

Nama : DHINESWARY

No. Matrik : 17058086

Nama Ijazah : Ijazah Sarjana Sastera (Linguistik)

Tajuk Kertas Projek/Laporan Penyelidikan/Disertasi/Tesis

“Analisis Kod Budaya Dari Perspektif Semiotik dalam Latar Filem Tamil ‘Jagat’”:

Bidang Penyelidikan: Semiotik

Saya dengan sesungguhnya dan sebenarnya mengaku bahawa:

- (1) Saya adalah satu-satunya pengarang/penulis Hasil Kerja ini;
- (2) Hasil Kerja ini adalah asli;
- (3) Apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hakcipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hakcipta telah dinyatakan dengan sejelasnya dan secukupnya dan satu pengiktirafan tajuk hasil kerja tersebut dan pengarang/penulisnya telah dilakukan di dalam Hasil Kerja ini;
- (4) Saya tidak mempunyai apa-apa pengetahuan sebenar atau patut semunasabahnya tahu bahawa penghasilan Hasil Kerja ini melanggar suatu hakcipta hasil kerja yang lain;
- (5) Saya dengan ini menyerahkan kesemua dan tiap-tiap hak yang terkandung di dalam hakcipta Hasil Kerja ini kepada Universiti Malaya (“UM”) yang seterusnya mula dari sekarang adalah tuan punya kepada hakcipta di dalam Hasil Kerja ini dan apa-apa pengeluaran semula atau penggunaan dalam apa jua bentuk atau dengan apa juga cara sekalipun adalah dilarang tanpa terlebih dahulu mendapat kebenaran bertulis dari UM;
- (6) Saya sedar sepenuhnya sekiranya dalam masa penghasilan Hasil Kerja ini saya telah melanggar suatu hakcipta hasil kerja yang lain sama ada dengan niat atau sebaliknya, saya boleh dikenakan tindakan undang-undang atau apa-apa tindakan lain sebagaimana yang diputuskan oleh UM.

Tandatangan Calon

Tarikh: 7.3.2024

Diperbuat dan sesungguhnya diakui di hadapan,

Tandatangan Saksi

Tarikh: 18.3.2024

Nama:

Jawatan:

ANALYSIS OF CULTURAL CODES FROM A SEMIOTIC PERSPECTIVE IN THE SETTING OF THE TAMIL FILM 'JAGAT'

ABSTRACT

Film is an entertainment material that cannot be separated from today's society. The entertainment media can be said to be the most successful to the point that it has blended with human's social life. This is so because a film not only acts as an entertainment tool, but also has the power to influence the emotions, minds, and forms of life of the audience. So, the comprehension of a film is important to understand the message being conveyed. The comprehension of a film does not only depend on the dialogue but also on the cultural codes found in the film. The purpose of this study is to analyse the cultural codes found in the setting of the Tamil film 'Jagat' from a semiotic perspective. Semiotic Theory Model "Two Orders of Signification" by Roland Barthes (1964) is used in this study. The cultural codes found in this film categorized according to the three cultural components stated by Ismail Said (2009), namely Cognitive Cultural Components, Normative Cultural Components and Material Cultural Components. Then, the Semiotic Theory of Roland Barthes (1964) used to unravel the meaning of the denotation and connotation of the cultural codes found in the setting of the film. A total of 37 shots were selected from the setting of this film to analyse the cultural codes. The cultural codes analysed, and the true meaning represented by the cultural codes will be identified. Malaysia has various ethnicities and cultures, so this study is significant because it can help the audience to understand the meaning to be conveyed through cultural codes. Film directors and filmmakers will also benefit from this study.

Keywords: Roland Barthes' semiotics, cultural codes, Malaysian Tamil films, denotation, connotation.

ANALISIS KOD BUDAYA DARI PERSPEKTIF SEMIOTIK DALAM LATAR FILEM TAMIL 'JAGAT'

ABSTRAK

Filem merupakan suatu bahan hiburan yang tidak dapat dipisahkan daripada masyarakat kini. Media hiburan boleh dikatakan paling berjaya sehinggakan ia sudah sehati dengan kehidupan sosial manusia. Hal ini sedemikian kerana filem bukan hanya berperanan sebagai alat hiburan tetapi juga berkuasa mempengaruhi emosi, minda dan bentuk kehidupan khalayak penonton. Maka pemahaman terhadap sesuatu filem adalah penting untuk memahami mesej yang disampaikan. Pemahaman filem bukan sahaja bergantung kepada dialog malah kod budaya yang terdapat dalam filem juga mempengaruhi pemahaman sesebuah filem. Tujuan kajian ini adalah untuk menganalisis kod-kod budaya yang terdapat pada latar filem Tamil 'Jagat' dari perspektif semiotik. Model Teori Semiotik "Two Orders of Signification" Roland Barthes (1964) digunakan. Kod budaya yang terdapat dalam filem ini akan dikategorikan mengikut 3 komponen budaya yang dinyatakan oleh Ismail Said (2009) iaitu Komponen Budaya Kognitif, Komponen Budaya Normatif dan Komponen Budaya Kebendaan. Kemudian, Teori Semiotik Roland Barthes (1964) akan digunakan untuk merungkai makna denotasi dan konotasi kod budaya yang terdapat dalam latar filem tersebut. Keseluruhannya 37 syot dipilih dari latar filem ini untuk dianalisis.

Negara Malaysia mempunyai pelbagai etnik dan budaya. Maka kajian ini penting kerana dapat membantu penonton memahami makna yang ingin disampaikan melalui kod budaya. Pengarah filem dan pembuat filem juga akan mendapat manfaat daripada kajian ini.

Kata kunci : Semiotik Roland Barthes, kod-kod budaya, filem Tamil Malaysia, denotasi, konotasi .

PENGHARGAAN

Terdahulu saya ingin memanjatkan syukur kepada Tuhan. segala rahmatnya yang telah memberi saya kekuatan, Kesihatan dan kesabaran dalam menyempurnakan desertasi ini. Seterusnya, saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada penyelia-penyelia saya iaitu Dr.Lau Kui Ling dan Dr.Selvajothi Ramalingam atas segala ilmu, nasihat, masa yang berharga serta bimbingan dan dorongan yang sangat memberi motivasi. Tanpa bantuan mereka berdua, saya tidak akan dapat menyiapkan desertasi ini.

Di samping itu, saya juga ingin mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada anak saya S. Ayilavan Vel Baarathy atas segala kesabaran dan pertolongan yang diberikan. Ia telah memberi kekuatan kepada saya sepanjang perjalanan pengajian ini.

Ucapan terima kasih yang tidak terhingga turut di berikan kepada ibu saya, Puan Vanatthai a/p Ponnusamy di atas segala pengorbanan yang sentiasa memberi semangat kepada saya. Penghargaan turut diberikan kepada Ketua Jabatan saya, Puan Yasotha Manickam, sahabat saya Cik Puspa valli, Puan Thamarai, Pn.Mageswery, Puan Manggala Nayagi kerana sentiasa memberi kata-kata semangat untuk menyiapkan desertasi ini. Seterusnya ribuan terima kasih kepada ahli keluarga yang tersayang dan rakan-rakan yang banyak membantu saya sepanjang pembelajaran saya. Ucapan terima kasih juga kepada Pengarah Filem Tamil 'Jagat' En. Shanjhey Kumar dan Editor En Premnath Pillai dan En.Uthaya Sankar SB yang telah membantu saya mendapatkan bahan dan menyiapkan desertasi ini. Akhir sekali, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Universiti Malaya dan semua yang telah menyumbang secara langsung dan tidak langsung dalam menyiapkan desertasi ini. Terima Kasih.

SENARAI KANDUNGAN

Perakuan Keaslian Penulisan	ii
Abstract	iii
Abstrak	iv
Penghargaan	v
Senarai Kandungan	vi
Senarai Rajah	xi
Senarai Jadual	xiii
Senarai Singkatan	xv
BAB 1: PENGENALAN	1
1.1 Pengenalan	1
1.2 Latar belakang Kajian	1
1.2.1 Filem	6
1.2.2 Filem Tamil Malaysia	9
1.3 Pernyataan Masalah	10
1.4 Objektif	12
1.5 Persoalan Kajian	12
1.6 Kepentingan Kajian	12
1.6.1 Masyarakat	13
1.6.2 Pengarah Dan Pembuat Filem	13
1.6.3 Pengkaji Filem	13
1.7 Skop Kajian	14
1.8 Definisi Operasi	14

1.8.1	Kod budaya	14
1.8.2	Latar Filem	15
1.9	Kesimpulan.....	16
BAB 2: SOROTAN KAJIAN.....		17
2.1	Pengenalan.....	17
2.2	Teori Semiotik Roland Barthes	17
2.3	Teori Semiotik dalam Filem.....	19
2.4	Budaya.....	33
2.5	Kesimpulan.....	36
BAB 3: METODOLOGI		38
3.1	Pengenalan.....	38
3.2	Rekabentuk Kajian	38
3.2.1	Bahan kajian.....	38
3.2.2	Sinopsis	39
3.2.3	Instrument Kajian.....	40
3.2.4	Prosedur.....	42
3.2.5	Etika	43
3.2.6	Analisis.....	44
3.3	Kerangka Teori.....	45
3.3	Kerangka Konseptual	49
3.4	Kesimpulan.....	50

BAB 4: ANALISIS DAN DAPATAN KAJIAN	51
4.1 Pengenalan.....	51
4.2 Kategori Kod Budaya yang terdapat pada Latar Filem Tamil ‘Jagat’.....	52
4.2.1 Kod Budaya.....	52
4.2.1.1 Syot 1.....	52
4.2.1.2 Syot 2.....	54
4.2.1.3 Syot 3.....	57
4.2.1.4 Syot 4.....	60
4.2.1.5 Syot 5.....	62
4.2.1.6 Syot 6.....	65
4.2.1.7 Syot 7.....	67
4.2.1.8 Syot 8.....	69
4.2.1.9 Syot 9.....	72
4.2.1.10 Syot 10.....	74
4.2.1.11 Syot 11.....	76
4.2.1.12 Syot 12.....	79
4.2.1.13 Syot 13.....	81
4.2.1.14 Syot 14.....	83
4.2.1.15 Syot 15.....	86
4.2.2 Kesimpulan.....	88
4.2.2.1 Komponen Budaya Kognitif	88
4.2.2.2 Komponen Budaya Normatif	90
4.2.2.3 Komponen Budaya Kebendaan.....	91

4.2.2.4	Komponen Budaya Keseluruhan.....	92
4.3	Makna Denotasi Dan Konotasi Kod Budaya Dalam Latar Filem Tamil ‘Jagat’	94
4.3.1	Kod Lisan	94
4.3.1.1	Dialog 1 (Tema : Pendidikan).....	95
4.3.1.2	Dialog Kedua (Tema : Kehidupan Masyarakat India era 90 -an)	98
4.3.1.3	Dialog Ketiga (Tema: Politik).....	101
4.3.1.4	Dialog Keempat (Tema: Didikan anak)	105
4.3.1.6	Kesimpulan.....	111
4.3.2	Kod Bukan Lisan.....	111
4.3.3	Makna Denotasi dan Konotasi Syot 1	112
4.3.4	Makna Denotasi dan Konotasi Syot 2	116
4.3.5	Makna Denotasi dan Konotasi Syot 3	121
4.3.6	Makna Denotasi dan Konotasi Syot 4.....	124
4.3.7	Makna Denotasi dan Konotasi Syot 5	126
4.3.8	Makna Denotasi dan Konotasi Syot 6	129
4.3.9	Makna Denotasi dan Konotasi Syot 7	131
4.3.10	Makna Denotasi dan Konotasi Syot 8	133
4.3.11	Makna Denotasi dan Konotasi Syot 9	137
4.3.12	Makna Denotasi dan Konotasi Syot 10.....	139
4.3.13	Makna Denotasi dan Konotasi Syot 11	141
4.3.14	Makna Denotasi dan Konotasi Syot 12	143
4.3.15	Makna Denotasi dan Konotasi Syot 13	145
4.3.16	Makna Denotasi dan Konotasi Syot 14.....	147

4.3.17	Makna Denotasi dan Konotasi Syot 15	149
BAB 5: RUMUSAN DAN CADANGAN		151
5.1	Pengenalan.....	151
5.2	Rumusan Kajian	151
5.2.1	Rumusan Analisis Kategori Kod Budaya Bukan lisan.....	151
5.2.2	Rumusan Analisis Kod Lisan (Dialog)	152
5.2.3	Rumusan Analisis Maksud Kod Budaya Bukan Lisan yang Terdapat dalam Latar Filem Tamil ‘Jagat’	153
5.3	Implikasi Kajian	157
5.3.1	Implikasi kepada Masyarakat.....	157
5.3.2	Implikasi kepada pengarah & pembuat filem	157
5.4	Cadangan	158
5.5	Penutup.....	159
RUJUKAN.....		161

SENARAI RAJAH

Rajah 2.1: Model Teori “Two Orders Of Signification” Roland Barthes.....	17
Rajah 3.1: Model Teori “Two Orders Of Signification” Roland Barthes.....	45
Rajah 3.2: Tanda Roland Barthes (Sobur, 2013).....	46
Rajah 3.3: Huraian Makna Mengikut Denotasi, Konotasi dan Mitos.....	47
Rajah 3.4: Kerangka Konseptual	49
Rajah 4.1: Situasi di Dapur Rumah Appoy.....	52
Rajah 4.2: Situasi di Ruang Tamu Rumah Appoy	55
Rajah 4.3: Situasi di Tempat Kerja Ayah Appoy	58
Rajah 4.4: Situasi di Rumah Appoy.....	60
Rajah 4.5: Situasi di Perkarangan Restoran.....	63
Rajah 4.6: Situasi di Ruang Tamu Rumah	65
Rajah 4.7: Situasi di Halaman Rumah Guru.....	67
Rajah 4.8: Situasi di Luar Kawasan Sekolah.....	70
Rajah 4.9: Situasi di Tempat Bermain ‘Snuker’	72
Rajah 4.10: Situasi di Tempat Membakar Mayat	74
Rajah 4.11: Situasi di Kawasan Tanah Perkuburan Lama.....	77
Rajah 4.12: Situasi di Bilik Appoy	79
Rajah 4.13: Situasi di Kawasan Perkuburan Cina	81
Rajah 4.14: Situasi di Kediaman Bapa Saudara Appoy.....	84
Rajah 4.15: Situasi di Tempat Pelupusan Sampah.....	86
Rajah 4.16: Syot Dialog Tema Pendidikan.....	96

Rajah 4.17: Syot Dialog Tema Kehidupan Masyarakat 90an.....	99
Rajah 4.18: Syot Dialog Tema Politik	102
Rajah 4.19: Syot Dialog Tema Didikan Anak	105
Rajah 4.20: Syot Dialog Tema Jenayah.....	108
Rajah 4.21: Makna Denotasi dan Konotasi Syot 1	112
Rajah 4.22: Makna Denotasi dan Konotasi Syot 2	116
Rajah 4.23: Makna Denotasi dan Konotasi Syot 3	121
Rajah 4.24: Makna Denotasi dan Konotasi Syot 4	124
Rajah 4.25: Makna Denotasi dan Konotasi Syot 5	126
Rajah 4.26: Makna Denotasi dan Konotasi Syot 6	130
Rajah 4.27: Makna Denotasi dan Konotasi Syot 7	131
Rajah 4.28: Makna Denotasi dan Konotasi Syot 8	134
Rajah 4.29: Makna Denotasi dan Konotasi Syot 9	138
Rajah 4.30: Makna Denotasi dan Konotasi Syot 10	139
Rajah 4.31: Makna Denotasi dan Konotasi Syot 11	142
Rajah 4.32: Makna Denotasi dan Konotasi Syot 12	143
Rajah 4.33: Makna Denotasi dan Konotasi Syot 13	145
Rajah 4.34: Makna Denotasi dan Konotasi Syot 14	147
Rajah 4.35: Makna Denotasi dan Konotasi Syot 15	149

SENARAI JADUAL

Jadual 4.1: Kod Budaya Syot 1	53
Jadual 4.2: Lembaran Komponen Budaya Syot 1	54
Jadual 4.3: Kod Budaya Syot 2	55
Jadual 4.4: Lembaran Komponen Budaya Syot 2	56
Jadual 4.5: Kod Budaya Syot 3	58
Jadual 4.6: Lembaran Komponen Budaya Syot 3	59
Jadual 4.7: Kod Budaya Syot 4	61
Jadual 4.8: Lembaran Komponen Budaya Syot 4	61
Jadual 4.9: Kod Budaya Syot 5	63
Jadual 4.10: Lembaran Komponen Budaya Syot 5	64
Jadual 4.11: Kod Budaya Syot 6	65
Jadual 4.12: Lembaran Komponen Budaya Syot 6	66
Jadual 4.13: Lembaran Kod Budaya Syot 7	68
Jadual 4.14: Lembaran Komponen Budaya Syot 7	68
Jadual 4.15: Kod Budaya Syot 8	70
Jadual 4.16: Lembaran Komponen Budaya Syot 8	71
Jadual 4.17: Kod Budaya Syot 9	72
Jadual 4.18: Lembaran Komponen Budaya Syot 9	73
Jadual 4.19: Kod Budaya Syot 10	75
Jadual 4.20: Lembaran Komponen Budaya Syot 10	75
Jadual 4.21: Kod Budaya Syot 11	77
Jadual 4.22: Lembaran Komponen Budaya Syot 11	78

Jadual 4.23: Kod Budaya Syot 12.....	79
Jadual 4.24: Lembaran Komponen Budaya Syot 12.....	80
Jadual 4.25: Kod Budaya Syot 13.....	82
Jadual 4.26: Lembaran Komponen Budaya Syot 13.....	82
Jadual 4.27: Kod Budaya Syot 14.....	84
Jadual 4.28: Lembaran Komponen Budaya Syot 14.....	85
Jadual 4.29: Kod Budaya Syot 15.....	87
Jadual 4.30: Lembaran Komponen Budaya Syot 15.....	87
Jadual 4.31: Komponen Budaya Kognitif.....	89
Jadual 4.32: Komponen Budaya Normatif.....	90
Jadual 4.33: Komponen Budaya Kebendaan	91
Jadual 4.34: Lembaran Komponen Budaya Keseluruhan.....	93
Jadual 4.35: Tema Kod Lisan	95
Jadual 4.36: Tema Pendidikan	97
Jadual 4.37: Tema Kehidupan Masyarakat India Era 90-an.....	100
Jadual 4.38: Tema Politik	103
Jadual 4.39: Tema Didikan Anak.....	106
Jadual 4.40: Tema Jenayah	109

SENARAI SINGKATAN

- FINAS : Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia
- NCIP : Dasar Industri Kreatif Negara
- NFP : Dasar Filem Nasional
- MIC : Malaysian Indian Congress

Universiti Malaya

BAB 1: PENGENALAN

1.1 Pengenalan

Bab ini membincangkan berkenaan latar belakang kajian yang meliputi filem dan filem Tamil Malaysia. Seterusnya pernyataan masalah, objektif kajian dan persoalan kajian dijelaskan. Ia dapat memberi gambaran terhadap tujuan kajian. Kepentingan kajian terhadap Masyarakat, pengarah, pembuat filem serta pengkaji juga diterangkan. Skop kajian dan definisi operasi dijelaskan dengan terperinci. Bab ini diakhiri dengan kesimpulan bab ini.

1.2 Latar belakang Kajian

Ferdinand de Saussure (1985) menyatakan, bahasa terbina dalam struktur yang mengandungi lambang-lambang dan setiap lambang mempunyai makna yang tersendiri. Ilmu linguistik ialah ilmu yang mengkaji bahasa secara saintifik (Hashimah, 2007). Bidang linguistik sungguh luas dan mempunyai cabang-cabang yang penting. Semiotik merupakan salah satu cabang Linguistik.

Kemunculan Ferdinand de Saussure dan Charles Sander Peirce memulakan cara baharu untuk melihat pengalihan falsafah bahasa kepada tanda, dan bermulanya Semiologi Kontemporari. Bahasa sebagai ungkapan manusia yang telah diterima setakat ini diperluaskan dengan memperkenalkan tanda sebagai pemahaman baru yang 'melampaui bahasa manusia'. Dalam konteks ini linguistik moden Ferdinand de Saussure menjadi asas yang penting. Semiotik adalah makna teks dan tanda kerana Semiotik adalah sesuatu yang logik apa yang disebut sebagai 'Logocentrism' oleh budaya barat (Kurniawan, 2001).

Ferdinand de Saussure meletakkan tanda dalam konteks komunikasi manusia dengan menyusun antara Signifier (penanda) dan Signified (tanda). Signifier adalah bunyi yang bermakna atau tulisan yang bermakna (aspek material), yaitu apa yang dikatakan dan apa yang ditulis atau dibaca. Manakala Signified adalah gambaran mental, yaitu pemikiran atau konsep bahasa (aspek mental) (Bertens, 1985). Kedua-dua elemen ini adalah seperti dua sisi sekeping mata wang atau sekeping kertas.

Louis Hjelmslev dan Jakobson juga telah mengembangkan Semiotik Ferdinand de Saussure. Hjelmslev dan Jakobson menyumbang kepada perkembangan teori Semiotik. Manakala Charles Sanders Peirce merumuskan modelnya sebagai 'Semiotik' dan taksonomi tanda-tanda dalam bentuk segitiga yang serba lengkap. Seperti berikut:

- a. **Representamen:** bentuk yang diambil oleh tanda (tidak semestinya bahan)
- b. **Pentafsiran:** bukan jurubahasa tetapi rasa yang dibuat dari tanda
- c. **Objek:** yang mana tanda itu merujuk.

Menurut Charles Sanders Peirce, tanda adalah sesuatu yang berbentuk fizikal yang dapat ditafsir oleh panca indera manusia dan merupakan sesuatu yang merujuk (merepresentasikan) hal lain di luar tanda itu sendiri. Tanda menurut Peirce terdiri dari Simbol (tanda yang muncul dari kesepakatan), Ikon (tanda yang muncul dari perwakilan secara fizikal) dan Indeks (tanda yang muncul dari hubungan sebab dan akibat). Sedangkan acuan tanda ini disebut objek. Objek atau acuan tanda adalah konteks sosial yang menjadi rujukan dari tanda atau sesuatu yang dirujuk tanda.

Bidang Semiotik yang dikemukakan oleh Sander Pierce (1867) dan Ferdinand de Saussure (1985) terus dibahas dan dikembangkan. Antara tokoh yang telah mengembangkan kajian semiotik ini ialah Roland Barthes (1964). Roland Barthes

mengatakan bahawa semiotik adalah sebahagian daripada linguistik. Ia adalah bahagian yang merangkumi gabungan wacana yang hebat (Barthes, 1968). Barthes menggunakan 'makna peringkat' denotasi dan konotasi untuk menganalisis tanda-tanda dalam objek visual.

Barthes mendefinisikan makna pertama sebagai hubungan antara tanda dan penanda mengikut kepada realiti luaran (Fiske, 2004). Barthes menyatakannya sebagai denotasi kerana ia mewakili makna yang paling jelas bagi sesuatu tanda. Konotasi adalah istilah yang digunakan oleh Barthes untuk menunjukkan urutan kedua makna signifikasi tanda tersebut. Ini menerangkan interaksi yang berlaku apabila tanda memenuhi perasaan atau emosi pembaca serta nilai budayanya. Boleh dirumus, denotasi ialah tanda yang mewakili objek, manakala konotasi adalah cara untuk menggambarkannya. Tahap makna ini kemungkinan akan berbeza mengikut individu.

Mitos pula hasil pentafsiran lanjutan daripada denotasi dan konotasi yang disesuaikan dengan keadaan dan budaya dalam masyarakat. Konotasi mempunyai makna subjektif atau makna yang lebih mendalam. Makna tersebut berdasarkan perasaan emosi seseorang yang dihasilkan dalam interaksi sosial dan budaya.

Keadaan tanpa hiburan filem dikatakan tidak dapat diimajinasikan (Bordwell & Thompson, 2008). Ini kerana filem berperanan sebagai hiburan dan juga sebagai saluran informasi kepada penonton (Rorong, 2020).

Sejarah perfileman barat bermula pada tahun 1895 dan menjadi alat hiburan dan media komunikasi yang berpengaruh pada abad ke-20. Tanah Melayu seperti kebanyakan negara yang telah dijajah, hanya kenal pawagam semasa zaman penjajahan, sama seperti negara-negara Dunia Ketiga yang lain. Pada tahun 1898, filem pertama

diperkenalkan ke Tanah Melayu semasa zaman penjajahan British. Walau bagaimanapun, pada masa itu hanya terdapat satu pawagam dan ia dibina oleh seorang Inggeris bernama Willis pada tahun 1907 di Singapura.

Dari pembinaan pawagam pertama di Singapura (Singapura adalah sebahagian daripada Malaya pada masa itu) sejarah filem Melayu berkisar dan bermula di Singapura, industri filem berkembang kerana ia adalah nadi industri hiburan pada masa itu. Filem pertama pada tahun 1933 yang diarahkan oleh B.S. Rajhans bertajuk 'Leila Majnun' (Ponnan, 2010). Namun, hanya pada tahun 1950-an, perkembangan filem bahasa Melayu dapat disaksikan.

Walaupun pada 1933 filem pertama berjaya dikeluarkan namun filem pertama yang menyatukan semua kaum di Malaysia di bawah satu bumbung adalah pada tahun 1959 oleh pelakon dan penerbit Tan Sri P. Ramlee dalam Pendekar Bujang Lapok (Mohd Shariff, 2013). Filem ini menjadi contoh bagi setiap filem lain yang berhasrat untuk memupuk perpaduan di kalangan penontonnya.

Di Malaysia istilah 'Filem Malaysia' muncul selepas pembentukan negara Malaysia pada tahun 1963. Ini membawa kepada perubahan istilah 'Filem Melayu' kepada filem Malaysia. (Fatimah et. al, 2020). Filem Malaysia memaparkan masyarakat Malaysia yang menggunakan bahasa selain bahasa Melayu seperti Mandarin, Kantonis dan Tamil sebagai medium komunikasi antara watak-wataknya. Tahun 1990 menandakan permulaan era filem aliran baharu di mana industri filem nasional Malaysia matang. Kematangan ini diukur dari segi penglibatan warganegara tempatan pelbagai etnik sebagai penerbit, pengarah dan tenaga kreatif, serta pembikinan filem-filem nasional dengan pelbagai bahasa etnik (Fatimah et. al, 2020).

Sejarah filem Tamil Malaysia pula bermula pada tahun 1968 dengan filem pendek "Ratta Peei" yang diarah oleh Mu. Bahruthin. Kemudian filem Tamil penuh pertama telah diterbitkan pada tahun 1991. Filem yang berjudul "Nan Oru Malaysian" (I'm a Malaysian) ini telah diterbitkan di bawah produksi dan arahan Sukan Panjatcharam. Malangnya, filem ini tidak mendapat sambutan yang baik. Setelah 13 tahun mengharungi pelbagai halangan Filem Tamil Malaysia berjaya diterbitkan semula pada tahun 2005. Mulai tahun 2005 industri Filem Tamil Malaysia berkembang semula. Banyak filem Tamil telah diterbitkan dan mendapat sambutan daripada penonton tempatan.

Kini di Malaysia, selain daripada filem -filem Melayu tempatan, filem Tamil dan Cina juga mendapat pengistiharaan sebagai filem Malaysia kerana mengandungi elemen-elemen dan unsur- unsur budaya Malaysia. Justeru elemen-elemen budaya memang tidak dapat dipisahkan dari filem.

Dari sudut semiotik, budaya adalah dirujuk sebagai reaksi anggota masyarakat dalam sesuatu kelompok masyarakat yang mengenali lambang-lambang untuk diinterpretasikan dan untuk menghasilkan sesuatu makna (Shore, 1998). Jadi, pemaparan kod budaya dalam sesuatu filem harus difahami dengan tepat oleh penonton filem. Perkara ini dapat mengelakkan salah tafsiran oleh penonton filem.

Kajian simbol atau tanda-tanda dalam filem pertama telah dijalankan oleh Christian Metz (1991). Menurut Ike Desi Florina (2014) berdasarkan Metz, filem itu memberi makna khas kepada imej sesuatu dan bukannya digunakan sewenang-wenangnya. Kajian makna dalam filem ini juga merangkumi pemahaman tentang tanda-tanda dan

makna. Semiotik yang berkaitan dengan sistem (penanda dan tanda- tanda) dan simbol dalam filem sangat berkait rapat dengan budaya masyarakat.

Menurut Barthes kehidupan sosial juga merupakan sistem tanda ataupun kod. Oleh itu, Kehidupan sosial sering digambarkan melalui filem. Ini kerana filem dapat menjangkau banyak segmen sosial yang dapat mempengaruhi penonton melalui kod-kod yang mempunyai makna tersirat memberi mesej dan ajaran kepada penonton. Roland Barthes menyatakan bahawa penggunaan sesuatu objek juga menjadi tanda atau kod yang mewakili dirinya sendiri (Presnell, 1984).

Isu budaya dikaji dengan pelbagai kaedah kajian menggunakan teori semiotik. Semiotik menggunakan sistem yang dipanggil 'tanda' ataupun 'kod' untuk menterjemahkan sesuatu makna (Soikun, 2020). Kini, teori semiotik digunakan secara meluas dalam pelbagai bidang pengajian. Antaranya ialah filem. Filem bukan sahaja memberikan maksud melalui bahasa sahaja malah keseluruhan visual dan kod juga memberikan makna tertentu. Menurut Puspitasari (2021), visual filem terdiri daripada kod semiotik budaya masyarakat yang boleh memberi mesej.

1.2.1 Filem

Filem merupakan alat komunikasi dan hiburan yang penting pada masa kini. Melalui filem, masyarakat dapat menerima pesanan serta informasi dalam bentuk visual dan bentuk verbal dari cerita filem yang disajikan. Filem juga merupakan suatu media komunikasi massa yang dapat diterima oleh panca indera manusia dalam bentuk audio visual untuk menyampaikan mesej atau informasi kepada khalayak (Larasati, 2020).

Bidang perfileman juga telah berkembang dalam akademik melalui dua kefahaman (ideologi). Iaitu melalui pengkaji teks (textualist) dan pengkaji refleksi (Reflectionist) (J Chapman, 2003).

i) Pengkaji teks

Pengkaji teks menyatakan filem sebagai luahan idea. Pengkaji teks juga memberikan fokus kepada teks ataupun skrip filem. Pengkaji-pengkaji teks berpendapat bahawa kajian teks teks/skrip sesuatu filem sudah memadai untuk mengkaji filem. Manakala pembuatan filem dan lain-lain elemen seperti latar, rakaman, sudut kamera, penyuntingan, muzik dan sebagainya tidak penting dalam kajian tentang aspek sosiologi dalam filem. Hal ini kerana pengkaji yakin teks ataupun skrip filem tersebut akan memberikan panduan yang secukupnya terhadap kajian tentang pemahaman filem.

ii) Pengkaji refleksi

Pengkaji refleksi pula memberikan tumpuan kepada keseluruhan filem. Mereka berpendapat bahawa pengkajian semua elemen dalam sesebuah filem akan memberikan penemuan atau makna yang lebih tepat yang mungkin tidak dapat ditemui jika teks dan skrip sahaja dikaji sebagai bahan kajian. Pengkaji refleksi juga menyatakan bahawa elemen-elemen yang ditayangkan dalam sesebuah filem itu mempengaruhi minda para penonton melalui aspek-aspek budaya dan sosial.

Akhirnya, kedua-dua idea ini telah diterima dan digabungkan oleh para pengkaji dan sejarawan dalam mengkaji sejarah filem dan juga aspek-aspek sosiobudaya dalam filem. Pada mulanya pengkaji tidak sangka evolusi dalam bidang media komunikasi, khususnya media filem akan menarik minat mereka. Tetapi pengaruh filem dalam

kalangan masyarakat dan usaha yang telah dilakukan dalam bidang filem telah menarik minat para sarjana untuk menerima filem sebagai bahan kajian akademik. Pada abad yang ke-21, bidang filem telah mula digunakan sebagai bahan bukti kajian dalam pelbagai bidang sosial (Short, 1981, ms.16). Dengan ini dapat dikatakan bahawa filem salah satu bidang kajian akademik.

Di Malaysia, kerajaan mengakui kepentingan produk kebudayaan seperti filem sebagai bidang memberi pendapatan dan mempromosikan budaya dan warisan Malaysia kepada dunia. Kerajaan juga sedar bahawa untuk merealisasikan industri Perfileman, industri perfileman yang berkualiti dan berdaya saing diperlukan untuk memajukan kewujudan industri dan budaya tempatan.

Jawatankuasa Kemajuan Filem Nasional ditubuhkan pada 26 Julai 1980 dari idea itu. Salah satu cadangannya adalah untuk menubuhkan Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia (FINAS) yang memacu pembangunan industri perfileman tempatan. Penubuhan FINAS adalah selaras dengan Akta Filem Pembangunan Negara 1981 (Akta 244) dan diselia oleh Kementerian Perdagangan dan Industri Malaysia pada peringkat awal dan kini diletakkan di bawah Kementerian Multimedia dan Komunikasi.

Dasar Filem Nasional (NFP) diperbaharui pada tahun 2005 selepas ia digubal pada tahun 1997 untuk mengukuhkan industri perfileman tempatan, Dasar ini merupakan rangka tindakan untuk industri perfileman tempatan bergerak ke hadapan dengan dua objektif utamanya, iaitu:

- i. untuk membangunkan industri perfileman tempatan untuk menjadi lebih rancak dan bersaing dengan industri perfileman antarabangsa.
- ii. Malaysia akan menjadi hab destinasi bagi pembikinan filem.

Dalam memberi lebih dorongan kepada NFP, Dasar Industri Kreatif Negara (NCIP) telah digubal dan diperkenalkan pada tahun 2010 untuk memacu pertumbuhan industri kreatif sebagai sumber pendapatan dan penciptaan pekerjaan, salah satu strategi Malaysia untuk menjadi negara berpendapatan tinggi pada tahun 2020. Kabinet meluluskan NCIP pada November 2010 sebagai rangka kerja untuk industri budaya tempatan. NCIP merangkumi tiga elemen iaitu kreatif multimedia - filem dan televisyen yang dihasilkan, pengiklanan, animasi, kandungan digital dan seni halus; industri kreatif seni budaya - kraf, seni visual, muzik, seni persembahan, penulisan kreatif dan; sektor kreatif warisan budaya - muzium dan pengarkiban yang melibatkan pemuliharaan dan pemuliharaan (Hisham, 2019).

Industri perfileman Malaysia boleh dikatakan sudah semakin maju sejak tubuhnya (FINAS) pada tahun 1981, banyak kemajuan telah berlaku dalam industri perfileman. Kini bantuan kewangan dari FINAS telah diterima oleh para pembikin filem. Industri filem di Malaysia mempunyai potensi besar untuk menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi negara. Industri filem di Malaysia telah melalui pelbagai isu dan cabaran dalam dekad yang lalu sehingga kini.

1.2.2 Filem Tamil Malaysia

Pada sekitar tahun 2000-an ramai anak muda India telah mula menceburi industri penerbitan filem Tamil. Walau bagaimanapun pada mulanya mereka hanya berusaha dalam penerbitan telefilem Tamil. Hal ini kerana, penerbitan telefilem tidak memakan kos yang tinggi dan juga rakamannya dapat dibuat menerusi video kamera. Usaha yang telah dilakukan dalam penghasilan telefilem-telefilem Tamil dan sambutan dalam kalangan masyarakat India Malaysia yang menggalakkan, telah memberikan keyakinan kepada penerbit tempatan untuk seterusnya menghasilkan filem- filem Tamil.

Semangat pembikinan filem Tamil Malaysia dalam kalangan masyarakat India Malaysia adalah tercetus daripada industri perfileman Tamil Nadu (Kollywood). Pada awal penerbitan filem, filem Tamil kebanyakannya mempengaruhi keadaan dan suasana negara India. Namun demikian, setelah tahun 2000 bentuk penghasilan filem Tamil Malaysia tidaklah dipengaruhi sepenuhnya oleh industri perfileman Tamil Nadu. Idea dalam pembikinan filem Tamil Malaysia adalah selepas merdeka, suasana persekitaran dan sebagainya juga didapati terhasil berdasarkan identiti tersendiri masyarakat India Malaysia. Usaha ini mencetuskan kepercayaan semangat dalam kalangan penerbit-penerbit filem Tamil Malaysia untuk menghasilkan filem Tamil Malaysia yang berkualiti tinggi. Kepelbagaian etnik dan budaya telah menjadi ciri Malaysia sejak zaman pra-penjajahan (Wei, 2018) juga telah membawa pembikinan filem Tamil Malaysia kepada 'Filem Malaysia' yang sesuai ditonton oleh semua kaum di Malaysia.

1.3 Pernyataan Masalah

NFP diperbaharui pada tahun 2005 selepas ia digubal pada tahun 1997 untuk mengukuhkan industri perfileman tempatan, Dasar ini merupakan rangka tindakan untuk industri perfileman tempatan bergerak ke hadapan dengan dua objektif utamanya, iaitu :

- (i) untuk membangunkan industri perfileman tempatan untuk menjadi lebih bersaing dengan industri perfileman antarabangsa
- (ii) Malaysia akan menjadi 'hab' destinasi bagi pembikinan filem.

Dengan ini dapat diketahui, kerajaan akui kepentingan filem sebagai industri yang memberi pendapatan dan menegakkan budaya dan warisan Malaysia di persada dunia.

Ilmu tentang sesebuah budaya dan bangsa juga memainkan peranan penting. Penonton seharusnya memahami kod-kod budaya yang terdapat dalam filem untuk memahami mesej yang disampaikan. Kegagalan untuk memahami kod budaya dalam filem boleh memberikan gambaran yang kurang tepat dan berkesudahan dengan salah faham di kalangan penonton. Ini kerana filem umumnya mementingkan kod untuk menggambarkan sesuatu (Fazmi & Zairul, 2019).

Cara penggambaran dan pemahaman orang ramai tentang visual adalah salah satu aspek dalam menghasilkan filem yang berkualiti dan disukai ramai. Tetapi hakikatnya tidak semua penonton memahami apa yang disampaikan oleh sesuatu filem (Fazmi, 2019).

Penggunaan pelbagai elemen perfileman seperti latar, watak, pakaian dan pencahayaan memberi impak terhadap makna yang disalurkan dengan pengetahuan teknikal, kreativiti dan budaya (Fazmi, 2019). Dengan ini, filem dapat 'berkomunikasi' dengan penonton untuk menyampaikan makna tersirat. Jika penonton gagal memahami makna tersirat maka sesuatu filem yang diterbitkan berkemungkinan tidak dapat sambutan dari penonton secara tidak langsung filem tersebut akan gagal dan pengeluar filem akan rugi. Maka bagi memahami sesuatu filem penonton harus mempunyai pemahaman terhadap kod-kod budaya (Wirhayati, 2019).

Ilmu tentang sesebuah budaya dan bangsa juga memainkan peranan penting. Pemahaman terhadap sesebuah filem tidak hanya terikat dengan dialog. Penonton seharusnya memahami kod budaya yang terdapat dalam sesebuah filem untuk memahami mesej yang ingin disampaikan.

Negara seperti Malaysia yang mempunyai pelbagai kaum, kepercayaan dan budaya, sukar untuk memahami makna tersirat sesuatu filem, kerana tiada pengertian yang mendalam tentang budaya yang lain. Oleh yang demikian kajian terhadap kod budaya ini amat relevan. Justeru, bagi merealisasikan objektif NFP pemahaman semiotik filem terhadap kod-kod budaya adalah penting. Pendekatan ini harus dinilai dalam konteks ilmiah.

1.4 Objektif

Kajian ini dilaksanakan untuk:

1. Mengkategorikan kod budaya yang terdapat dalam latar filem Tamil 'Jagat'
2. Menerangkan maksud kod budaya yang terdapat dalam latar filem Tamil 'Jagat' dari dua tahap iaitu denotasi dan konotasi.

1.5 Persoalan Kajian

1. Apakah kategori kod budaya yang terdapat dalam latar filem Tamil 'Jagat'?
2. Apakah makna denotasi dan konotasi kod-kod budaya yang terdapat dalam latar filem Tamil 'Jagat'?

1.6 Kepentingan Kajian

Kajian ini berpotensi memberi manfaat kepada pelbagai pihak. Seterusnya diterangkan kepentingan kajian terhadap masyarakat, pengarah, pembuat filem dan pengkaji filem itu sendiri.

1.6.1 Masyarakat

Kajian ini juga penting untuk masyarakat pelbagai kaum di Malaysia kerana banyak perkara yang terdapat dalam latar filem berkait rapat dengan sosial masyarakat. Masyarakat sebagai 'penonton' penting dalam industri perfileman. Malah kajian terhadap kod-kod budaya ini dapat memberi pendedahan kepada masyarakat untuk memahami filem secara keseluruhan. Menurut Low (2018) apabila penonton menonton filem di pawagam mereka lebih tertarik kepada filem barat daripada filem tempatan. Kajian terhadap filem tempatan mampu mengubah persepsi masyarakat dan menarik minat mereka untuk menonton filem tempatan.

1.6.2 Pengarah Dan Pembuat Filem

Pengarah dan pembuat filem Malaysia harus prihatin untuk menarik minat penonton tempatan, yang merangkumi kumpulan etnik yang berbeza, dan kepelbagaian masyarakat. Chang Song, W. (2019) kerana ia akan mengenal pasti perspektif pengarah terhadap pemahaman budaya yang ingin disampaikan menerusi latar visual sinematik yang dapat membawa makna yang mendalam.

1.6.3 Pengkaji Filem

Kajian ini juga penting, kerana akan memberi sedikit panduan kepada pengkaji – pengkaji yang ingin menerokai bidang perfileman. Hala tuju filem Tamil Malaysia juga dapat dikenal pasti. Ia juga akan menjadi sumber rujukan pada masa akan datang. Secara keseluruhannya, filem Tamil 'Jagat' ini penuh dengan sentuhan seni serta signifikan yang tersendiri yang harus difahami. Ia dapat merungkai makna tersirat dan akan dapat membantu penonton memahami makna yang ingin disampaikan.

1.7 Skop Kajian

Kajian ini hanya menganalisis kod budaya yang terdapat pada latar filem Tamil Malaysia iaitu filem yang berjudul 'Jagat'. Tiga Komponen Budaya yang dinyatakan oleh Ismail Said (2009) akan dikaji dengan menggunakan teori semiotik 'Two Order of Signification' Roland Barthes (1964). Teori Roland Barthes ini menganalisis 3 tahap makna iaitu denotasi, konotasi dan mitos. Namun begitu dalam kajian ini pengkaji hanya menganalisis 2 tahap makna iaitu denotasi dan konotasi. Mitos terpaksa digugurkan kerana makna mitos akan menyentuh kepercayaan dan pegangan sesuatu kaum ataupun etnik. Filem yang dikaji mempunyai penglibatan 3 kaum utama di Malaysia. Maka tindakan ini diambil untuk tidak menyinggung mana-mana kaum dan etnik. Tambahan pula skop penulisan disertasi ini telah dihadkan untuk memberi perhatian secukupnya terhadap 2 tahap maksud iaitu denotasi dan konotasi.

1.8 Definisi Operasi

1.8.1 Kod budaya

Kod budaya adalah simbol dan sistem makna yang mempunyai kaitan tertentu dengan ahli kumpulan atau masyarakat tertentu. Konsep budaya telah lama dikaji oleh ahli teori. Pada tahun 1952, Kroeber dan Kluckhohn telah menyatakan 164 definisi bagi istilah budaya. Definisi budaya berbeza dari segi bidang dan organisasi.

Salah satu definisi terawal 'Budaya' ialah oleh E.B. Tylor (1871). Menurut beliau, budaya adalah sesuatu yang kompleks yang merangkumi pengetahuan, kepercayaan, seni, moral, undang-undang, adat, dan keupayaan lain yang diperolehi oleh manusia sebagai ahli masyarakat' (Tylor, 1871). Pandangan budaya ini kemudiannya dibangunkan oleh ahli sosiologi dan ahli teori seperti Sorokin (1947), Parsons (1952) dan Merton (1968).

Pemahaman budaya sering dinyatakan melalui penggunaan kod. Kod adalah sistem tanda, simbol atau tingkah laku yang digunakan untuk menyampaikan mesej yang terikat secara konteks. Kod biasanya dinyatakan pada tahap yang dapat dilihat, secara lisan dan bukan lisan, Kod-kod budaya adalah hasil daripada kesan, dan interaksi dengan, tahap budaya yang lain. Ini bermakna bahawa apa yang diperhatikan sering tidak masuk akal kepada orang luar. Kod hanya diketahui oleh pengarang dan pencipta ataupun boleh dikatakan tanda makna yang dipersetujui oleh sesuatu kumpulan atau kelompok masyarakat. Kod budaya membolehkan komunikasi yang cepat. Melalui kod juga sesuatu kelompok masyarakat boleh menyembunyikan 'mesej sebenar' daripada orang luar.

Pemahaman budaya berlaku melalui tanda-tanda yang bermakna dalam budaya. Budaya adalah pengetahuan yang dipelajari dan disalurkan dari satu generasi kepada generasi melalui simbol-simbol yang bermakna.

Tuntasnya, adalah penting memahami kod budaya bagi memahami sesuatu budaya atau kepercayaan masyarakat atau kelompok.

1.8.2 Latar Filem

Istilah 'latar filem' yang digunakan dalam kajian ini merujuk kepada tanda visual yang terdapat pada filem selain daripada watak dan perwatakan. Latar filem membentuk hujah metafora yang menarik untuk diperhatikan. Selain itu pemerhatian visual diperlukan untuk memahami jalinan yang diwakilinya. 'Latar filem' yang dianalisis dalam kajian ini di ambil sebagai syot/ imej.

1.9 Kesimpulan

Kesimpulannya, kajian ini menganalisis kod budaya yang terdapat dalam filem Tamil yang telah dipilih berjudul 'Jagat'. Analisis dilakukan berdasarkan objektif yang telah ditentukan. Untuk itu, kaedah kualitatif dan pendekatan semiotik digunakan. Kajian ini juga dibahagikan kepada 5 bab. Pemahaman terhadap kod budaya dalam sesuatu filem penting untuk memahami plot filem dan budaya yang tersirat maknanya. Justeru, Kajian 'Analisis Kod Budaya dari Perspektif Semiotik Dalam Latar Filem Tamil 'Jagat' adalah relevan.

Universiti Malaya


BAB 2: SOROTAN KAJIAN

2.1 Pengenalan

Bab ini membincangkan sorotan kajian yang berkaitan dengan kajian filem yang dijalankan. Bab ini dibahagikan kepada 4 sub tajuk iaitu Pengenalan, Teori Semiotik Roland Barthes, Teori Semiotik dalam filem, dan budaya. Kajian lampau dibincang mengikut sub tajuk. Bab ini diakhiri dengan kesimpulan.

2.2 Teori Semiotik Roland Barthes

Penekanan Barthes ini dikenali sebagai “Two Order of Signification.” Kajian tentang makna atau simbol dalam bahasa atau tanda yang dibahagikan kepada dua tahap signifikasi, iaitu tahap denotasi (denotation) dan tahap konotasi (connotation) serta aspek lain dari penandaan, iaitu mitos (myth).



Sumber: John Fiske (1990)

Rajah 2.1: Model Teori “Two Orders of Signification” Roland Barthes

Denotasi adalah makna pertama sesuatu tanda. Fiske (1982) menjelaskan bahawa denotasi adalah apa yang digambarkan. Ini bermakna bahawa denotasi ditakrifkan sebagai apa yang kita lihat secara literal dalam kata lain bermaksud makna kamus. Manakala, konotasi adalah makna tahap kedua tanda yang mengandungi makna perubahan mengikut budaya atau makna yang dipersetujui sesuatu kelompok.

Konotasi juga boleh didefinisikan sebagai makna yang dapat diberikan kepada kod-kod atau tanda-tanda apabila ia berinteraksi atau bertemu dengan perasaan atau emosi dari pembaca serta nilai-nilai dari kebudayaannya. Penelitian tanpa menggunakan teori tertentu sudah pasti tidak dapat mencapai pemahaman secara objektif.

Berdasarkan kenyataan (Metz,1974), konotasi boleh menghasilkan makna kedua yang tersembunyi, atau apa yang dipanggil 'mitos'. Konotasi digunakan oleh Roland Barthes untuk menerangkan salah satu daripada tiga cara tanda berfungsi pada tahap tanda kedua. 'Konotasi' Roland Barthes memberikan gambaran keseluruhan interaksi apabila tanda itu memenuhi emosi dan nilai budaya pengguna.

Menurut Roland Barthes mitos adalah sistem komunikasi; mitos itu adalah mesej; Mitos adalah cara penandaan. Roland Barthes percaya bahawa segala tanda ataupun kod boleh menjadi mitos jika objek itu mengandungi mesej berdasarkan kepercayaan dan kebudayaan. Menurut Roland Barthes lagi, satu lagi ciri mitos adalah ia tidak ditentukan oleh bahan tetapi oleh mesej yang disampaikan. Oleh yang demikian dalam sesebuah filem, kod-kod seperti lukisan, patung, fotografi, iklan, latar dan bahasa juga boleh menjadi makna mitos mengikut keadaan. Menurut Barthes, terdapat tiga dimensi penanda, tanda, dan mesej dalam mitos. Tetapi mitos adalah sistem unik yang dibina dari rantaian semiotik yang berkait dengan sesebuah kepercayaan dan kebudayaan (Wulandari, 2020).

Kod merupakan tanda sosial yang memainkan peranan dalam aspek perhubungan. Kod sering kali dirujuk sebagai suatu sistem peraturan. Kod didapati menghubungkan pengirim "Addresser" dan penerima "Addressee" secara fizikal melalui maklumat yang harus difahami oleh kedua-dua belah pihak (Bronwen Martin & Felizitas Ringham,

2006, ms.42). Kod adalah tanda yang mempunyai sistem makna tersendiri (Kurniawan, 2001).

Roland Barthes (1964, ms.14-16) juga menyatakan bahawa bahasa sebagai kod yang dapat melambangkan nilai sosial seseorang individu. Setiap bahasa mempunyai bunyi yang dikemukakan melalui penutur sebagai tanda dan penerima. Hal ini adalah suatu proses perkongsian yang berlaku dalam fenomena tanda (Buhler, 1985, ms.70). Bahasa adalah tanda identiti budaya dan memainkan peranan penting dalam kehidupan sosial sesuatu golongan masyarakat (Kurniawan, 2001, ms.51). Saussure (1985, ms.34-35) menegaskan bahasa sebagai suatu sistem tanda seperti mana tanda-tanda yang lain dan mempunyai makna-makna tersendiri.

Sejak abad ke-20, banyak tayangan filem yang menggambarkan 'interkulturalisme' sebagai lensa sosial yang menggambarkan norma-norma kehidupan dan nilai-nilai sosial. Kejayaan sebuah film dapat mempertimbangkan banyak factor seperti tampilan layar yang unik, pelakon yang terkenal, kamera, pencahayaan dan suara. Nilai estetik sebuah filem merupakan alat yang paling penting yang mampu untuk memikat penonton. (Fazmi, 2019). Maka, analisis berdasarkan teori Semiotik dalam filem adalah penting.

2.3 Teori Semiotik dalam Filem

Beberapa kajian telah dijalankan ke atas filem menggunakan pendekatan semiotik. Nisa (2017) menganalisis tanda semiotik dalam filem 'Colombiana' (2011) menerangkan tanda-tanda 'Cattleya Orchid' yang muncul dalam adegan filem itu. 'Cattleya' ialah Pembunuh wanita Colombia yang membunuh untuk membalas dendam kematian ibu bapanya. Tumpuan kajian adalah untuk menerangkan makna Orkid Cattleya. Pengaji

mengenal pasti tanda-tanda 'Orkid Cattleya' mewakili identiti diri watak utama dalam filem Colombiana. Nisa menggunakan kaedah kualitatif dan teknik analisis deskriptif untuk menganalisis tanda-tanda. Teori Barthes, Denotasi dan Konotasi digunakan. Dapatan Nisa menunjukkan bahawa setiap tanda orkid mencerminkan identiti diri dalam filem itu. Kajian latar filem Tamil 'Jagat' juga akan dianalisis dengan menggunakan kaedah dan teori yang sama. Namun kajian akan tertumpu kepada tanda budaya yang terdapat dalam latar filem.

Seterusnya, dalam kajian bertajuk "Semiotic Analysis of Gesture in 'Marlina the Murderer in Four Acts' Film", Winona Emelia, T. W. (2018) telah meneroka gerak isyarat watak Marlina dan menganalisisnya dengan menggunakan teori semiotik Barthes. Menurut pengkaji, kajian semiotik bukan sahaja boleh menganalisis bahasa, tulisan dan verbal yang terdapat dalam filem malah boleh menganalisis unsur visual bukan lisan. Di akhir kajian ini, penulis menyatakan bahawa terdapat banyak tanda dan isyarat semiotik dalam filem yang dikaji.

Kajian bertajuk "Analisis Semiotik Watak Dalam Filem *"Terbaik Dari Langit"* oleh Hisham, M. F. (2019) membincangkan tentang sistem tanda dan penanda yang membawa makna dalam aspek watak dan perwatakan dalam filem tersebut. Teori "Two order of signification" oleh Rolands Barthes, iaitu tahap Denotasi (Denotation) dan tahap Konotasi (Connotation) serta aspek dari penandaan, iaitu Mitos (Myth) telah digunakan. Menurut Hisham, M. F. (2019), dalam kajian ini pendekatan semiotik digunakan untuk mengkaji watak melalui elemen sinematik yang terdiri daripada latar belakang, pakaian, pencahayaan, komposisi, sudut kamera, suntingan dan bunyi untuk mendapatkan makna semiotik yang berkesan.

Fazmi (2019) dalam kajiannya menggunakan teori Denotasi dan Konotasi Roland Barthes untuk menganalisis Warna Terhadap Latar dan Watak 'Filem Lelaki Harapan Dunia (2014)'. Melalui kajian tersebut didapati warna mempengaruhi hubungan sosial budaya.

Terdapat juga kajian filem yang menganalisis tanda-tanda yang mewakili feminisme dan gender. Filem 'Alice in Wonderland (2010)' menggunakan kaedah kajian Semiotik dengan pendekatan kualitatif-interpretif, paradigma konstruktivisme. Kaedah analisis Semiotik Roland Barthes telah digunakan dalam kajian ini. Surahman (2019) sebagai pengkaji menyatakan watak Alice dalam filem 'Alice in Wonderland (2010)' dibina melalui simbol dan tanda-tanda yang Konotasi dan Denotasi. Menurut pengkaji juga, penanda pada dasarnya membuka pelbagai peluang untuk memahami tanda atau makna sesebuah filem.

Kajian bertajuk "Analisis Semiotika Roland Barthes Dalam Film Pendek 'Wedok'". Kajian ini menggunakan pendekatan semiotik dari Roland Barthes yang mengkaji makna Denotasi, makna Konotasi serta makna Mitos yang terkandung dalam filem tersebut. Melalui kajian semiotik filem Wedok ini, penonton dapat mengetahui, merasakan, dan mengkritik tekanan terhadap ketaksamaan gender. Pengkaji berharap kajian terhadap Filem Wedok ini dapat memberikan pendidikan dan mengurangkan ketaksamaan jantina.

Seterusnya Dianiya (2020) menggunakan pendekatan semiotik Roland Barthes iaitu menganalisis tanda-tanda berbentuk perkataan, imej, bunyi, pergerakan dan objek yang berdasarkan tiga perkara iaitu Konotasi, Denotasi dan Mitos yang terkandung dalam filem Parasite. Kajian bertajuk "Representation Of Social Class In Film (Semiotic

Analysis Of Roland Barthes Film Parasite)” itu telah meneliti objek atau imej boleh menghasilkan makna atau proses yang kita fahami. Berdasarkan analisis semiotik Roland Barthes, pengkaji mendapati sekurang-kurangnya lima perkara berkaitan tanda-tanda yang terdapat dalam babak filem tersebut iaitu:-

- a. Kemudahan hidup dan gaya hidup yang berbeza.
- b. Perbezaan fesyen atau pakaian yang dipakai oleh setiap kelas.
- c. Terdapat sempadan kelas sosial yang tidak sedarkan diri.
- d. Bau badan boleh menjadi identiti kelas
- e. Percanggahan kelas dengan simbol hitam dan putih

Berdasarkan lima perkara tersebut, filem Parasite ini menunjukkan bahawa perbezaan kelas sebenarnya bukan sekadar perkataan ‘kaya’ dan ‘miskin’ yang boleh dipaparkan dalam dialog, tetapi boleh ditunjukkan melalui tanda-tanda yang boleh ditafsir secara sosial oleh khalayak. Secara tuntas pengkaji menyatakan bahawa pendekatan semiotik Roland Barthes amat sesuai digunakan untuk mengkaji tanda-tanda abstrak yang terdapat dalam filem untuk memahami makna yang tersirat.

Kajian bertajuk “Denotative and Connotative Meanings in Masha and The Bear Cartoon Movie” telah dijalankan oleh Muslimin, D.M. (2017). Dalam kajian ini, pengkaji menganalisis makna dan fungsi Denotasi dan Konotasi dalam kartun “Masha and The Bear” menggunakan teori Roland Barthes. Di samping itu, pengkaji juga menggunakan kaedah deskriptif kualitatif. Dapatan kajian menunjukkan bahawa kartun yang dikaji lebih dominan dalam makna Konotasi.

Seterusnya Ririn (2020) membincangkan teori semiotik Roland Barthes dalam kajiannya yang bertajuk “A Depiction of Gender Role Denotation of Color in Trolls

Movie by Mike Mitchell”. Pengkaji memilih filem Troll sebagai bahan kajian. Pengkaji mengkaji makna warna yang terdapat dalam filem ini. Proses analisis menggunakan pendekatan semiotik Roland Barthes. Kaedah penyelidikan yang digunakan dalam kajian ini adalah penyelidikan kualitatif deskriptif. Data dikumpulkan dengan cara pemerhatian, transkrip, menerangkan dan menafsirkan angka dalam filem Troll. Dapatannya, penggunaan simbol warna mempunyai makna kepada mesej atau sesuatu kefahaman. Menurut Ririn (2020) ia boleh menjadi salah satu strategi bagi pengarah untuk menyembunyikan mesej dan menyelit perkara-perkara menarik dalam sesebuah filem seperti filem Troll. Kajian ini dijangka akan menjadi rujukan bagi pengkaji yang akan datang untuk menganalisis fenomena Denotasi dan konotasi filem.

Seterusnya, kajian yang bertajuk ‘A Semiotic Analysis of Aladdin Movie by Using Roland Barthes Theory’. Kajian ini juga menggunakan teori semiotik Rolands Barthes. Namun Kajian hanya tertumpu kepada watak utama Filem dan skrip watak tersebut. Pengkaji memperolehi data daripada babak dan skrip filem Aladdin (2019). Pengaji mengumpul data dengan menonton filem, memerhatikan watak utama dalam adegan dan meneliti skrip filem. Kemudian menganalisis data dengan teori semiotik Rolands Barthes untuk mengetahui makna denotasi, konotasi dan mitos. Walau bagaimanapun kajian terhadap skrip boleh dikatakan tidak begitu menyeluruh kerana lebih tertumpu kepada perkataan atau frasa yang digunakan dalam adegan filem. Malah kajian ini bergantung terutamanya kepada unsur-unsur teks tanpa menangani semiotik visual secara komprehensif yang penting dalam analisis filem. Kajian ini juga hanya tertumpu kepada watak utama filem.

Shafira, V., & Rui, C. (2023) dalam kajian bertajuk ‘*Semiotics Analysis of Representation Chinese Culture in Sony Pictures Animation Film Wish Dragon Movie*’

membincangkan konsep budaya dari perspektif antropologi dan sosiologi, menekankan peranan filem sebagai satu bentuk perwakilan budaya. *The Wish Dragon Movie* dianalisis sebagai perwakilan budaya Cina, dan pemerhatian dibuat pada tanda-tanda seperti adegan, dialog, gerak isyarat, simbol, dan ikon. Analisis semiotik Roland Barthes digunakan untuk menganalisis makna budaya yang diwakili dalam filem, termasuk tanda-tanda denotatif, konotatif, dan mitos. Kajian menggunakan pendekatan kualitatif, yang bertujuan untuk memberikan pemahaman yang terperinci dan mendalam tentang bagaimana filem itu mewakili budaya Cina. Data utama untuk analisis diperolehi daripada adegan dalam *Wish Dragon Movie*, yang kemudiannya diproses dan dianalisis menggunakan teori semiotik Roland Barthes.

Kajian filem bertajuk ‘Analisis Semiotik Roland Barthes Dalam Filem Layangan Putus (2023)’ juga menggunakan teori analisis semiotik Roland Barthes untuk menganalisis makna dalam filem tersebut kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif deskriptif untuk menganalisis filem dan merekodkan makna menggunakan teori Barthes. Data primer dan sekunder digunakan dalam penyelidikan, Data dikumpulkan melalui dokumentasi, kajian kesusasteraan, dan menonton filem. Hasil kajian menunjukkan bahawa makna semiotik Barthes mempunyai denotasi, konotasi, dan makna mitos yang jelas dalam setiap gambar yang dianalisis. Denotasi itu termasuk adat dan konflik Jawi dalam rumah tangga, manakala konotasi mengandungi unsur perasaan dan pendapat. Makna mitos dalam imej yang dianalisis terikat dengan budaya dan tradisi masyarakat Jawa, terutamanya tradisi Mitoni. Tradisi mitoni merupakan upacara tradisional yang dilakukan ke atas wanita hamil bagi memastikan kesihatan dan keselamatan semasa bersalin. Filem ini juga meneroka tema ketidakharmonian dalam rumah tangga kerana kehadiran orang ketiga, yang membawa kepada perceraian. Komunikasi yang baik dalam keluarga ditekankan sebagai penyelesaian kepada hubungan yang tidak berjaya.

Kajian seterusnya menganalisis filem "The Anthem of The Heart" menggunakan kaedah analisis semiotik yang dicadangkan oleh Roland Barthes. Pengkaji menggunakan kaedah deskriptif kualitatif untuk menganalisis makna denotatif, konotatif, dan mitos dalam filem. Sumber data primer dan sekunder yang digunakan dalam kajian ini adalah dokumentasi dan menonton filem itu sendiri. Kajian mendapati bahawa semiotik Roland Barthes sesuai untuk menganalisis filem dan memberikan makna yang jelas yang berkaitan dengan denotasi, konotasi, dan mitos dalam filem "The Anthem Of The Heart". Makna yang dikenal pasti termasuk denotasi sebagai persepsi deria, konotasi sebagai tafsiran subjektif, dan mitos sebagai makna sosial yang dibentuk oleh denotasi dan konotasi. Pengkaji telah menganalisis sembilan adegan tertentu dalam filem. Kajian ini juga menyebut populariti filem di Jepun dan keupayaannya untuk menyampaikan mesej penting mengenai peranan ibu bapa, kesan kata-kata, dan kedalaman makna dalam filem animasi. Secara keseluruhan, tinjauan kesusasteraan kajian ini memberi tumpuan kepada penggunaan analisis semiotik untuk meneroka makna denotatif, konotatif, dan mitos dalam filem "The Anthem Of The Heart" Pengkaji menganalisis adegan tertentu yang popular dalam filem itu serta mesej yang disampaikan.

Kajian yang bertajuk 'Decoding the Denotative and Connotative Elements in Sony Pictures Animation's Short Film "Hair Love"' yang diterbitkan pada tahun 2019 juga menggunakan analisis semiotik untuk mentafsirkan unsur-unsur simbolik yang dibentangkan dalam filem animasi pendek "Hair Love" tersebut dengan menggunakan teori Roland Barthes. Lestari (2023) mengkaji kedua-dua aspek, makna denotatif dan konotatif dalam filem tersebut melalui analisis kualitatif terhadap 23 elemen simbolik utama yang terdapat dalam imej latar filem ini. Menurut beliau kajian tersebut mendedahkan nilai budaya tersembunyi dan pengalaman peribadi termasuk gerak

isyarat tangan, dan ekspresi muka, penyelidikan menunjukkan bagaimana isyarat non-verbal dapat menyampaikan tema kompleks cinta, daya tahan, dan ikatan keluarga. Kajian ini menyimpulkan bahawa analisis semiotik memberikan pemahaman yang lebih mendalam tentang kepentingan budaya dan penyampaian mesej dalam animasi. Kajian latar filem Tamil 'Jagat' mempunyai persamaan dari segi analisis data dengan menggunakan imej. Namun kajian terhadap kod budaya pada latar filem Tamil 'Jagat' boleh dikatakan lebih sistematik kerana kod budaya yang dianalisis dibahagikan kepada 3 Komponen secara terperinci. Seterusnya kajian filem animasi tersebut menyimpulkan bahawa analisis semiotik memberikan pemahaman yang lebih mendalam tentang kepentingan budaya dan penyampaian mesej dalam animasi. Melalui kajian ini juga pengkaji dapat mengkaji lebih mendalam tentang kepentingan budaya dan penyampaian mesej dalam filem bukan animasi ini. Maka perbezaan dapatan antara filem animasi dan bukan animasi dapat dilihat. Pengkaji juga yakin dapat mendedahkan nilai budaya yang tersembunyi dan tema yang dibawa oleh maklumat non-verbal dalam filem Tamil 'Jagat'.

Setelah meneliti kajian-kajian berikut didapati pelbagai aspek telah dikaji dalam filem menggunakan pendekatan Denotasi, Konotasi dan Mitos Roland barthes. Antaranya:

- i. mengkaji tanda-tanda abstrak yang terdapat dalam filem untuk memahami makna yang tersirat.
- ii. mengkaji watak melalui elemen sinematik yang terdiri daripada latar belakang, pakaian, pencahayaan, komposisi, sudut kamera, suntingan dan bunyi untuk mendapatkan makna semiotik yang berkesan.
- iii. mengkaji watak dari elemen identiti
- iv. mengkaji ketaksamaan gender dan feminisme
- v. mengkaji perkataan, imej, bunyi, pergerakan dan objek dalam filem

- vi. mengkaji penggunaan simbol warna dan makna yang diwakilinya

Chandler (2007) dalam bukunya mengatakan, tanda atau simbol bukan sahaja tertumpu kepada imej, ia boleh menjadi gerak isyarat, warna, pakaian, kenderaan, dan juga perkataan. Ini bermakna tanda dan simbol boleh didapati dalam mana-mana aspek kehidupan manusia dan persekitaran mereka. Filem yang menceritakan kehidupan dan persekitaran manusia juga mempunyai aspek- aspek tersebut. Melalui perbincangan artikel-artikel di atas boleh disimpulkan bahawa aspek-aspek yang ditayangkan atau digunakan dalam filem selain daripada bahasa dan dialog harus difahami oleh penonton untuk memahami jalan cerita atau plot. Aspek atau simbol yang diutarakan dalam sesebuah filem mempunyai makna tersendiri dan makna Konotasi serta Mitos bergantung kepada budaya yang diwakilinya. Oleh hal yang demikian kajian terhadap keseluruhan latar adalah penting untuk menganalisis makna kod-kod yang terdapat dalam sesuatu filem. Adalah penting untuk melakukan perbandingan merentas filem yang melibatkan pelbagai genre untuk mengenal pasti corak semiotik yang merentasi naratif dan era yang berbeza. Ini dapat memberikan gambaran tentang bagaimana semiotik berinteraksi dengan budaya dan berubah dari semasa ke semasa. Kajian terhadap kod budaya yang terdapat pada latar filem Tamil 'Jagat' ini pasti akan dapat memenuhi ruangan tersebut. Malah melalui sorotan kajian yang dibincangkan juga didapati Teori Semiotik Rolands Barthes amat sesuai digunakan untuk mengkaji makna simbol atau kod-kod yang terdapat dalam sesebuah filem.

Terdapat beberapa elemen reka bentuk seperti ilustrasi imej, tanda, simbol, warna, tipografi dan sebagainya yang membawa mesej dan juga maklumat daripada sesebuah filem. Dalam menganalisis sesuatu imej, ia bukan hanya tentang apa yang wujud pada imej, tetapi apa maksud imej tersebut. Ia berkaitan dengan konsep semiotik yang

menggunakan imej sebagai data. Maka dalam bahagian sorotan kajian ini penulis juga meneliti kajian-kajian lepas yang menganalisis poster dengan menggunakan pendekatan semiotik Rolands barthes. Berikut adalah perbincangan tersebut:

Kajian bertajuk “A Semiotic Analysis on Symbol in Selected Hollywood Horror Movie Posters” telah dijalankan oleh Wirhayati (2019). Beliau telah mengkaji elemen-elemen yang terdapat dalam poster seram Hollywood iaitu tajuk filem, tagline, watak, latar belakang. Kaedah penyelidikan yang digunakan dalam kajian ini adalah pendekatan deskriptif kualitatif untuk mengenal pasti, menganalisis, dan menerangkan simbol dan makna yang terdapat pada poster filem seram Hollywood. Pengkaji menggunakan teori semiotik Barthes. Data dalam bahagian penemuan dan analisis penyelidikan ini diambil dari 5 poster filem seram Hollywood. Menurut Wirhayati (2019), fungsi beberapa elemen poster seperti tajuk filem, tagline, watak, latar belakang dan susun atur imej yang boleh membina persepsi dan meyakinkan penonton terdapat dalam poster filem dan setiap elemen berikut menghasilkan makna yang berbeza seperti Denotasi, Konotasi dan Mitos yang disampaikan dalam bentuk simbol. Pengkaji simpulkan bahawa setiap simbol mempunyai makna yang berbeza dan penting dengan matlamat yang sama iaitu untuk menarik perhatian penonton melalui tanda-tanda yang ditunjukkan dalam poster filem yang dikaji.

Menurut Fazmi (2019) yang telah menggunakan teori semiotik Roland Barthes untuk mengkaji watak dalam filem melalui poster pula, membincangkan permasalahan pemahaman kod-kod. Menurutnya hubungan antara aspek sinematik dan simbolik filem harus difahami oleh penonton untuk mengetahui makna yang ingin disampaikan. Menonton filem bukan hanya nikmati gambar tanpa menghubungkannya dengan

pengalaman Masyarakat. Melalui kajian tersebut pengkaji menyatakan makna dapat dibaca dengan lebih sistematik dengan menggunakan kaedah pemahaman teori semiotik.

Kajian yang dibincangkan seterusnya bertajuk “Malaysia Film Posters from The Perspective of Malay Culture”. Dalam kajian ini 12 poster filem telah dipilih secara rawak dari tahun 1955 hingga 2013 oleh pengkaji Lamiri (2020) melalui kajiannya menyatakan bahawa unsur-unsur budaya yang dikenal pasti dalam poster filem Melayu berikut adalah bahasa, watak, pakaian, solekan, peralatan, lokasi, latar belakang dan simbol. Penulis juga mengulas bahawa (Messaris, 1997), menyatakan poster memaparkan imej visual (secara langsung) yang boleh menyalurkan mesej tertentu (tidak langsung) melalui pelbagai teknik visual dan ia boleh mempengaruhi penonton. Oleh itu, peranan poster sebagai medium untuk menyampaikan mesej secara langsung melalui visual sangat penting. Melalui kajian ini didapati bukan sahaja simbol yang terdapat pada filem malah simbol yang terdapat pada poster juga penting untuk memahami filem dan budaya yang ditayangkan.

Kajian bertajuk “Semiotic Analysis of Anna Karenina Movie Posters” telah dikendalikan oleh Işık, M., & Bilici, E. (2020). Dalam kajian ini, poster filem "Anna Karenina" yang direka pada tempoh yang berbeza telah dianalisis. Dalam skop penyelidikan, pengkaji cuba menentukan sama ada terdapat persamaan atau perbezaan antara poster dengan menafsirkan poster filem dengan kaedah semiotik Roland Barthes. Poster filem Anna Karenina, yang direka oleh Tolstoy pada mulanya antara tahun 1876 dan 1877. Apabila poster 1967, 1997 dan 2012 dianalisis, didapati bahawa poster dengan adegan-adegan penting telah direka dalam poster filem yang baharu. Walaupun mereka menyesuaikan cerita yang sama dengan filem itu, boleh dikatakan

bahawa poster baru filem mengandungi banyak aspek-aspek teknikal dan juga simbol yang memberikan makna.

Kajian oleh Hua (2021) yang bertajuk “Application and Interpretation of Semiotics in Movie Posters” juga menganalisis Poster dengan perspektif semiotik. Filem Macbeth (diarahkan oleh Justin Kurzel yang dikeluarkan pada tahun 2015) dipilih oleh pengkaji sebagai sampel untuk penyelidikan. Menurut Hua, analisis poster filem merupakan proses yang diperlukan untuk penonton memahami sesuatu filem. Ia juga penting untuk membimbing penonton memahami poster filem untuk memaksimumkan pemahaman Konotasi filem yang ditonton. Hua telah menganalisis poster filem Macbeth menggunakan semiotik teori khas Saussure (1972), dan Barthes (1973) untuk memahami pandangan watak dan kemanusiaan yang menghadapi karma yang tidak dapat dipulihkan yang ditulis oleh Shakespeare (Cunningham, 1963). Tujuan kajian poster filem ini adalah untuk menyampaikan makna tema, watak, latar belakang, hubungan, nada dan maklumat lain filem, supaya penonton mempunyai kesan awal dan pemahaman filem. Menurut pengkaji pemahaman poster juga amat penting untuk mempromosikan filem dan meningkatkan jualan box office dengan berkesan (Rivadulla, 2000).

Seterusnya kajian bertajuk "Analisis Tanda Semiotik Yang Ditemui dalam Pirates of the Caribbean Movie Posters” telah dijalankan oleh Rizky M. (2018). Kajian ini memberi tumpuan kepada analisis tanda-tanda semiotik dan bagaimana makna tanda-tanda linguistik ditunjukkan dalam poster filem. Pengkaji menggunakan kaedah penyelidikan kualitatif deskriptif. dan teori Charles Sanders Peirce, iaitu semiotik segi tiga untuk menganalisis tanda-tanda semiotik pada poster. Penulis juga menggunakan konsep pengiklanan oleh Gillian Dyer untuk mencari tanda-tanda semiotik dan konsep

makna warna oleh Anna Wierzbicka untuk menerangkan warna yang terkandung dalam poster. Pengkaji menentukan tanda semiotik yang dapat menyedari melalui unsur-unsur yang terkandung dalam semiotik segi tiga iaitu representasi, objek, dan interpretasi.

Kajian yang bertajuk “Denotative and Connotative Meanings in Movie Posters of Marvel Comics Company: A Semiotic Analysis” telah dikaji oleh Safanta (2018). Objektif kajian ini adalah untuk menerangkan makna Denotasi dan Konotasi yang terdapat dalam poster filem syarikat Marvel. Teori yang menyokong kajian ini adalah teori semiotik ‘Order of Signification’ yang dicadangkan oleh Roland Barthes. Analisis ini dibahagikan kepada tiga konsep iaitu Denotasi, Konotasi dan Mitos. Kaedah kajian ini adalah deskriptif kualitatif. Data penyelidikan ini adalah teks lisan dan visual dalam poster filem. Data sumber penyelidikan ini adalah lima poster filem yang dihasilkan oleh ‘Marvel Comics Company’. Poster filem tersebut mewakili watak-watak terkenal seperti ‘Captain America’ dalam ‘Captain America’, "The Winter Soldier" 2014, ‘Spider-Man’ dalam Spider-Man 2002, ‘Iron Man’ dalam Iron Man 2008, Hulk dalam ‘The Incredible Hulk 2008’, dan Thor dalam "The Dark World" 2013.

Analisis penulis mendapati bahawa terdapat 15 teks lisan dan 10 teks visual dalam poster filem Captain America, 7 teks lisan dan 10 teks visual dalam poster filem Spider-Man, 12 teks lisan dan 7 teks visual dalam poster filem Iron Man, 12 teks lisan dan 7 teks visual dalam poster filem Hulk, 12 teks lisan dan 9 teks visual dalam poster filem Thor. Penulis mendapati makna Denotasi dari semua teks lisan dan visual mewakili makna sebenar dari poster filem dan beberapa teks lisan juga digunakan untuk memberitahu maklumat penting seperti nama pelakon dan pelakon, masa yang dikeluarkan, laman web rasmi, keupayaan dan syarikat lain yang menyokong syarikat ‘Marvel Comics’.

Selain itu, Safanta (2018) juga menemui makna Konotasi dalam poster filem seperti kekuatan, keajaiban, impian Amerika, bentuk pertahanan, ghairah, godaan, pemimpin, maskulin, perlindungan, kebebasan, kehidupan manusia, misteri, kuat, pencakar langit, pertumbuhan, pergantungan, kepimpinan, cita-cita, kebaikan, kehidupan, harapan, kehangatan, kebersihan, kesyukuran, penyucian, berani, bertenaga, kestabilan, kebijaksanaan, keyakinan, kuasa dan kematian yang tidak dapat dinafikan. Mitos juga dibentangkan dalam semua poster filem seperti mitologi Greek. Ia dapat dilihat dari persembahan dan penampilan watak-watak dalam poster filem.

Melalui kajian-kajian yang telah dibincangkan didapati pengkaji mengkaji elemen poster seperti tajuk filem, tagline, watak, latar belakang dan susun atur imej. Seterusnya melalui kajian ini unsur-unsur budaya yang dikenal pasti dalam poster filem berikut adalah bahasa, watak, pakaian, solekan, peralatan, lokasi, latar belakang dan simbol. Maka boleh dinyatakan bahawa kod-kod budaya juga dapat dikaji dengan menggunakan teori Rolands Barthes. Malah Melalui kajian -kajian tersebut pengkaji juga menyatakan makna kod-kod budaya yang dikenalpasti dapat dibaca dengan lebih sistematik dengan menggunakan kaedah teori semiotik berikut.

van Leeuwen (2005) menerangkan bahawa semiotik muncul dalam setiap aspek kehidupan manusia, yang memiliki Konotasi budaya tertentu serta nilai budaya yang tersendiri. Oleh itu, semiotik telah memainkan peranan panduan dalam tafsiran manusia tentang pelbagai jenis simbol. Semiotik sebatian dalam semua aspek kehidupan dan kebudayaan manusia. Tanpa simbol ataupun kod filem tidak akan mempunyai faktor menarik minat penonton. Oleh yang demikian faktor semiotik sangat jelas penting untuk melahirkan sesebuah filem. Selain daripada filem dan poster ramai juga pengkaji

yang mengkaji imej ataupun syot yang diambil daripada filem dengan pendekatan semiotik untuk menganalisis budaya. Kod-kod budaya penting untuk dianalisis. Seterusnya akan dibincangkan kajian-kajian tersebut.

2.4 Budaya

Pada umumnya para sarjana menerima pandangan Edward B. Taylor (1958) sebagai tafsiran umum tentang budaya. Beliau mentafsirkan budaya sebagai keseluruhan kehidupan manusia yang merangkumi unsur-unsur seperti ilmu pengetahuan, kepercayaan, kesenian, nilai-nilai moral, undang-undang, adat resam, sifat tersendiri yang diadaptasi oleh manusia dalam kehidupannya. Boleh dikatakan bahawa hampir semua aspek tentang budaya dapat dikenali secara simbol dan tanda (Hoebel, 1966). Budaya dapat dibahagikan kepada empat buah komponen berdasarkan fungsi budaya tersebut dalam kehidupan kelompok masyarakat. Ini termasuklah sistem normatif, sistem kepercayaan, budaya ekspresif dan budaya kebendaan.

Pada dasarnya sistem normatif ditafsirkan sebagai peraturan yang menentukan pola-pola perlakuan kelompok masyarakat dalam kehidupan mereka. Pada dasarnya normatif memberikan keutamaan kepada nilai dan etika dalam kehidupan manusia yang dapat mencerminkan keagungan budaya sesuatu kelompok masyarakat.

Seterusnya, sistem kepercayaan dalam budaya membincangkan tentang nilai-nilai abstrak, dan pelbagai kepercayaan yang menghubungkan masyarakat dengan Tuhan, kuasa ghaib, alam semula jadi dan kehidupan. Kepercayaan terhasil daripada keyakinan tanpa keraguan terhadap sesuatu perkara. Selain itu, budaya ekspresif pula merujuk kepada lambang dan kesenian yang membawa makna-makna tertentu dalam kehidupan manusia. Budaya ekspresif merangkumi pemikiran yang ada pada sesuatu golongan

masyarakat. Manakala pemikiran tersebut pula diberikan makna daripada pelbagai tanda, simbol dan lambang yang terbentuk daripada unsur-unsur kesenian, perlakuan dan juga bahasa yang berperanan sebagai simbol komunikasi (Wan Abdul Kadir, 2002).

Ismail Said (2009) mengkategorikan budaya kepada tiga komponen berdasarkan peranannya. Ini termasuklah:

- i. Komponen Kognitif,
- ii. Komponen Normatif
- iii. Komponen Kebendaan.

Budaya Kognitif merujuk kepada pengetahuan yang terkumpul dalam budaya tertentu untuk bertahan terhadap alam semulajadi dan penyesuaian dalam kumpulan sosial. Ia merangkumi sistem kepercayaan dalam budaya yang membincangkan tentang nilai-nilai abstrak, kepercayaan yang menghubungkan masyarakat dengan Tuhan, kuasa ghaib, dan alam semula jadi. Nilai, tingkah laku dan Norma juga merangkumi dalam komponen Kognitif ini.

Pada dasarnya Normatif memberikan keutamaan kepada etika dan nilai budaya sesuatu masyarakat. Normatif juga boleh didefinisikan sebagai kod khusus yang mengatur hubungan antara individu berdasarkan nilai bersama. Komponen Normatif boleh dibahagikan kepada formal dan tidak formal. Komponen Normatif formal bermaksud sesuatu yang tertulis dan hukuman dikenakan jika tidak dipatuhi. Manakala Komponen Normatif tidak formal membawa makna sesuatu yang tidak tertulis tetapi difahami oleh masyarakat.

Seterusnya, budaya kebendaan. Ia membawa maksud segala peralatan yang digunakan oleh sesuatu komuniti ataupun masyarakat. Teknologi, barang pengguna budaya yang

nyata seperti kesenian, pakaian, senjata semua termasuk dalam komponen kebendaan ini.

En-I (2017) yang telah menganalisis nilai budaya Malaysia dalam iklan televisyen Automotif dengan pendekatan semiotik mendapati terdapat unsur semiotik dan pantulan nilai budaya dalam iklan tersebut. Menurutnya, Malaysia yang mempunyai pelbagai etnik bahasa dan agama adalah pilihan penyelidikan yang terbaik untuk menyelidik kemungkinan pengaruh budaya. Cara-cara tanda semiotik berinteraksi antara satu sama lain juga dibincangkan dalam kajian ini.

Long (2021) menyatakan simbol merujuk kepada sistem unit di mana terpengaruh dari budaya. Struktur budaya dikatakan sebagai struktur semiotik. Budaya manusia adalah proses yang dinamik, ia boleh memilih kod dan konteks untuk dipersepsikan susunan hierarki.

Melalui kajian yang bertajuk “Nilai Dimensi Budaya: Suatu Kajian Analisis Kandungan Ke Atas Filem Pecah Panggung Malaysia” Suharta (2018) telah mengkaji dimensi budaya yang terdapat dalam filem Malaysia melalui model Hofstede dan mengkaji persamaan dan korelevanan kriteria mengikut dimensi filem. Kajian ini menggunakan enam dimensi budaya teori Hofstede iaitu individualisme - kolektivisme, kekelakuan - kewanitaan, jurang kuasa tinggi - rendah, mengelakkan ketidakpastian status tinggi - rendah, orientasi jangka panjang - pendek dan kepuasan dan kawalan. Kaedah yang digunakan adalah analisis kandungan dan analisis teks dalam mengenal pasti dimensi nilai budaya yang ada dalam setiap filem melalui adegan dan petikan dialog yang muncul dalam gambar dalam lima filem yang dikaji, *Munafik*, *Polis Evo*, *The Journey*, *Ola Bola* dan *KL Gangster*. Kajian mendapati bahawa, kelima-lima filem

mempunyai semua enam dimensi budaya, dan terdapat persamaan dengan watak utama lima filem itu. Menurut Hofstede, rakyat Malaysia lebih cenderung mempunyai dimensi budaya kolektivisme yang tinggi.

Setelah meneliti kajian-kajian yang lepas didapati ramai pengkaji cenderung mengkaji watak dan perwatakan, warna, dan juga poster sesebuah filem. Unsur kod budaya kurang diberi keutamaan. Justeru konsep Budaya Ismail Said (2009) diadaptasi dan digunakan untuk mengkaji kod budaya dalam latar filem Tamil 'Jagat'. Penelitian terhadap kajian-kajian lepas juga ini menunjukkan kewujudan beberapa penyelidikan berbentuk akademik yang melibatkan bidang sosiologi, media dan perfileman. Dari sudut bidang sosial pula, terdapat beberapa kajian yang meneliti aspek kehidupan sosial masyarakat India Malaysia. Kebanyakan kajian ini didapati menganalisis isu-isu sosial yang wujud dalam kalangan mereka. Kajian dilakukan secara khusus terhadap kod budaya dalam latar filem Tamil Malaysia tidak begitu luas. Oleh Hal yang demikian kajian ini akan memenuhi ruang tersebut.

2.5 Kesimpulan

Kesimpulanya, secara keseluruhan analisis semiotik adalah penting kerana pemahaman sesebuah filem memang bergantung kepada kod-kod budaya yang terdapat dalam filem tersebut. Maka kajian semiotik filem boleh memberi makna sebenar sesebuah filem (Kandaswamy, S.N. 1996, ms.83). Analisis berdasarkan teori semiotik dalam filem adalah penting. Kajian perfileman juga penting untuk memajukan filem industri negara. Kajian ini diharap dapat memenuhi serba sedikit kekurangan tersebut. Kajian yang dilakukan secara khusus terhadap kod budaya dalam latar filem Tamil Malaysia adalah tidak begitu luas. Begitu juga kajian terhadap kod budaya dalam latar filem Tamil

Malaysia. Kebanyakan filem Tamil daripada Negara India yang dikaji oleh para pengkaji filem. Oleh Hal yang demikian kajian ini akan memenuhi ruang tersebut.

Universiti Malaya

BAB 3: METODOLOGI

3.1 Pengenalan

Bab ini membincangkan metodologi kajian yang dijalankan. Ia meliputi rekabentuk Bahan kajian, Sinopsis filem yang dikaji, Instrumen kajian, prosedur Kajian,. Selain itu kaedah kajian diterangkan dengan terperinci iaitu instrumen dan bahan yang digunakan, prosedur kajian, etika. Analisis kajian, kerangka teori, kerangka konseptual serta cara menganalisis data yang diperolehi. Dua kerangka dijelaskan dan dibincangkan iaitu kerangka teori dan dan kerangka konseptual. Hal ini supaya kajian ini dijalankan dengan terperinci serta teratur.

3.2 Rekabentuk Kajian

Kajian kualitatif ini bertujuan untuk mengkategorikan kod budaya dan menganalisis makna kod budaya yang terdapat dalam latar Filem Tamil 'Jagat'. Bahagian ini memenuhi persoalan penyelidikan. Perbincangan mengenai kaedah yang digunakan dalam kajian ini dijelaskan pada bahagian seterusnya. Creswell (2009) menyatakan bahawa proses dalam menentukan reka bentuk penyelidikan, yang disesuaikan adalah untuk mencapai objektif kajian. Reka bentuk penyelidikan yang ditentukan juga akan memberi manfaat kepada penyelidik dalam pengumpulan data, analisis, dan tafsiran. Oleh itu, reka bentuk penyelidikan kualitatif ini memenuhi tujuan kajian untuk mengkaji Kod Budaya Dari Perspektif Semiotik Dalam Latar Filem Tamil 'Jagat'.

3.2.1 Bahan kajian

Bahan kajian digunakan oleh pengkaji adalah Filem Tamil 'Jagat'. Pengkaji memilih filem Tamil 'Jagat' kerana pada Festival Filem Malaysia Ke-28 (FFM-28) yang diadakan pada 3 September 2017, filem ini berjaya maju ke hadapan daripada sembilan judul filem yang dipertandingkan dalam kategori 'Anugerah Filem Malaysia' termasuk

Ola Bola dan *The Kid From The Big Apple*. Inilah julung kali dalam sejarah perfileman Tamil Malaysia, Filem Tamil memenangi anugerah ‘Filem Malaysia Terbaik’ (Finas, 2016). Pengkritik filem terkenal Hassan Mutthalib juga menyatakan filem Tamil ‘Jagat’ antara tiga filem terbaik tahun 2015. Setelah menonton 5 filem tempatan Tamil Malaysia pengkaji memilih filem ‘Jagat’ sebagai bahan kajian. Justeru, pengkaji berpendapat bahawa kod budaya latar filem Tamil ‘Jagat’ amat sesuai untuk dikaji.

Rakaman Filem Tamil ‘Jagat’ telah diperoleh pengkaji daripada pengarah filem. Tujuan mendapatkan rakaman filem ini untuk meneliti kod budaya yang terdapat dalam filem tersebut. Durasi filem 90 minit dan mempunyai 13 latar tempat. Pengkaji telah memilih syot/imej dari filem ini untuk dikaji. Bahagian pertama kajian adalah memenuhi objektif kajian pertama iaitu analisis kategori kod budaya. Untuk bahagian ini pengkaji telah memilih 15 syot/imej. Seterusnya bahagian kedua memenuhi objektif kajian kedua iaitu - analisis makna denotasi dan konotasi makna kod budaya lisan dan bukan lisan. Pengkaji telah memilih 22 syot/imej yang mengandungi 5 dialog untuk menganalisis makna kod budaya lisan. Manakala bagi analisis makna kod budaya bukan lisan pengkaji telah memilih 15 syot/imej. Syot telah dipilih secara rawak. Walaupun syot dipilih dengan kaedah random ataupun secara rawak pengkaji memastikan imej yang diambil tidak berulang dan mempunyai 13 latar tempat yang berlainan.

3.2.2 Sinopsis

Filem *Jagat* mengisahkan tentang realiti kehidupan masyarakat India di Malaysia pada awal 90-an. Awal tahun 1990-an, tempoh kritikal dalam sejarah India Malaysia. Filem Tamil ini secara halus menggariskan nasib orang India Malaysia. Mereka ditinggalkan oleh pemilik estet yang telah mempergunakan mereka selama beberapa generasi dan

dipinggirkan secara sistematis. Mereka terpaksa berpindah ke bandar-bandar dan bertahan dalam keadaan yang teruk tanpa sebarang infrastruktur yang dirancang untuk pembangunan mereka. Kaum India ditinggalkan daripada rancangan perbandaran dan pembangunan negara, ramai yang tinggal di kawasan setinggan dan bekerja dengan gaji minimum. Plot filem berpusat pada budak lelaki berusia 12 tahun bernama Appoy dan hubungannya dengan bapanya, Maniam serta dua bapa saudaranya, Bala (bekas penagih dadah) dan Dorai (Mexico) seorang gengster tempatan. Perjalanan plot dilihat dari kaca mata Appoy yang digambarkan agak bijak dan kreatif tetapi sedikit nakal. Appoy tidak dapat menyesuaikan diri dengan sistem pendidikan yang formal. Jadi dia menghadapi masalah dan sampai satu tahap dia bagaikan hilang arah tuju. Plot juga membawa penonton mengenali ahli keluarga Appoy yang lain, bagaimana hubungan dengan bapanya Maniam, pak ciknya Bala yang merupakan bekas penagih dadah dan juga beberapa gengster kampung. Perjalanan plot bijak diatur bagi memperlihatkan bagaimana setiap individu menghadapi masalah dan ujian dalam kehidupan.

3.2.3 Instrument Kajian

Pengkaji telah menggunakan 'pemerhatian' sebagai instrumen untuk memperolehi data. Oleh yang demikian data dikumpulkan mengikut kategori supaya analisis data berlaku dengan sistematis. Pengkaji telah menyediakan lembaran dan jadual bagi mengkategorikan, mengumpul dan menganalisis data yang diperolehi. Ia bertujuan untuk mendapatkan data yang relevan dan sesuai. Instrumen-instrumen ini telah dibina oleh pengkaji dan disemak oleh penyelia untuk mendapatkan pengesahan instrumen.

Instrumen -instrumen yang dibina berdasarkan persoalan kajian.

- a. Bahagian Pertama : Mengkategorikan dan menganalisis Kod Budaya (kod-bukan lisan)

- b. Bahagian Kedua : i. Menganalisis makna denotasi dan konotasi Kod Lisan
- ii. Menganalisis makna denotasi dan konotasi Kod bukan Lisan

Contoh Lembaran dan jadual yang telah digunakan oleh pengkaji dalam bahagian pertama adalah seperti berikut

- a. Jadual senarai semak kod budaya bukan lisan yang terdapat pada latar filem Tamil ‘Jagat’ mengikut syot/imej

Bil	Kod Budaya Bukan Lisan (Non-Verbal)
1.	
2.	
3.	
4.	
5.	

- b. Lembaran Komponen budaya yang diadaptasi dari Ismail Said (2009)

Komponen Budaya	Elemen	Kod Budaya
Budaya Kognitif	Nilai	
	Ilmu	
	Kepercayaan	
Budaya Normatif (Formal & Tidak Formal)	Norma	
	Kelakuan	
	Peraturan	
Budaya Kebendaan	Benda	
	Tempat	
	Alat	

	Teknologi	
	Pengangkutan	

a. Jadual senarai semak kod Lisan (Dialog) mengikut tema dan syot/imej.

No.	Dialog	Tema	Bilangan syot/imej
1.			
2.			
3.			
4.			
5.			

b. Lembaran Terjemahan kod Lisan (dialog) dan makna Denotasi

<i>Dialog1</i> <i>(Bahasa Tamil)</i>	
<i>Tema:</i>	
<i>Bilangan Shot :</i>	
<i>Terjemahan</i> <i>Bahasa Melayu:</i>	
<i>Terjemahan Bahasa</i> <i>Inggeris:</i>	

Setelah membuat senarai semak dan terjemahkan kod bahasa dan makna denotasi, pengkaji telah menganalisis maksud konotasi kod bahasa tersebut.

3.2.4 Prosedur

Kajian ini bertujuan mengkaji kategori kod budaya dan makna denotasi dan konotasi kod budaya yang terdapat dalam latar filem Tamil 'Jagat'. Pada Bahagian pertama pengkaji senaraikan semua kod budaya yang terdapat dalam 15 syot /imej yang dipilih

secara random. Kemudian pengkaji mengkategorikan kod budaya yang disenaraikan mengikut 3 Komponen budaya yang dinyatakan oleh Ismail Said (2009), iaitu Komponen Budaya Kognitif, Komponen Budaya Nomatif dan juga komponen Budaya Kebendaan.

Dalam bahagian kedua maksud denotasi dan konotasi kod lisan dan kod bukan lisan dianalisis. Pengkaji telah memilih 22 syot/imej yang mengandungi 5 dialog untuk menganalisis makna denotasi dan konotasi kod lisan. Dialog dikategorikan mengikut 5 tema. Seterusnya dialog tersebut diterjemah dalam Bahasa Tamil, Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris. Manakala bagi analisis makna kod bukan lisan pengkaji telah memilih 15 syot/imej. Makna kod lisan dan kod bukan lisan akan dianalisis mengikut model teori “Two Orders of Signification” semiotik Rolands Barthes (1964).

3.2.5 Etika

Kajian bertujuan mengkategorikan dan menganalisis makna kod budaya yang terdapat dalam latar Filem ‘Jagat’. Isu sensitif dan yang menyinggung perasaan sesuatu budaya, masyarakat atau kaum tidak akan disentuh. Kajian ini tidak melanggar atau mendiskriminasi mana-mana budaya, agama, dan masyarakat. Penyelidik juga tidak berat sebelah terhadap sebarang pemahaman atau kepercayaan sepanjang kajian untuk mengelakkan kenyataan yang prejudis. Bahasa yang digunakan juga tidak langsung menyinggung perasaan atau menyakiti mana-mana individu.

Pengkaji juga telah mendapat kebenaran bertulis (e-mel) daripada pengarah filem. Filem yang dikaji hanya terdapat dalam ‘stream tertutup’ maka pengkaji menggunakan kata laluan yang diberikan oleh pengarah filem hanya untuk menonton rakaman filem tersebut bagi tujuan mengumpul data.

3.2.6 Analisis

Terdapat dua bahagian analisis. Bahagian pertama dan kedua. Maklumat dan data pada setiap bahagian dianalisis mengikut objektif kajian.

a. Bahagian Pertama

Bagi memenuhi objektif pertama iaitu 'Mengkategorikan kod budaya yang terdapat dalam latar filem Tamil 'Jagat' pengkaji telah memilih 15 syot /imej secara rawak/rambang. Pengkaji mengenal pasti kod budaya yang terdapat dalam syot yang dipilih melalui instrumen jadual senarai semak yang disediakan. Kemudian Lembaran Elemen Komponen Budaya yang diadaptasi dari Ismail Said (2009) digunakan untuk mengkategorikan kod budaya.


b. Bahagian kedua

Bahagian kedua memenuhi objektif kajian kedua iaitu menerangkan maksud denotasi dan konotasi kod budaya lisan dan bukan lisan. Bagi analisis makna denotasi dan konotasi kod lisan pengkaji memilih 5 dialog dari 22 syot /imej. Maklumat 5 dialog yang dipilih disusun dalam 'Jadual senarai semak kod Lisan (dialog)' mengikut tema secara sistematik dan teratur. Seterusnya dialog diterjemah dan disusun dalam 'Lembaran Terjemahan kod lisan (dialog)'. Setelah diterjemah makna denotasi dan konotasi Dialog dianalisis mengikut teori semiotik Roland Barthes.

Bagi analisis kod bukan lisan pengkaji memilih 15 syot/imej. Kemudian makna denotasi dan konotasi kod bukan lisan disenaraikan dan dianalisis mengikut syot/imej. Analisis kajian dilakukan dengan menggunakan Teknik 'Triangulation'. Data kajian yang dipilih dalam kajian ini adalah data 'Triangulation' iaitu mengumpul data mengguna lebih dari satu Teknik (Creswell 2009). Kajian ini memilih kombinasi data dari syot/ imej, Kod lisan (Dialog) dan terjemahan bagi mengukuhkan analisis kajian.

3.3 Kerangka Teori

Pengetahuan dan idea semiotik dan semiologi yang dikemukakan oleh Sander Pierce dan de Saussure dikembangkan dan telah dibahasakan oleh tokoh Bahasa yang lain. Antara tokoh-tokoh yang telah mengembangkan teori semiotik ini ialah Roland Barthes, Umberto Eco, Micheal Rifatarre, Jonathan Culler, Charles Morris dan Jurij Lotman.



Sumber: John Fiske (1990)

Rajah 3.1: Model Teori “Two Orders of Signification” Roland Barthes

Teori ini dikemukakan oleh Roland Barthes. Dalam teorinya tersebut Barthes mengembangkan semiotik menjadi 2 tahap makna, iaitu tahap makna denotasi dan konotasi. Denotasi adalah tahap makna yang menjelaskan hubungan penanda dan petanda pada realitinya, ia menghasilkan makna yang eksplisit ataupun secara langsung. Ia boleh dikatakan sebagai makna kamus. Manakala Konotasi pula adalah tahap makna kedua yang menjelaskan hubungan antara penanda dan petanda. Makna tahap konotasi ini tidak eksplisit ia berkait rapat dengan budaya, kepercayaan dan,

pengalaman pengguna. Roland Barthes memberi penekanan pada fungsi tanda-tanda di dalam teks yang berinteraksi dengan pengalaman peribadi pembaca dan budayanya. Teori Roland Barthes telah menyatakan pembaca atau pengguna bertindak sebagai penerima maklumat, apabila berinteraksi dengan teks dan symbol. Dapatan kajian ini telah menyokong teori Barthes yang menegaskan unsur dua susunan pertandaan atau dikenali sebagai “Two Orders of Signification”.

1. <i>signifier</i> (penanda)	2. <i>signified</i> (petanda)
3. <i>denotative sign</i> (tanda denotatif)	
4. <i>connotative signifier</i> (penanda konotatif)	5. <i>connotative signified</i> (petanda konotatif)
6. <i>connotative sign</i> (tanda konotatif)	


Rajah 3.2: Tanda Roland Barthes (Sobur, 2013)

Jadual di atas dapat menyatakan bahawa makna denotatif yang berhubungan dengan penanda dan petanda, serta tanda denotatif juga merupakan penanda konotatif (Sobur, 2013).

Fiske (2010) menerangkan mitos adalah cerita berdasarkan budaya untuk menjelaskan atau memahami beberapa aspek realiti atau alam semula jadi mengikut kebudayaan dan kepercayaan tertentu. Bagi Barthes, mitos adalah budaya tentang sesuatu, ataupun cara untuk mengkonseptualisasikan atau memahami sesuatu. Barthes menyatakan mitos sebagai konsep yang berkaitan. Barthes (1993) menambah mitos juga dikatakan sebagai kepercayaan popular. Barthes juga menerangkan istilah mitos merujuk kepada rangkaian konsep yang diterima secara meluas dalam sesuatu budaya, di mana ahli-ahlinya bersetuju, memahami atau percaya bahawa ia sebahagian daripada pengalaman sosial mereka. Peranan mitos, seperti yang dijelaskan oleh Barthes, ia adalah untuk

mendedahkan tanda-tanda untuk menunjukkan apa yang kelihatan ditentukan oleh sejarah.

Sebagai contoh pohon beringin yang rendah menimbulkan konotasi “berhantu” kerana dianggap sebagai tempat penghuni makhluk halus. Konotasi “berhantu” ini kemudian berkembang menjadi kepercayaan sesebuah masyarakat yang percaya bahawa jika sesiapa mendekati pokok beringin yang rendah akan diekori oleh makhluk halus dan sekali gus menghalang anak-anak mereka mendekati pokok beringin tersebut. Tahap inilah dikatakan mitos.



Rajah 3.3: Huraian makna mengikut denotasi, konotasi dan mitos.

Namun dalam kajian ini pengkaji hanya membuat kajian dua tahap makna iaitu denotasi dan konotasi. Pengkaji memberi fokus kepada elemen denotasi dan konotasi dan tidak memberi tumpuan kepada mitos kerana mitos berkait rapat dengan kepercayaan yang mendalam sesuatu masyarakat tertentu. Filem tamil ‘Jagat’ ini mempunyai adegan-adegan yang melibatkan pelbagai kaum. Jika bahagian tersebut dikaji berkemungkinan menyinggung perasaan segelintir kaum dan budaya dan berkemungkinan berlaku

stereotaip. Oleh yang demikian pengkaji hanya membuat analisis terhadap 2 tahap makna iaitu denotasi dan konotasi.


Pengkaji telah mengkategorikan kod budaya yang terdapat dalam filem Tamil 'Jagat' dengan mengadaptasikan kaedah Ismail Said (2009). Beliau telah mengkategorikan budaya kepada tiga komponen berdasarkan peranannya. Ini termasuklah :

- i. Komponen Kognitif
- ii. Komponen Normatif
- iii. Komponen Kebendaan

Kaedah Ismail Said (2009) ini dapat membantu pengkaji mengkategorikan kod-kod budaya yang terdapat dalam latar filem Tamil 'Jagat' dengan lebih teratur dan sistematik. Ia membantu mengenalpasti kod-kod budaya dengan lebih luas.

Pengkategorian kod budaya mengikut Ismail Said (2009) juga lebih terperinci kerana mengikut konteks budaya Malaysia.

3.3 Kerangka Konseptual



Rajah 3.4: Kerangka Konseptual

3.4 Kesimpulan

Bab ini telah membincangkan reka bentuk penyelidikan, perancangan dan butiran pelaksanaan. Maklumat yang dikongsi membincangkan data yang digunakan, kaedah digunakan dalam mengumpul data dan akhirnya menganalisis data menggunakan teori tertentu. Dengan prosedur yang dibincangkan dengan jelas, rangka konseptual telah dikongsi untuk memberi struktur perancangan penyelidik dalam menyelesaikan kajian. Bab ini berakhir dengan pertimbangan etika yang tegas dikekalkan untuk mengelakkan sebarang prasangka terhadap kajian dan penemuan.

Universiti Malaya

BAB 4: ANALISIS DAN DAPATAN KAJIAN

4.1 Pengenalan

Dalam bab ini, pengkaji menganalisis kod budaya dalam latar filem Tamil ‘Jagat’ dari perspektif semiotik. Pada peringkat ini, pengkaji akan membentangkan hasil analisis kod budaya yang terdapat dalam latar filem Tamil ‘Jagat’. Data yang diperoleh dalam latar filem ini terdiri daripada kod bukan lisan dan kod lisan (dialog). Kajian ini dibuat melalui beberapa langkah seperti yang disebutkan dalam analisis data. Analisis ini dibahagikan kepada 2 bahagian. Dalam bahagian Pertama pengkaji memenuhi Objektif kajian pertama iaitu Mengkategorikan kod-kod budaya yang terdapat dalam latar filem Tamil ‘Jagat’. Pengkaji telah menganalisis kod-kod budaya bukan lisan yang terdapat dalam 15 syot /imej yang dipilih daripada latar filem Tamil ‘Jagat’. Pengkaji mengkategorikan kod-kod budaya mengikut tiga komponen budaya yang dinyatakan oleh Ismail Said (2009).

Seterusnya dalam bahagian kedua, pengkaji telah menganalisis maksud kod lisan dan bukan lisan. Bahagian kod lisan ataupun dialog ini terpaksa dasingkan kerana Bahasa merupakan bidang yang luas. Walaupun dasingkan namun ia dianalisis berdasarkan objektif kajian yang kedua iaitu ‘Menerangkan maksud kod-kod budaya yang terdapat dalam latar filem Tamil ‘Jagat’ dari dua tahap denotasi dan konotasi’. Pengkaji telah menganalisis dialog yang dipilih mengikut tema yang dipetik daripada 22 syot. Dua tahap makna mengikut perspektif semiotik iaitu denotasi dan konotasi telah dianalisis. Seterusnya pengkaji telah menganalisis maksud kod bukan lisan. 15 syot dianalisis dengan pendekatan semiotik denotasi dan konotasi Roland Barthes. Analisis dan data yang diperolehi adalah seperti berikut:

4.2 Kategori Kod Budaya yang terdapat pada Latar Filem Tamil ‘Jagat’

Bahagian ini membincangkan analisis kod budaya yang terdapat pada latar filem Tamil ‘Jagat’ yang terdiri daripada analisis kod bukan lisan.

4.2.1 Kod Budaya

Kod budaya bukan lisan yang terdapat dalam latar filem Tamil ‘Jagat’ dianalisis berdasarkan 15 syot. Setiap syot diterangkan.

4.2.1.1 Syot 1

Syot 1 menggambarkan situasi yang berlaku di rumah. Seorang suri rumah memarut kelapa dan anaknya menghampirinya. Kod-kod budaya yang terdapat dalam syot ini akan dibincangkan seterusnya.



Rajah 4.1: Situasi di dapur rumah Appoy

Daripada syot ini beberapa kod budaya telah dikenal pasti. Kod budaya ini dapat dilihat seperti yang ditunjukkan dalam jadual 4.1

Jadual 4.1: Kod Budaya Syot 1

Bil	Kod-Kod Budaya Bukan Lisan (Non-Verbal)
1.	Rumah papan & dapur rumah
2.	Meja & kerusi
3.	Tudung saji
4.	Pemarut kelapa
5.	Cermin
6.	Bakul
7.	Mangkuk/bekas aluminium
8.	Tanda merah pada dahi ibu Appoy
9.	Kain sarung batik (dipakai ibu Appoy)
10.	Pakaian yang digantung & di ampaian

Daripada analisis di atas pengkaji mengenal pasti 10 kod budaya iaitu meja, kerusi, tudung saji, pemarut kelapa, cermin, bakul, mangkuk /bekas aluminium, tanda merah pada dahi ibu Appoy, kain sarung batik, pakaian yang digantung dan pakaian di ampaian. Kod-kod budaya ini dapat dikategorikan kepada 3 komponen budaya, iaitu Komponen Budaya Kognitif, Komponen Budaya Normatif dan Komponen Budaya Kebendaan. Ketiga-tiga jenis kod budaya ini dapat ditunjukkan secara lebih terperinci melalui jadual 4.2 iaitu Jadual Lembaran Komponen Budaya dalam syot 1.

Jadual 4.2: Lembaran Komponen Budaya Syot 1

Komponen Budaya	Ciri-Ciri	Kod-Kod Budaya
Budaya Kognitif	Simbol/Tanda	Tanda merah di dahi (Kum Kum)
	Nilai	-
	Ilmu	-
	Kepercayaan	Tanda Merah di dahi (Kum kum)
Budaya Normatif (Formal & Tidak Formal)	Norma	-
	Kelakuan	Memarut kelapa (tidak formal), Tidak menyahut panggilan Appoy
	Peraturan	-
Budaya Kebendaan	Benda	Kain sarung batik, baju, bakul, mangkuk/ bekas aluminium
	Tempat	Rumah papan, dapur rumah
	Alat	Pemarut kelapa, cermin, tudung saji, meja & kerusi
	Teknologi	-
	Pengangkutan	-

Daripada lembaran kod budaya syot 1 didapati Komponen Budaya Kebendaan paling banyak diperolehi iaitu merangkumi benda, tempat, alat, teknologi dan pengangkutan. diikuti dengan Komponen Budaya Kognitif yang mempunyai dua ciri iaitu Simbol dan Kepercayaan. Seterusnya diikuti dengan Komponen Budaya Normatif yang hanya mempunyai satu elemen sahaja iaitu Kelakuan. Kelakuan ini ditunjukkan sebagai kelakuan tidak formal.

4.2.1.2 Syot 2

Syot 2, menggambarkan situasi yang berlaku di ruang tamu. Adegan ini menunjukkan ayah sedang memukul anaknya. Kod-kod budaya yang terdapat dalam syot seterusnya akan dibincangkan.



Rajah 4.2: Situasi di ruang tamu rumah Appoy

Setelah dianalisis didapati syot 2 mempunyai 12 kod budaya. Kod budaya yang telah dikenal pasti adalah seperti dipaparkan dalam jadual 4.3.

Jadual 4.3: Kod Budaya Syot 2

Bil	Kod-Kod Budaya Bukan Lisan (Non-Verbal)
1.	Rumah papan & ruang tamu
2.	Sofa & meja
3.	Televisyen & radio
4.	Gambar potret lama
5.	Tempat seterika
6.	Kipas
7.	Patung katak berwarna emas
8.	Pingat & medal
9.	Lampu suluh

Jadual 4.3, sambungan

Bil	Kod-Kod Budaya Bukan Lisan (Non-Verbal)
10.	Beg sekolah, buku & bekas pensel
11.	Baju lengan pendek & seluar panjang biru (dipakai oleh bapa Appoy)
12.	Singlet & seluar pendek (dipakai oleh Appoy)
13.	Bapa memukul anak

Antara kod-kod yang dikenal pasti oleh pengkaji adalah rumah papan dan ruang tamu, sofa dan meja, televisyen dan radio, gambar potret lama, tempat seterika, kipas, patung katak berwarna emas, pingat dan medal, lampu suluh, beg sekolah, buku dan bekas pensel, baju lengan pendek dan seluar panjang biru (dipakai oleh bapa Appoy), singlet dan seluar pendek (dipakai oleh Appoy), kelakuan bapa memukul anak. Kesemua kod budaya yang dikenal pasti dikategorikan mengikut komponen-komponen budaya seperti di jadual 4.4.

Jadual 4.4: Lembaran Komponen Budaya Syot 2

Komponen Budaya Kognitif	Ciri-Ciri	Kod-Kod Budaya
	Simbol/Tanda	-
	Nilai	Gambar potret lama
	Ilmu	-
	Kepercayaan	Gambar potret lama, patung katak berwarna emas
Budaya Normatif (Formal & Tidak Formal)	Norma	Mengulang kaji pelajaran
	Kelakuan	Memukul anak
	Peraturan	Tidak menonton televisyen

Jadual 4.4, sambungan

Komponen Budaya Kognitif	Ciri-Ciri	Kod-Kod Budaya
Budaya Kebendaan	Benda	Gambar, beg sekolah, buku ,bekas pensel, pingat & medal, baju lengan pendek &seluar panjang biru (dipakai oleh bapa Appoy). singlet & seluar pendek (dipakai oleh Appoy)
	Tempat	Rumah papan & ruang tamu
	Alat	Sofa & meja , tempat seterika, Lampu suluh
	Teknologi	Televisyen , radio, kipas
	Pengangkutan	-

Melalui analisis Jadual 4.4 dapat dikenal pasti ciri-ciri Komponen Budaya Kebendaan yang banyak terdapat dalam syot 2, iaitu Benda, Tempat, Alat dan Teknologi. Diikuti dengan Komponen Budaya Normatif yang mempunyai ketiga-tiga ciri tidak formal iaitu Norma, Kelakuan dan Peraturan. Komponen Budaya Kognitif pula hanya mempunyai ciri Nilai dan Kepercayaan. Ciri Simbol dan Ilmu tiada dalam syot kedua.

4.2.1.3 Syot 3

Syot ketiga menggambarkan suasana di sebuah kilang arang kayu iaitu tempat kerja ayah Appoy. Seterusnya pengkaji akan membincangkan kod budaya bukan lisan yang terdapat dalam syot ini,



Rajah 4.3: Situasi di tempat kerja ayah Appoy

Daripada syot ketiga ini beberapa kod budaya telah dikenal pasti. Kod budaya tersebut dapat dilihat seperti yang ditunjukkan dalam jadual 4.5.

Jadual 4.5: Kod Budaya Syot 3

Bil	Kod-Kod Budaya Bukan Lisan (Non-Verbal)
1.	Kilang arang kayu
2.	Tempat duduk & meja diperbuat daripada kayu
3.	Basikal
4.	Pakaian seragam warna biru yang dipakai oleh ayah Appoy
5.	Pakaian yang dipakai oleh majikan
6.	Kereta sorong
7.	Menerima wang pendahuluan
8.	Berdiri di hadapan majikan

Daripada analisis syot ketiga pengkaji mengenalpasti 8 kod budaya. Boleh dikatakan kod budaya yang terdapat dalam syot tiga adalah kurang daripada syot pertama dan kedua. Kod budaya yang terdapat dalam syot ini termasuk kilang arang kayu, tempat duduk dan meja diperbuat daripada kayu, basikal, pakaian seragam warna biru yang

dipakai oleh ayah Appoy, pakaian yang dipakai oleh majikan, kereta sorong, menerima wang pendahuluan dan kelakuan berdiri di hadapan majikan. Kod-kod tersebut dikategorikan mengikut komponen budaya seperti Jadual 4.6 Lembaran Komponen Budaya Syot 3.

Jadual 4.6: Lembaran Komponen Budaya Syot 3

Komponen Budaya	Ciri-Ciri	Kod-Kod Budaya
Budaya Kognitif	Simbol/Tanda	-
	Nilai	Berdiri semasa berkomunikasi dengan majikan
	Ilmu	-
	Kepercayaan	-
Budaya Normatif (Formal & Tidak Formal)	Norma	Menghormati majikan (tidak formal)
	Kelakuan	Menerima wang pendahuluan/(Gaji lebih awal (tidak formal)
	Peraturan	Memakai baju seragam (formal)
Budaya Kebendaan	Benda	Tempat duduk & meja diperbuat daripada kayu , pakaian seragam warna biru yang dipakai oleh ayah Appoy, pakaian yang dipakai oleh majikan
	Tempat	Kilang arang kayu
	Alat	Kereta sorong
	Teknologi	-
	Pengangkutan	Basikal

Setelah diteliti, syot 3 juga mempunyai banyak elemen Komponen Budaya Kebendaan iaitu Benda, Tempat, Alat, dan pengangkutan hanya elemen Teknologi yang tidak terdapat dalam Komponen Budaya Kebendaan. Seterusnya diikuti dengan Komponen

Budaya Nomatif yang mempunyai ketiga-tiga elemen iaitu Norma, Kelakuan dan Peraturan. Didapati elemen Norma dan Kelakuan adalah tidak formal. Manakala elemen Peraturan adalah formal. Seterusnya Komponen Budaya Kognitif hanya mempunyai satu elemen sahaja iaitu elemen Nilai.

4.2.1.4 Syot 4

Syot 4 memaparkan suasana yang berlaku dalam rumah. Situasi menggambarkan ibu Appoy menyikat rambut Appoy. Kod budaya yang terdapat dalam syot ini akan dibincangkan seterusnya.



Rajah 4.4: Situasi di rumah Appoy

Daripada syot keempat ini beberapa kod budaya telah dikenal pasti. Kod budaya tersebut dipaparkan seperti dalam jadual 4.7.

Jadual 4.7: Kod Budaya Syot 4

Bil	Kod-Kod Budaya Bukan Lisan (Non-Verbal)
1.	Rumah papan
2.	Cermin
3.	Pakaian yang dipakai oleh ibu Appoy
4.	Pakaian sekolah yang dipakai oleh oleh Appoy
5.	Tanda merah dan tanda putih di dahi ibu Appoy
6.	Menyikat rambut anak

Setelah menganalisis syot 4 pengkaji dapati hanya terdapat 6 kod budaya yang terdapat dalam syot tersebut. Antara kod-kod budaya yang telah dikenal pasti adalah rumah, cermin, pakaian yang dipakai oleh ibu Appoy, pakaian sekolah yang dipakai oleh oleh Appoy , tanda merah dan tanda putih di dahi ibu Appoy, menyikat rambut anak. Segala kod budaya yang diperolehi dikategorikan mengikut komponen budaya seperti di Jadual Lembaran Komponen Budaya Syot 4.

Jadual 4.8: Lembaran Komponen Budaya Syot 4

Komponen Budaya	Ciri-Ciri	Kod-Kod Budaya
Budaya Kognitif	Simbol/Tanda	Tanda Merah pada dahi ibu Appoy
	Nilai	-
	Ilmu	-
	Kepercayaan	Tanda merah dan tanda putih di dahi ibu Appoy
Budaya Normatif (Formal & Tidak Formal)	Norma	Bersedia untuk pergi ke sekolah (tidak formal)
	Kelakuan	Menyikat rambut anak (tidak formal)
	Peraturan	Pakaian sekolah yang dipakai oleh oleh Appoy (formal)

Jadual 4.8, sambungan

Komponen Budaya	Ciri-Ciri	Kod-Kod Budaya
Budaya Kebendaan	Benda	-
	Tempat	Rumah papan
	Alat	Cermin
	Teknologi	-
	Pengangkutan	-

Menurut Lembaran Komponen Budaya Syot 4, Komponen Normatif mempunyai banyak ciri-ciri kod budaya berbanding Komponen Budaya Kognitif dan Komponen Budaya Kebendaan. Komponen Budaya Normatif mempunyai ketiga-tiga ciri seperti dijadualkan iaitu Norma, Kelakuan dan Peraturan. Ciri Norma dan Kelakuan adalah tidak formal manakala ciri Peraturan adalah formal. Diikuti dengan Komponen Budaya Kebendaan. Ia merangkumi 2 ciri iaitu Tempat dan Alat. Seterusnya Komponen Budaya Kognitif pula merangkumi ciri Simbol dan Kepercayaan. Manakala Ciri nilai tidak dipaparkan dalam syot tersebut.

4.2.1.5 Syot 5

Syot 5 menggambarkan situasi di perkarangan sebuah restoran Cina. Terdapat dua lelaki India dalam situasi tersebut. Seterusnya kod budaya yang dikenal pasti dalam syot ini akan dibincangkan.



Rajah 4.5: Situasi di perkarangan restoran

Daripada penelitian syot kelima pengkaji telah mengenal pasti 7 kod budaya bukan lisan. Data yang diperoleh ditunjukkan dalam Jadual Kod Budaya Syot 5.

Jadual 4.9: Kod Budaya Syot 5

Bil	Kod-Kod Budaya Bukan Lisan (Non-Verbal)
1.	Kereta Mercedes
2.	Motosikal
3.	Topi keledar
4.	Restoran
5.	Tulisan Cina
6.	Simbol jenama alkohol 'Tiger'
7.	Pistol

Tujuh kod budaya yang diperoleh ialah kereta Mercedes, motosikal, topi keledar, restoran, tulisan Cina, simbol jenama alkohol 'Tiger' dan pistol. Kesemua kod-kod budaya yang dikenal pasti telah dikategorikan seperti di Jadual 4.10.

Jadual 4.10: Lembaran Komponen Budaya Syot 5


Komponen Budaya	Ciri-Ciri	Kod-Kod Budaya
	Simbol/Tanda	Tulisan Bahasa Cina dalam papan tanda restoran serta jenama minuman alkohol 'Tiger' Simbol jenama kereta Nombor pendaftaran motosikal
	Nilai	-
	Ilmu	-
	Kepercayaan	-
Budaya Normatif (Formal & Tidak Formal)	Norma	
	Kelakuan	Berdiri di tepi sebuah kereta yang terletak pistol di atasnya (tidak formal)
	Peraturan	Tidak mematuhi undang-undang tidak (formal)
Budaya Kebendaan	Benda	Topi keledar
	Tempat	Perkarangan restoran
	Alat	Pistol
	Teknologi	-
	Pengangkutan	Kereta Mercedes Motosikal

Daripada lembaran kod budaya syot 5 pengkaji mendapati Kategori Komponen Budaya Kebendaan banyak terdapat dalam syot tersebut. Iaitu elemen Benda, Tempat, Alat dan pengangkutan hanya elemen Teknologi tidak terdapat dalam Kategori komponen kebendaan ini. Seterusnya Komponen Budaya Normatif mempunyai elemen Kelakuan dan Peraturan yang formal. Diikuti dengan Komponen Budaya Kognitif yang hanya

merangkumi satu elemen iaitu Simbol. Elemen Nilai, Ilmu dan Kepercayaan dan tidak terdapat dalam syot ini.

4.2.1.6 Syot 6

Syot 6, menggambarkan situasi yang berlaku di ruang tamu rumah Appoy. Watak ayah Appoy, ibu Appoy dan Appoy ada dalam adegan ini. Kod-kod budaya yang terdapat dalam syot ini adalah seperti berikut:



Rajah 4.6: Situasi di ruang tamu rumah

Daripada rajah 4.6 beberapa kod budaya telah dikenal pasti. Kod budaya ini dapat dilihat seperti yang ditunjukkan dalam jadual 4.11.

Jadual 4.11: Kod Budaya Syot 6

Bil	Kod-Kod Budaya Bukan Lisan (Non-Verbal)
1.	televisyen
2.	Sofa dan meja
3.	tempat sembayang
4.	rumah papan
5.	Buku
6.	memukul anak

Daripada analisis syot keenam pengkaji mengenal pasti 6 kod budaya. Bilangan kod budaya tersebut kurang jika dibandingkan bilangan kod budaya yang terdapat dalam syot kelima namun kategori kod tersebut berbeza kerana kod budaya tersebut mempengaruhi keadaan sekeliling, tempat dan emosi dan sebagainya. Kod-kod yang dikenalpasti ialah televisyen, sofa dan meja, tempat sembahyang, rumah papan, buku, dan kelakuan memukul anak. Kod-kod budaya ini dapat dikategorikan kepada 3 komponen budaya. Komponen-komponen tersebut ditunjukkan dalam Jadual 4.12 Lembaran Komponen Budaya Syot 6.

Jadual 4.12: Lembaran Komponen Budaya Syot 6

Komponen Budaya	Ciri-Ciri	Kod-Kod Budaya
	Simbol/Tanda	-
	Nilai	-
	Ilmu	-
	Kepercayaan	Tempat sembahyang
Budaya Normatif (Formal & Tidak Formal)	Norma	Mendidik anak (tidak formal)
	Kelakuan	Memukul anak (tidak formal)
	Peraturan	-
Budaya Kebendaan	Benda	Buku
	Tempat	Ruang tamu, rumah papan
	Alat	Sofa dan meja
	Teknologi	Kipas, televisyen
	Pengangkutan	-

Syot 6 mempunyai ketiga-tiga komponen budaya. Dalam Komponen Budaya Kognitif hanya terdapat ciri kepercayaan. Ciri-ciri seperti Simbol /Tanda, Nilai dan Ilmu tidak terdapat dalam komponen budaya Kognitif. Komponen Budaya Normatif pula mengandungi ciri Norma dan Kelakuan tidak formal manakala dalam Komponen Budaya Kebendaan pula mempunyai 4 ciri iaitu benda, tempat, alat dan teknologi. Didapati ciri-ciri Komponen Budaya Kebendaan kebanyakannya berulang. Ciri Pengangkutan tidak terdapat dalam Komponen Budaya Kebendaan.

4.2.1.7 Syot 7

Syot 7 memaparkan suasana yang berlaku di halaman rumah guru Appoy. Situasi menggambarkan Appoy melutut di tanah sambil menundukan kepala. Kod budaya yang terdapat dalam syot ini akan dibincangkan seterusnya.



Rajah 4.7: Situasi di Halaman rumah guru

Setelah dianalisis didapati syot 7 mempunyai 7 kod budaya bukan lisan. Kod budaya yang telah dikenal pasti adalah seperti dipaparkan dalam jadual 4.13.

Jadual 4.13: Kod Budaya Syot 7

Bil	Kod-Kod Budaya Bukan Lisan (Non-Verbal)
1.	halaman rumah guru
2.	pokok bunga
3.	rumah papan
4.	kereta Proton Saga
5.	Pagar
6.	melutut di halaman rumah guru
7.	Mematuhi arahan

Daripada syot ketujuh ini pengkaji dapat mengenalpasti 7 kod budaya iaitu halaman rumah guru, pokok bunga, rumah papan, kereta Proton Saga, pagar, kelakuan melutut di halaman rumah guru serta mematuhi arahan. Kod-kod yang dikenal pasti telah dikategorikan mengikut komponen budaya seperti di Jadual 4.14 Lembaran komponen Budaya Syot 7.

Jadual 4.14: Lembaran Komponen Budaya Syot 7

Komponen Budaya	Ciri-Ciri	Kod Budaya
	Simbol/Tanda	-
	Nilai	Mematuhi arahan guru
	Ilmu	-
	Kepercayaan	-
Budaya Normatif (Formal & Tidak Formal)	Norma	Mendidik anak murid (tidak formal)
	Kelakuan	Melutut di halaman rumah guru (tidak formal)
	Peraturan	Harus menghafal sifir (tidak formal)

Jadual 4.14, sambungan

Komponen Budaya	Ciri-Ciri	Kod Budaya
Budaya Kebendaan	Benda	Pokok bunga
	Tempat	Halaman rumah guru, rumah papan
	Alat	-
	Teknologi	-
	Pengangkutan	Proton Saga

Syot 7 merangkumi ketiga-tiga komponen budaya yang dibincangkan. Lembaran Komponen Budaya Syot 7 di atas memaparkan bahawa kategori Komponen Budaya Normatif dan Komponen Budaya Kebendaan mempunyai elemen kod budaya sama bilangannya. Kedua-duanya mempunyai 3 elemen kod budaya. Komponen Budaya Normatif merangkumi elemen Norma, Kelakuan dan Peraturan. Ketiga-tiga elemen yang dikenalpasti ini dikategorikan sebagai tidak formal. Seterusnya komponen Budaya Kebendaan mempunyai elemen benda tempat dan Pengangkutan, Bagi Komponen Budaya Kognitif hanya elemen Nilai sahaja dapat dikenalpasti iaitu Nilai mematuhi arahan guru.

4.2.1.8 Syot 8

Syot 8 menggambarkan suasana luar kawasan sekolah. Terdapat 4 orang murid yang berpakaian sekolah berkomunikasi dengan seorang pemuda yang bermotosikal. Kod budaya yang terdapat dalam syot ini akan dikenal pasti.



Rajah 4.8: Situasi di Luar Kawasan Sekolah

Daripada syot kelapan ini beberapa kod budaya telah dikenal pasti. Kod budaya tersebut dapat dilihat seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 4.15.

Jadual 4.15: Kod Budaya Syot 8

Bil	Kod-Kod Budaya Bukan Lisan (Non-Verbal)
1.	kawasan terpencil
2.	murid-murid sekolah
3.	pakaian seragam
4.	Motosikal
5.	pondok usang
6.	kawan Mexico bercakap dengan budak sekolah
7.	murid sekolah bergaduh
8.	Jenama Motosikal 'Yamaha'

Seterusnya kod budaya yang didapati oleh pengkaji dalam syot kelapan ialah kawasan terpencil, murid-murid sekolah, pakaian seragam, motosikal, pondok usang. Serta kelakuan kawan Mexico bercakap dengan budak sekolah dan kelakuan murid sekolah bergaduh. Kod-kod budaya yang didapati dalam syot adalah berbeza mengikut tempat,

keadaan dan latarbelakang. Kod-kod yang diperoleh dikategorikan mengikut komponen-komponen budaya seperti di jadual 4.16 Lembaran Komponen Budaya Syot 8.

Jadual 4.16: Lembaran Komponen Budaya Syot 8


Komponen Budaya	Ciri-Ciri	Kod-Kod Budaya
	Simbol/Tanda	Jenama motosikal 'Yamaha'
	Nilai	-
	Ilmu	-
	Kepercayaan	-
Budaya Normatif (Formal & Tidak Formal)	Norma	-
	Kelakuan	Murid-murid bergaduh Kawan Mexico bercakap dengan budak sekolah (tidak formal)
	Peraturan	Memakai pakaian seragam sekolah Tidak memakai topi keledar (Formal)
Budaya Kebendaan	Benda	Beg sekolah
	Tempat	Kawasan terpencil Pondok usang
	Alat	-
	Teknologi	-
	Pengangkutan	Motosikal

Daripada lembaran kod budaya syot 8 didapati elemen Komponen Budaya Kebendaan paling banyak diperoleh iaitu elemen Benda, Tempat dan Pengangkutan. Namun elemen Alat dan Teknologi tiada dalam syot ini. Diikuti dengan Komponen Budaya Normatif yang mempunyai dua ciri iaitu elemen Kelakuan tidak formal dan elemen

Peraturan formal. Seterusnya diikuti dengan Komponen Budaya Kognitif yang hanya mempunyai satu elemen sahaja iaitu Simbol.

4.2.1.9 Syot 9

Syot 9 memaparkan suasana yang berlaku di tempat permainan 'snuker'. Situasi menggambarkan empat pemuda sedang berbual sambil minum arak dan menghisap rokok. Kod budaya yang terdapat dalam syot ini akan dibincangkan seterusnya.



Rajah 4.9: Situasi di tempat bermain 'Snuker'

Daripada penelitian syot kesembilan pengkaji telah mengenal pasti 5 kod budaya bukan lisan. Data yang diperolehi ditunjukkan dalam jadual 4.17.

Jadual 4.17: Kod Budaya Syot 9

Bil	Kod-Kod Budaya Bukan Lisan (Non-Verbal)
1.	Tempat bermain snuker
2.	Telefon bimbit
3.	Minuman keras /arak
4.	Pakaian dan aksesori yang dipakai
5.	Menghisap rokok

Daripada analisis syot 9, pengkaji mengenal pasti 5 kod budaya iaitu tempat bermain snuker, telefon bimbit, minuman keras /arak, pakaian serta aksesori yang dipakai dan kelakuan menghisap rokok. Kod-kod budaya ini dapat dikategorikan kepada 3 komponen budaya. Komponen-komponen tersebut seperti di jadual 4.18 Lembaran Komponen Budaya Syot 9.

Jadual 4.18: Lembaran Komponen Budaya Syot 9

Komponen Budaya	Ciri-ciri	Kod Budaya
Budaya Kognitif	Simbol/Tanda	-
	Nilai	-
	Ilmu	-
	Kepercayaan	-
Budaya Normatif (Formal & Tidak Formal)	Norma	-
	Kelakuan	Menghisap rokok (tidak formal) Minum arak (tidak formal)
	Peraturan	-
Budaya Kebendaan	Benda	Pakaian dan aksesori yang dipakai
	Tempat	Tempat bermain snuker
	Alat	-
	Teknologi	Telefon bimbit
	Pengangkutan	-

Setelah meneliti kod-kod budaya yang terdapat dalam syot 9, didapati kod-kod budaya tersebut hanya merangkumi 2 kategori komponen budaya iaitu Komponen Budaya Normatif dan Komponen Budaya Kebendaan. Komponen Budaya Kognitif tidak terdapat dalam syot kesembilan. Manakala elemen terbanyak adalah dalam Komponen Budaya kebendaan. 3 daripada 5 elemen komponen Budaya kebendaan tersenarai iaitu

Benda, Tempat dan Teknologi. Komponen Budaya Normatif yang tersenarai adalah Kelakuan formal dan tidak formal Sahaja. Ciri Norma dan Peraturan tidak terdapat dalam syot tersebut.

4.2.1.10 Syot 10

Syot 10, menggambarkan situasi yang berlaku di tempat membakar mayat. Adegan ini menunjukkan ayah Appoy dan Appoy sedang berdiri di kawasan tersebut membuat ritual pengebumian mengikut kepercayaan agama Hindu. Kod budaya yang terdapat dalam syot akan dibincangkan.



Rajah 4.10: Situasi di tempat Membakar Mayat

Daripada syot ini beberapa kod budaya telah dikenal pasti. Kod budaya ini dapat dilihat seperti yang ditunjukkan dalam jadual 4.19.

Jadual 4.19: Kod Budaya Syot 10

Bil	Kod-Kod Budaya Bukan Lisan (Non-Verbal)
1.	Tempat membakar mayat
2.	Upacara pengebumian
3.	Kalung malai (di leher Appoy)
4.	Tanda putih (abu suci) di dahi dan badan Appoy dan ayah Appoy
5.	Api membara
6.	Dhoti
7.	Memberi penghormatan terakhir

Daripada analisis syot kesepuluh pengkaji mengenal pasti 7 kod budaya. Kod-kod yang dikenal pasti ialah Tempat membakar mayat, Upacara pengebumian, Kalung malai (dileher Appoy), Tanda putih (abu suci) didahi dan badan Appoy dan ayah Appoy, Api membara, Dhoti dan kelakuan memberi penghormatan terakhir. Kod-kod budaya ini dapat dikategorikan dalam 3 komponen budaya. Seperti di jadual 4.20 Lembaran Komponen Budaya Syot 10.

Jadual 4.20: Lembaran Komponen Budaya Syot 10

Komponen Budaya	Ciri-Ciri	Kod-Kod Budaya
Budaya Kognitif	Simbol/Tanda	Tanda putih (abu suci) di dahi dan badan Appoy dan ayah Appoy Aapi membara
	Nilai	Memberi penghormatan terakhir
	Ilmu	-
	Kepercayaan	Tanda putih (abu suci) di dahi dan badan Appoy dan ayah Appoy Upacara pengebumian

Jadual 4.20, sambungan

Komponen Budaya	Ciri-Ciri	Kod-Kod Budaya
Budaya Normatif (Formal & Tidak Formal)	Norma	Mengadakan upacara pengebumian (formal)
	Kelakuan	Memberi penghormatan (tidak formal) Sedih (tidak formal)
	Peraturan	Memakai dothi , kalung malai dan memakai abu suci (formal)
Budaya Kebendaan	Benda	Kalung malai
	Tempat	Tempat membakar mayat
	Alat	-
	Teknologi	-
	Pengangkutan	-

Setelah diteliti, dalam syot 10 Komponen Budaya Normatif mempunyai ketiga-tiga elemen. Antaranya Norma, Kelakuan Dan Peraturan. Elemen Norma adalah formal, manakala elemen Kelakuan dan Peraturan yang tidak formal. Diikuti dengan Komponen Budaya Kognitif merangkumi 3 daripada 4 elemen iaitu Simbol, Nilai dan Kepercayaan. Elemen Ilmu tidak terdapat dalam syot tersebut. Seterusnya dalam Budaya Komponen Kebendaan hanya mempunyai elemen benda dan tempat. Elemen Alat, Teknologi dan Pengangkutan tidak terdapat dalam syot tersebut.

4.2.1.11 Syot 11

Syot 11 menggambarkan situasi yang berlaku di kawasan tanah perkuburan lama. Ayah Appoy mengheret Appoy sambil berjalan. Kod-kod budaya yang terdapat dalam syot ini akan di bincangkan seterusnya.



Rajah 4.11: Situasi di Kawasan Tanah Perkuburan Lama

Daripada syot ini beberapa kod budaya telah dikenal pasti. Kod budaya ini dapat dilihat seperti yang ditunjukkan dalam jadual 4.21.

Jadual 4.21: Kod Budaya Syot 11

Bil	Kod-Kod Budaya Bukan Lisan (Non-Verbal)
1.	Kawasan tanah perkuburan Cina
2.	Kawasan terpencil
3.	Ayah Appoy mengheret Appoy
4.	Pakaian Appoy dan pakaian ayah Appoy
5.	Rumput sekeliling yang kering kontang

Melalui analisis yang dilakukan pengkaji telah mengenal pasti 5 kod budaya dalam syot ke sebelas. Kod-kod yang dikenal pasti adalah kawasan tanah perkuburan Cina, kawasan terpencil, ayah Appoy mengheret Appoy, pakaian Appoy dan pakaian ayah Appoy serta rumput sekeliling yang kering kontang. Kod-kod budaya yang terdapat dalam syot ini telah dikategorikan mengikut 3 komponen budaya seperti yang ditunjukkan dalam jadual 4.22 Lembaran Komponen Budaya Syot 11.

Jadual 4.22: Lembaran Komponen Budaya Syot 11

Komponen Budaya Kognitif	Ciri-Ciri	Kod-Kod Budaya
	Simbol/Tanda	Rumput di sekeliling yang kering kontang
	Nilai	-
	Ilmu	-
	Kepercayaan	-
Budaya Normatif (Formal & Tidak Formal)	Norma	-
	Kelakuan	Ayah Appoy mengheret Appoy (tidak formal)
	Peraturan	-
Budaya Kebendaan	Benda	Pakaian Appoy dan pakaian ayah Appoy
	Tempat	Tanah perkuburan Kawasan terpencil
	Alat	-
	Teknologi	-
	Pengangkutan	-

Daripada lembaran kod budaya syot 11 didapati Komponen Budaya Kebendaan merangkumi 2 elemen iaitu Benda dan Tempat. Elemen Alat, Teknologi dan Pengangkutan tidak terdapat dalam syot tersebut. Di ikuti dengan Komponen Budaya Kognitif yang hanya mempunyai satu elemen iaitu Simbol. Komponen Budaya Normatif juga hanya mempunyai satu elemen sahaja iaitu Kelakuan. Kelakuan ini ditunjukkan sebagai kelakuan tidak formal.

4.2.1.12 Syot 12

Syot 12 menggambarkan situasi dalam bilik Appoy. Dapat dilihat watak ayah Appoy dan Appoy dalam adegan ini. Kod budaya yang terdapat dalam syot ini akan dikenal pasti.



Rajah 4.12: Situasi di Bilik Appoy

Setelah dianalisis didapati syot 12 mempunyai 4 kod budaya bukan lisan. Kod budaya yang telah dikenal pasti adalah seperti dipaparkan dalam jadual 4.23.

Jadual 4.23: Kod Budaya Syot 12

Bil	Kod-Kod Budaya Bukan Lisan (Non-Verbal)
1.	Lukisan yang dilukis oleh Appoy
2.	Gambar potret Michael Jackson
3.	Pakaian seperti Michael Jackson yang direka oleh Appoy dengan bahan buangan
4.	Suis elektrik

Setelah menganalisis syot 12, pengkaji telah mengenal pasti 4 kod budaya sahaja. Kod kod yang dikenal pasti adalah seperti berikut :

- a. Lukisan yang dilukis oleh Appoy
- b. Gambar Potret Michael Jackson

- c. Pakaian seperti Michael Jackson yang direka oleh Appoy dengan bahan buangan
- d. Suis elektrik

Kod-kod budaya ini telah dikategorikan oleh pengkaji kepada 3 komponen budaya.

Komponen-komponen tersebut adalah seperti di jadual 4.24.

Jadual 4.24: Lembaran Komponen Budaya Syot 12

Komponen Budaya	Ciri-Ciri	Kod-Kod Budaya
Budaya Kognitif	Simbol/Tanda	Pakaian seperti Michael Jackson yang direka oleh Appoy dengan bahan buangan
	Nilai	-
	Ilmu	Kesenian
	Kepercayaan	-
Budaya Normatif (Formal & Tidak Formal)	Norma	-
	Kelakuan	Memarahi anak (Ayah Appoy)
	Peraturan	-
Budaya Kebendaan	Benda	Lukisan yang dilukis oleh Appoy, Potret Michael Jackson, pakaian kerja yang dipakai ayah Appoy
	Tempat	Bilik Appoy
	Alat	-
	Teknologi	Suis elektrik
	Pengangkutan	-

Daripada lembaran kod budaya syot 12 didapati Komponen Budaya Kebendaan paling banyak diperoleh iaitu merangkumi Benda, Tempat, dan Teknologi. Elemen Alat dan Pengangkutan tidak terdapat dalam syot tersebut. Diikuti dengan Komponen Budaya Kognitif yang mempunyai dua ciri iaitu Simbol dan Ilmu. Seterusnya diikuti dengan Komponen Budaya Normatif yang hanya mempunyai satu elemen sahaja iaitu Kelakuan. kelakuan ini ditunjukkan sebagai kelakuan tidak formal.

4.2.1.13 Syot 13

Syot 13 menggambarkan situasi yang berlaku di kawasan tanah perkuburan Cina. Appoy bersama kawannya berada di kawasan tersebut. Kod-kod budaya yang terdapat dalam syot ini akan dibincangkan seterusnya.



Rajah 4.13: Situasi di Kawasan Perkuburan Cina

Setelah dianalisis didapati syot 13, mempunyai 5 kod budaya bukan lisan. Kod budaya yang telah dikenal pasti adalah seperti dipaparkan dalam jadual 4.25.

Jadual 4.25: Kod Budaya Syot 13

Bil	Kod-Kod Budaya Bukan Lisan (Non-Verbal)
1.	Batu nisan bertulisan Cina
2.	Pakaian yang dipakai oleh Appoy dan kawan -kawannya
3.	Rokok
4.	Rumput yang kering kontang
5.	Kawasan perkuburan

Daripada analisis syot 13, pengkaji mengenal pasti 5 kod budaya iaitu:

- a. Batu nisan bertulisan Cina
- b. Pakaian yang dipakai oleh Appoy dan kawan -kawannya
- c. Rokok
- d. Rumput yang kering kontang
- e. Kawasan perkuburan

Kod-kod budaya ini dapat dikategorikan kepada 3 komponen budaya. Komponen-komponen tersebut seperti di jadual 4.26 Lembaran Komponen Budaya Syot 13.

Jadual 4.26: Lembaran Komponen Budaya Syot 13

Komponen Budaya	Ciri-Ciri	Kod-Kod Budaya
Budaya Kognitif		
	Simbol/Tanda	Batu nisan bertulisan cina
	Nilai	-
	Ilmu	-
	Kepercayaan	-

Jadual 4.26, sambungan

Komponen Budaya	Ciri-Ciri	Kod-Kod Budaya
Budaya Normatif (Formal & Tidak Formal)	Norma	-
	Kelakuan	Memegang puntung rokok
	Peraturan	-
Budaya Kebendaan	Benda	Pakaian yang dipakai oleh Appoy dan kawan-kawannya , rokok
	Tempat	Kawasan perkuburan
	Alat	-
	Teknologi	-
	Pengangkutan	-

Setelah meneliti kod-kod budaya yang terdapat dalam Syot 13, didapati ketiga-tiga komponen budaya yang dinyatakan oleh Ismail Said terdapat dalam syot berkenaan. Bagi Komponen Budaya Kognitif hanya mempunyai ciri simbol/tanda. Manakala bagi Komponen Budaya Normatif juga hanya terdapat satu ciri iaitu kelakuan. Seterusnya, dalam Komponen Budaya Kebendaan pula mempunyai ciri benda dan tempat.

4.2.1.14 Syot 14

Syot 14 menunjukkan suasana kediaman bapa saudara Appoy iaitu di perkampungan nelayan. Situasi menggambarkan konversasi antara Appoy dan bapa saudaranya. Kod budaya yang terdapat dalam syot ini akan dikenal pasti.



Rajah 4.14: Kediaman bapa saudara Appoy

Daripada syot ke empat belas ini beberapa kod budaya telah dikenal pasti. Kod budaya tersebut dapat dilihat seperti yang ditunjukkan dalam jadual 4.27.

Jadual 4.27: Kod Budaya Syot 14

Bil	Kod-Kod Budaya Bukan Lisan (Non-Verbal)
1.	Rumah papan
2.	Laut
3.	Peralatan menangkap ikan (tali , jala, pelampung buatan dengan bekas plastik)
4.	Bot
5.	Bersembang

Seterusnya analisis terhadap syot ke 14. Melalui analisis syot ini pengkaji dapat mengenalpasti 5 kod budaya. Kod -kod yang telah dikenal pasti ialah rumah papan, laut, peralatan menangkap ikan (tali, jala, pelampung buatan dengan bekas plastik), bot serta kelakuan bersembang. Kod rumah papan didapati berulang. Ia terdapat di syot 1, syot 2, syot 4, syot 6 dan juga berulang di syot ke 13 ini. Kod-kod yang didapati telah

dikategorikan mengikut jadual 4.28 Lembaran komponen budaya Syot 14 seperti berikut:

Jadual 4.28: Lembaran Komponen Budaya Syot 14

Komponen Budaya	Ciri-Ciri	Kod-Kod Budaya
Budaya Kognitif		
	Simbol/Tanda	-
	Nilai	-
	Ilmu	-
	Kepercayaan	-
Budaya Normatif (Formal & Tidak Formal)	Norma	-
	Kelakuan	Bersembang (tidak formal)
	Peraturan	-
Budaya Kebendaan	Benda	-
	Tempat	Rumah papan, laut
	Alat	Peralatan menagkap ikan (tali , jala, pelampung buatan dengan bekas plastik)
	Teknologi	-
	Pengangkutan	Bot

Daripada lembaran kod budaya syot 14 didapati hanya terdapat 2 Kategori Komponen Budaya iaitu Komponen Budaya Normatif dan Komponen Budaya Kebendaan. Komponen Budaya Kognitif tidak terdapat dalam syot tersebut. Komponen Budaya Kebendaan merangkumi elemen Tempat, Alat, dan Pengangkutan. Seterusnya diikuti dengan Komponen Budaya Normatif yang hanya mempunyai satu elemen sahaja iaitu Kelakuan tidak formal.

4.2.1.15 Syot 15

Syot 15 menunjukkan tempat pelupusan sampah. Situasi menggambarkan seorang pemuda dan budak duduk berhampiran kawasan pelupusan sampah tersebut. Kod-kod budaya yang terdapat dalam syot ini akan dibincangkan seterusnya.



Rajah 4.15: Situasi di Tempat Pelupusan Sampah

Daripada syot 15 ini beberapa kod budaya telah dikenal pasti. Kod budaya ini dapat dilihat seperti yang ditunjukkan dalam jadual 4.29

Jadual 4.29: Kod Budaya Syot 15

Bil	Kod-Kod Budaya Bukan Lisan (Non-Verbal)
1.	Tempat pelupusan sampah
2.	Appoy bersama gangster tempatan
3.	Helang berterbangan

Melalui analisis yang dilakukan pengkaji pada syot yang terakhir ini iaitu syot ke 15, hanya terdapat tiga kod budaya. Kod-kod budaya yang dikenal pasti ialah tempat pelupusan sampah, kelakuan Appoy bersama gangster tempatan dan helang yang berterbangan. Dalam kesemua 15 syot yang telah dianalisis syot ke15 ini yang mempunyai kod budaya yang paling sedikit. Kod-kod budaya yang terdapat dalam s15 ini telah dikategorikan mengikut 3 komponen budaya seperti yang ditunjukkan dalam jadual 4.30 Lembaran Komponen kod budaya Syot 15.

Jadual 4.30: Lembaran Komponen Budaya Syot 15

Komponen Budaya	Ciri-Ciri	Kod-Kod Budaya
Budaya Kognitif	Simbol/Tanda	Tempat pelupusan sampah
	Nilai	-
	Ilmu	-
	Kepercayaan	-
Budaya Normatif (Formal & Tidak Formal)	Norma	-
	Kelakuan	Appoy duduk bersama gangster tempatan (tidak formal), Helang berterbangan (tidak formal)
	Peraturan	-

Jadual 4.30, sambungan

Komponen Budaya	Ciri-Ciri	Kod-Kod Budaya
Budaya Kebendaan	Benda	-
	Tempat	Kawasan pelupusan sampah
	Alat	-
	Teknologi	-
	Pengangkutan	-

Setelah meneliti kod-kod budaya yang terdapat dalam Syot 15 ini, didapati kesemua komponen budaya hanya mempunyai 1 elemen kod budaya. Dalam Komponen Budaya Kognitif hanya terdapat ciri Simbol. Seterusnya, dalam Komponen Budaya Normatif pula hanya mempunyai ciri kelakuan tidak formal. Di ikuti dengan Komponen Budaya Kebendaan yang hanya mempunyai satu elemen iaitu Tempat.

4.2.2 Kesimpulan

Daripada analisis 15 syot yang telah dilakukan, pengkaji telah mengenal pasti jumlah Komponan kod-kod budaya mengikut kategori yang terdapat dalam syot-syot filem Tamil 'Jagat'

4.2.2.1 Komponen Budaya Kognitif

Daripada Lembaran Komponen Budaya Keseluruhan didapati terdapat 19 elemen Komponen budaya kognitif dalam 15 syot-syot tersebut. Iaitu 9 elemen Simbol, 4 elemen Nilai, 1 elemen Ilmu dan 5 elemen kepercayaan. Ianya adalah seperti dijadual 4.31.

Jadual 4.31: Komponen Budaya Kognitif

KOMPONEN BUDAYA KOGNITIF				
SYOT	SIMBOL/TANDA	NILAI	ILMU	KEPERCAYAAN
1.	tanda merah di dahi (kum kum)			tanda Merah di dahi (Kum kum)
2.		gambar <u>potret</u> lama		gambar <u>potret</u> lama patung katak berwarna emas
3.		berdiri semasa berkomunikasi dengan majikan		
4.	tanda merah pada dahi ibu <u>Appoy</u>			tanda merah dan tanda putih di dahi ibu Appoy
5.	tulisan bahasa Cina dalam papan tanda restoran jenama minuman alkohol 'Tiger' jenama kereta nombor pendaftaran motosikal			
6.				tempat sembahyang
7.		mematuhi arahan guru		
8.	jenama motosikal ' <u>Yamaha</u> '			
9.	-	-	-	-
10.	tanda putih (abu suci) di dahi dan badan Appoy dan ayah Appoy api membara	memberi penghormatan terakhir		tanda putih (abu suci) didahi dan badan Appoy dan ayah Appoy upacara pengebumian
11.	rumput di sekeliling yang kering kontang			
12.	pakaian seperti Michael Jackson yang direka oleh Appoy dengan bahan buangan		kesenian	
13.	batu nisan bertulisan Cina			
14.	-	-	-	-
15.	tempat pelupusan sampah			

4.2.2.2 Komponen Budaya Normatif

Elemen Komponen Budaya Normatif yang terdapat dalam syot-syot tersebut berjumlah 28. Iaitu 6 elemen Norma, 15 elemen kelakuan dan 7 elemen Peraturan seperti ditunjukkan dalam jadual 4.32.

Jadual 4.32: Komponen budaya Normatif

KOMPONEN BUDAYA NORMATIF (FORMAL & TIDAK FORMAL)			
SYOT	NORMA	KELAKUAN	PERATURAN
1.	-	memarut kelapa (tidak formal), tidak menyahut panggilan Appoy (tidak formal)	-
2.	Mengulang kaji pelajaran (tidak formal)	memukul anak(tidak formal)	tidak menonton televisyen (tidak formal)
3.	menghormati majikan (tidak formal)	menerima wang pendahuluan (gaji lebih awal) (formal)	memakai baju seragam (formal)
4.	bersedia untuk pergi ke sekolah (formal)	menyikat rambut anak (tidak formal)	pakaian sekolah yang dipakai oleh oleh Appoy (formal)
5.	-	berdiri di tepi sebuah kereta yang terletaknya pistol di atasnya (tidak formal)	tidak mematuhi undang-undang (formal)
6.	mendidik anak (tidak formal)	memukul anak (tidak formal)	-
7.	mendidik anak murid (formal)	melutut di halaman rumah guru (tidak formal)	harus menghafal sifir (tidak formal)
8.	-	murid-murid bergaduh kawan Mexico bercakap dengan budak sekolah(tidak formal)	memakai pakaian seragam sekolah (formal) tidak memakai topi keledar (formal)
9.	-	menghisap rokok (tidak formal) minum arak (tidak formal)	-
10.	mengadakan upacara pengebumian (tidak formal)	memberi penghormatan sedih (tidak formal)	memakai dothi , kalung malai dan memakai abu suci (tidak formal)
11.	-	ayah Appoy mengheret appoy(tidak formal)	-
12.	-	memarahi anak (ayah Appoy)(tidak formal)	-
13.	-	memegang puntung rokok (tidak formal)	-
14.	-	bersembang(tidak formal)	-
15.	-	Appoy duduk bersama gengster tempatan,(tidak formal) helang berterbangan (tidak formal)	-

4.2.2.3 Komponen Budaya Kebendaan

Terdapat 43 elemen Komponen Budaya Kebendaan. Iaitu 12 elemen Benda, 15 elemen Tempat, 7 elemen Alat, 4 elemen Teknologi dan 5 elemen Pengangkutan seperti di jadual 4.33.

Jadual 4.33: Komponen Budaya Kebendaan

KOMPONEN BUDAYA KEBENDAAN					
SYOT	BENDA	TEMPAT	ALAT	TEKNOLOGI	PENGANGKUTAN
1.	kain sarung batik, baju, bakul, bekas aluminium	rumah papan, dapur rumah	pemartut kelapa, cermin, tudung saji, meja, kerusi	-	-
2.	gambar, beg sekolah, buku, bekas pensel, pingat & medal, baju lengan pendek, seluar panjang biru (dipakai oleh bapa Appoy). singlet & seluar pendek (dipakai oleh Appoy)	rumah papan & ruang tamu	sofa & meja, tempat strika, lampu suluh	televisyen, radio, kipas	-
3.	tempat duduk & meja diperbuat daripada kayu balak, pakaian seragam warna biru yang dipakai oleh ayah Appoy, pakaian yang dipakai oleh majikan	<u>kilang arang kayu</u>	kereta sorong	-	basikal
4.	-	rumah papan	-	-	-
5.	topi keledar	-	pistol	perkarangan restoran	kereta Mercedes, motosikal
6.	buku	ruang tamu	Sofa & meja	kipas, televisyen	-
7.	pokok bunga	halaman rumah guru	-	-	Proton Saga
8.	beg sekolah	kawasan terpencil, pondok usang	-	-	motosikal

Jadual 4.33, sambungan

KOMPONEN BUDAYA KEBENDAAN					
SYOT	BENDA	TEMPAT	ALAT	TEKNOLOGI	PENGANGKUTAN
9.	pakaian dan aksesori yang dipakai	tempat bermain snuker	-	telefon bimbit	-
10.	kalung malai	tempat membakar mayat	-	-	-
11.	pakaian Appoy dan pakaian ayah Appoy	tanah perkuburan, kawasan terpencil	-	-	-
12.	lukisan yang dilukis oleh Appoy, potret Michael Jackson, pakaian kerja yang dipakai ayah Appoy	Bilik Appoy	-	suis elektrik	-
13.	Pakaian yang dipakai oleh Appoy dan kawan-kawannya , rokok	kawasan perkuburan	-	-	-
14.		rumah papan, laut	peralatan menangkap ikan (tali , jala, pelampung buatan dengan bekas plastik)	-	bot
15.		Kawasan pelupusan sampah	-	-	-

4.2.2.4 Komponen Budaya Keseluruhan

Daripada analisis 15 syot yang telah dilakukan, pengkaji telah mengenal pasti jumlah Komponan kod-kod budaya yang terdapat dalam syot-syot filem Tamil 'Jagat'. Jumlah Komponen Kod Budaya yang telah dikenal pasti adalah seperti ditunjukkan dalam jadual 4.34 Lembaran komponen Budaya keseluruhan.

Jadual 4.34: Lembaran Komponen Budaya Keseluruhan

Komponen Budaya	Elemen	S1	S2	S3	S4	S5	S6	S7	S8	S9	S10	S11	S12	S13	S14	S15	JUMLAH
Budaya Kognitif	Simbol	✓	X	X	✓	✓	X	X	✓	X	✓	✓	✓	✓	X	✓	9
	Nilai	X	✓	✓	X	X	X	✓	X	X	✓	X	X	X	X	X	4
	Ilmu	X	X	X	X	X	X	X	X	X	X	X	✓	X	X	X	1
	Kepercayaan	✓	✓	X	✓	X	✓	X	X	X	X	✓	X	X	X	X	5
Budaya Normatif (Formal & Tidak Formal)	Norma	X	✓	✓	✓	X	✓	✓	X	X	✓	X	X	X	X	X	6
	Kelakuan	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	15
	Peraturan	X	✓	✓	✓	✓	X	✓	✓	X	✓	X	X	X	X	X	7
Budaya Kebendaan	Benda	✓	✓	✓	X	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	X	X	12
	Tempat	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	15
	Alat	✓	✓	✓	✓	✓	✓	X	X	X	X	X	X	X	✓	X	7
	Teknologi	X	✓	X	X	X	✓	X	X	✓	X	X	✓	X	X	X	4
	Pengangkutan	X	X	✓	X	✓	X	✓	✓	✓	X	X	X	X	X	✓	X
Jumlah Komponen Budaya																	90

Secara keseluruhan terdapat 90 elemen kod budaya dalam 15 syot filem Tamil 'Jagat' yang dikaji. Daripada 90 elemen ini elemen Kelakuan dari Komponen Budaya Normatif dan elemen Tempat dari Komponen Budaya Kebendaan tertinggi dengan jumlah 15. Diikuti dengan elemen Benda dari komponen Budaya Kebendaan berjumlah 12. Manakala elemen Ilmu dari komponen budaya Kognitif adalah elemen yang paling sedikit terdapat dalam syot-syot tersebut iaitu hanya satu elemen sahaja dapat dikenal pasti. Melalui analisis ini dapat dikenal pasti kod budaya Tempat, Kelakuan dan Benda terdapat dalam skala yang tinggi. dalam filem Tamil 'Jagat'.

4.3 Makna Denotasi Dan Konotasi Kod Budaya Dalam Latar Filem Tamil 'Jagat'

Dalam latar filem Tamil 'Jagat' didapati terdapat kod budaya yang memberi makna denotasi dan konotasi. Kod budaya ini dapat dilihat dari dua aspek iaitu kod lisan dan bukan kod lisan. Bahagian berikut akan membincangkan makna denotasi dan konotasi dari dua aspek tersebut.

4.3.1 Kod Lisan

Kod lisan merupakan proses komunikasi yang menggunakan percakapan atau tulisan untuk menyampaikan maklumat kepada penerima. Dalam filem kod lisan dan bukan lisan memainkan peranan penting dalam penyampaian mesaj. Maka analisis Kod lisan iaitu bahasa yang dilakukan dapat mengetahui makna denotasi dan konotasi kod-kod lisan yang terdapat dalam filem dengan lebih mendalam. Oleh yang demikian dialog Bahasa Tamil dipetik dari filem Tamil 'Jagat', kemudian diterjemahkan dalam Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris. Lima dialog telah dipilih daripada 22 syot yang merangkumi 5 tema yang berbeza iaitu Pendidikan, Kehidupan Masyarakat India era 90an, Politik, Didikan anak dan Jenayah seperti ditunjukkan dalam Jadual 4.35.

Jadual 4.35: Tema Kod Lisan

No.	Dialog	Tema	Bilangan syot/imej
1.	D1	Pendidikan	5
2.	D2	Kehidupan Masyarakat india era 90-an	5
3.	D3	Politik	3
4.	D4	Didikan anak	4
5.	D5	Jenayah	5
	Jumlah		22 syot

4.3.1.1 Dialog 1 (Tema : Pendidikan)

Dialog pertama telah dipetik daripada 5 syot kod lisan untuk menganalisis makna denotasi dan konotasi.



Rajah 4.16: Syot Dialog Tema Pendidikan

Dialog dalam syot ini dapat ditunjukkan dalam jadual 4.36.

Jadual 4.36: Tema Pendidikan

<i>Dialog Pertama</i>	
<i>Tema</i>	<i>Pendidikan</i>
<i>Bilangan Syot</i>	5
<i>Bahasa Tamil</i>	<p><i>அப்போய் அப்பா : இந்த அடிமை சங்கிலியை ஒடைக்கனும்னா நம்பகிட்டயும் கொஞ்சம் காசு இருக்கனும்னே...</i></p> <p><i>நண்பர்கள் : நம்பகிட்டலான் இல்லையே</i></p> <p><i>அப்போய் அப்பா : மிஞ்சி இருக்கிறது படிப்புதான்...என் தம்பிங்க இத புரிஞ்சிக்கல... என் பையனும் இத புரிஞ்சிக்கலனா ?</i></p>
<i>Bahasa Inggeris:</i>	<p><i>Appoy's father: we need money if we ever want to break this cycle of slavery...</i></p> <p><i>Friend : but we dont have money ...</i></p> <p><i>Appoy's father: so the only way through education...my brothers never understood...if my son doesn't?</i></p>
<i>Bahasa Melayu:</i>	<p><i>Ayah Appoy : kita memerlukan wang jika kita mahu memutuskan kitaran perhambaan ini..</i></p> <p><i>Kawan : tetapi kami tidak mempunyai wang...</i></p> <p><i>Ayah Appoy : jadi satu-satunya jalan penyelesaian adalah melalui pendidikan... Adik beradik saya tidak memahaminya...jika anak saya pun tidak memahami ?</i></p>

Dalam Jadual 4.3 dapat dilihat maksud denotasi dan konotasi.

4.3.1.1.1 Tahap denotasi

Beberapa dialog antara ayah Appoy dan kawan ayah Appoy yang dipaparkan dalam petikan berikut memberi keutamaan kepada pendidikan. Struktur frasa yang berbunyi 'memutuskan kitaran perhambaan' dan frasa 'pendidikan adalah penyelesaian' membawa maksud sistem penghambaan harus dihentikan dan pendidikan adalah salah satu jalan penyelesaian penghambaan tersebut.

4.3.1.1.2 Tahap Konotasi

Dialog tersebut mencerminkan pemikiran masyarakat India era 90-an terhadap kepentingan pendidikan. Mereka terpaksa menjadi buruh kerana tidak berpelajaran. Mesej ini memperlihatkan pentingnya pendidikan untuk meraih kejayaan dan meningkatkan taraf hidup yang miskin masyarakat India di Malaysia pada era 80-an dan 90-an. Walaupun ibu bapa Appoy tidak berpelajaran namun mereka mengutamakan pendidikan dan mahu Appoy belajar demi masa depan yang cerah.

Sumber pendapatan ayah Appoy rendah dan peluang-peluang pekerjaan juga agak terhad disebabkan oleh kelayakan akademik yang amat rendah. Marimuthu (1975) menyatakan, ketua keluarga yang tidak berpendidikan dan tidak dapat menilai kepentingan pendidikan serta tidak mampu menghantar anak-anak mereka ke sekolah. Oleh yang demikian, kadar keciciran kanak-kanak India di alam persekolahan juga agak tinggi. Justeru, anak-anak mereka juga akan mewarisi pekerjaan ibu bapa mereka seperti buruh kasar di Majlis Perbandaran dan di kilang-kilang berhampiran. Ini memaksa mereka tinggal di rumah-rumah setinggan. Ayah Appoy, Maniam yang sedar akan keadaan ini berharap dan percaya bahawa pendidikan mampu meningkatkan sosio ekonomi mereka dan kesejahteraan keseluruhan.

4.3.1.2 Dialog Kedua (Tema : Kehidupan Masyarakat India era 90 -an)

Dialog kedua telah dipetik dari 5 syot. Tema bagi syot berikut adalah kehidupan masyarakat India era 90-an. Analisis makna denotasi dan konotasi dibincangkan seterusnya.



Rajah 4.17: Syot Dialog Tema Kehidupan Masyarakat 90an

Dialog dalam syot ini dapat ditunjukkan dalam jadual 4.37.

Jadual 4.37: Tema Kehidupan Masyarakat india Era 90-an

Dialog Kedua	
Tema	Kehidupan Masyarakat india era 90-an
Bilangan Syot	5
Bahasa Tamil	<p>அப்போய் அப்பா : முந்தி எஸ்டேட்ல இருக்கிறப்ப மாசத்துக்கு ஒரு படம் வருசத்துக்கு ஒரு கலை நிகழ்ச்சி... இவங்க அடிக்கிற சவுக்குக்கு ஆடுனா வயித்துக்கு பயம் இல்லாம இருக்கலாம்... என்ன அடிமை சங்கிலி மட்டும் தலை மேல தொங்கி கிட்டு இருக்கு... நம்ம அப்பா அம்மா காட்டை திருத்தி நாட்டை உருவாக்குனாங்க... கடைசில நம்ப எஸ்டேட் எல்லாம் வித்து நம்பளையும் நடு தெருவுக்கு கொண்டு வந்துட்டாங்க..</p>
Bahasa Inggeris:	<p>Appoy's father : when we lived in the rubber estates all we got was a movie once a month, a stage once a year they sold the estates and left us high and dry if we danced to their tune of their whips, we didnt go hungry we all still slaves, but to a different master</p>
Bahasa Melayu:	<p>Ayah Appoy : semasa kita tinggal di ladang getah yang kita dapat hanyalah wayang sekali sebulan, pentas sekali setahun mereka menjual ladang-ladang dan meninggalkan kita tinggi dan kering kontang jika kita menari mengikut alunan mereka, kita tidak akan kelaparan kita semua masih hambat tetapi kepada tuan yang berbeza</p>

4.3.1.2.1 Tahap Denotasi:

Dialog seterusnya menjelaskan dan memaparkan tentang kehidupan masyarakat India Malaysia pada era 90-an. Dialog tersebut menerangkan tentang situasi mereka tinggal di ladang getah. Kemudian keadaan mereka selepas ladang getah dijual dan mereka ditinggalkan.

4.3.1.2.2 Tahap Konotasi :

Latar belakang filem ini adalah tempoh kritikal dalam sejarah India Malaysia. Secara mendalam menggariskan penderitaan masyarakat India Malaysia yang ditinggalkan oleh pemilik ladang dan terpaksa berpindah ke bandar. Mereka terpaksa berhadapan dengan konflik dan pemberontakan emosi yang dialami sebab kemiskinan. Mengambarkan realiti masyarakat India pada masa tersebut. Jurang antara kaya dan miskin juga boleh diketahui melalui dialog tersebut.

Majoriti tenaga kerja kaum India tertumpu pada sektor dan jenis-jenis pekerjaan yang kurang berkemahiran. Mereka juga tidak berupaya menembusi pasaran tenaga kerja yang mempunyai permintaan tinggi seperti perniagaan, perlombongan, pembinaan dan pengeluaran. Ketidakupayaan menembusi pasaran ekonomi yang kompetan menyebabkan kaum India kurang berkemampuan untuk memperbaiki kedudukan ekonomi mereka.

Melalui dialog di atas dapat mengetahui keadaan ekonomi yang tidak stabil masyarakat kaum India di Malaysia. Pada akhir 80-an dan awal 90-an. Masyarakat India terpaksa keluar daripada ladang getah dan menempuh cabaran hidup. Disebabkan tiada penginapan terancang dan masalah ekonomi yang dihadapi oleh mereka, ramai yang terjebak dengan jenayah dan terpaksa hidup dalam kemiskinan. Dialog di atas menunjukkan cabaran yang ditempuhi oleh ayah Appoy di ladang getah dan kini di kawasan setingan.

4.3.1.3 Dialog Ketiga (Tema: Politik)

Analisis data seterusnya bertemakan Politik. Dialog bagi analisis kod lisan ini dipetik dari 3 syot yang berikut:



Rajah 4.18: Syot Dialog Tema Politik

Dialog dalam syot ini dapat ditunjukkan seperti dalam jadual 4.38.

Jadual 4.38: Tema Politik

<i>Dialog Ketiga</i>	
<i>Tema</i>	<i>Politik</i>
<i>Bilangan Syot</i>	<i>3</i>
<i>Bahasa Tamil</i>	இதனிடையே கொள்கையுரையாற்றிய ம.இ.கா தேசிய தலைவர் டத்தோ ச.சாமிவேலு இந்தியர்கள் வறுமை நிலையிலிருந்து முழுமையாக விடுபட்டு புதிய மலேசியர்களாக உருமாற்றம் காண ம.இ.கா தொடர்ந்து பாடுபடும் என நம்பிக்கை தெரிவித்தார்;
<i>Bahasa Inggeris:</i>	<i>'Malaysian Indian Congress' President Dato Seri S. Samy Vellu in his speech assured that the party will strive to ensure transformations of Malaysian Indian community to achieve zero poverty status</i>
<i>Bahasa Melayu:</i>	<i>'Presiden 'Malaysian Indian Congress' Dato Seri S. Samy Vellu dalam ucapannya memberi jaminan bahawa parti itu akan berusaha untuk memastikan transformasi masyarakat India Malaysia untuk mencapai status sifar kemiskinan'</i>

4.3.1.3.1 Tahap Denotasi :

Melalui dialog ini dapat mengetahui situasi politik pada era tersebut. Dialog tersebut menggambarkan sistem politik yang tidak menyeluruh pada era 90-an. Dalam filem 'Jagat' dialog berikut kedengaran dari Radio semasa ayah Appoy bersiap ke tempat kerja. Semasa dialog tersebut kedengaran ayah Appoy mengikat tali rafia mengantikan tali pinggang. Frasa yang terdapat dalam dialog seperti '*transformasi masyarakat India Malaysia, sifar kemiskinan*' digunakan oleh ahli politik pada era tersebut.

4.3.1.3.2 Tahap Konotasi:

Marginalisasi politik etnik India berkesinambungan walaupun selepas kemerdekaan Tanah Melayu. Dalam konteks ini, Malaysian Indian Congress (MIC) yang mendakwa sebagai wakil suara kaum India di Malaysia ternyata kurang membawa perubahan yang signifikan dalam memperbaiki dan seterusnya mengukuhkan kedudukan sosioekonomi kaum India di negara ini (Muzaffar,1989).

Masyarakat India yang tergolong sebagai etnik minoriti di Malaysia. Selepas kemerdekaan Persekutuan Tanah Melayu pada 31 Ogos 1957 sehingga 1970, keadaan sosioekonomi kaum India kurang mengalami perubahan dan peningkatan yang besar. Hal ini adalah kerana kaum India masih dibelenggu permasalahan sosioekonomi dan politik yang diakibatkan oleh dasar kolonialisme British. Nasib dan kebajikan kaum India yang majoritinya tertumpu di estet sebagai buruh tidak dibela dengan efektif oleh mana-mana pihak sama ada kerajaan ataupun badan-badan yang mewakili orang India seperti MIC dan National Union of Plantation Workers (NUPW). Keadaan ini telah menjadikan orang India, pada umumnya, komuniti termundur dan terpinggir dari segi ekonomi di negara ini (Anbalagan, 2002). Setelah berhijrah ke bandar-bandar pada akhir 1980-an – 1990-an juga keadaan sosioekonomi kaum india tidak pulih.

Situasai kemiskinan ini jelas dalam keluarga Appoy. Situasi dan dialog juga menggambarkan situasi era 90-an. Parti politik India yang memberi janji untuk menghapuskan kemiskinan tegar tetapi hakikatnya gagal. Dialog ini secara tersirat mengkritik kerajaan yang tidak peduli dengan masyarakat India dan masalah dihadapi oleh kaum India.

4.3.1.4 Dialog Keempat (Tema: Didikan anak)

Seterusnya 4 syot berikut yang betema 'Didikan Anak' dianalisis oleh pengkaji.



Rajah 4.19: Syot Dialog Tema Didikan Anak

Dialog yang diperoleh daripada 4 syot ini ditunjukkan dalam Jadual 4.39.

Jadual 4.39: Tema Didikan Anak

<i>Dialog Keempat</i>	
<i>Tema</i>	<i>Didikan anak</i>
<i>Bilangan Syot</i>	4
<i>Bahasa Tamil</i>	<p>அப்போய் அப்பா : ஏய்... இங்க வா எத்தனை தடவை சொல்லிருக்கேன்... திரும்ப திரும்ப செய்யுற...</p> <p>அப்போய் : அப்பா...</p> <p>அப்போய் அப்பா : கேட்க மாட்ட ... செய்வியா? செய்வியா? என்னடா இது 'சோப்பு' மார்க்கு வாங்கி வச்சிருக்க</p>
<i>Bahasa Inggeris:</i>	<p>Appoy's father : come here how many times have I warned you?</p> <p>Appoy : father...</p> <p>Appoy's Father : Why wont you listen to me? Why did you get an 'F'?</p>
<i>Bahasa Melayu:</i>	<p>Bapa Appoy : Mari sini ...berapa kali aku ingatkanmu?</p> <p>Appoy : bapa ...</p> <p>Bapa Appoy : Mengapa kamu tidak patuh cakap saya? Kenapa kau tidak lulus?</p>

4.3.1.4.1 Tahap Denotasi :

Melalui dialog ini dapat mengetahui cara dan didikan anak kaum India pada era 90-an. Dalam situasi ini, Appoy dipukul oleh ayahnya kerana Appoy tidak mendengar nasihat ayahnya yang telah mengarahnya untuk membaca buku dan mengulang kaji pelajaran. Namun Appoy tidak mengendahkan nasihat tersebut dan menghabiskan masa dengan menonton televisyen. Ayah Appoy juga kecewa kerana Appoy gagal dalam ujian. Demi mendidik anak, ayah Appoy memukulnya. Kebanyakan situasi didikan anak dalam filem 'Jagat' ini menggunakan cara hukuman fizikal. Ini adalah realiti kehidupan kaum India yang pada era 90-an.

4.3.1.4.2 Tahap Konotasi :

Menurut Thergaonkar & Wadkar (Sahithya et al., 2019) bahawa gaya didikan ibu bapa mempunyai pengaruh yang besar terhadap perkembangan kanak-kanak terutamanya pada

usia kecil. Didikan dan hukuman yang diberikan oleh ibu bapa memberikan impak yang ketara terhadap perkembangan emosi dan mental kanak-kanak tersebut.

Didikan anak dan hukuman yang diberikan di negara Asia adalah sangat berbeza dengan negara Barat. Hukuman terhadap kesalahan yang dilakukan oleh anak timur kebiasanya lebih kepada hukuman fizikal manakala di negara Barat hukuman secara fizikal adalah kurang.

Setiap kanak-kanak berbeza dari segi perangai dan juga jati diri atau keperibadian yang pelbagai. Secara psikologi mereka dikatakan lebih cenderung untuk rasa selesa dan mudah tertarik dengan persekitaran (Azril, 2012). Menjadi tugas ibu bapa dalam mendidik. Seperti mana didikan ibu bapa di Asia, didikan anak kaum India juga boleh dikatakan lebih kepada hukuman fizikal.

4.3.1.5. Dialog Kelima (Tema: Jenayah)

Tema terakhir yang dianalisis oleh pengkaji ialah 'Jenayah'. Pengkaji telah memetik kod lisan daripada 5 syot berikut:



Rajah 4.20: Syot Dialog Tema Jenayah

Dialog yang diperoleh daripada 5 syot ini ditunjukkan dalam Jadual 4.40.

Jadual 4.40: Tema Jenayah

<i>Dialog Kelima</i>	
<i>Tema</i>	<i>Jenayah</i>
<i>Bilangan Syot</i>	4
<i>Bahasa Tamil</i>	போதை மருந்து விநியோகிப்பவன் : நீயும் பெரிய வேட்டைகாரனா? பயலுங்க சொல்றானுங்க ...பன்னிய வேட்டையாடுறவனெல்லாம் வேட்டைகாரனா? யானையை வேட்டையாடுறவன்? புரிலதூளு ...அதுதான் பியுச்சரு (future) மெக்சிகோ : எனக்கு தூள் பிசினஸ் பிடிக்காது....
<i>Bahasa Inggeris:</i>	<i>Drugs Dealer</i> : So I hear you are a hunter too...Or so my boys tell me... How can a small fry like you ever hope to play in the big leaguesDont you get it ...drugs Drugs are the future. <i>Mexico</i> : Im not in the business selling drugs.
<i>Bahasa Melayu:</i>	<i>Pengedar Dadah</i> : Jadi saya mendengar anda adalah 'pemburu' juga ... anak buah saya memberitahu saya ... Bagaimana orang seperti kamu berharap untuk 'bermain' di liga besar. Kamu tak faham ... Dadah adalah masa depan. <i>Mexico</i> : Saya bukan dalam perniagaan menjual dadah.

4.3.1.5.1 Tahap Denotasi :

Dialog 5 adalah interaksi antara dua watak dalam filem Jagat. Mexico merupakan seorang gengster. Dia terjebak dalam jenayah ini kerana kesempitan keluarga dan tiada pekerjaan. Seorang pemuda yang dikenali sebagai pengedar dadah cuba mempengaruhi Mexico untuk melakukan kesalahan yang sama. Melalui penggunaan leksikal seperti '**penjual dadah, dadah adalah masa depan**' dapat mengetahui keadaan ini.

4.3.1.5.2 Tahap Konotasi :

Situasi tersebut menunjukkan realiti sebenar era 90-an. Kerana ramai daripada komuniti-komuniti yang berpendidikan rendah terjebak dalam kegiatan seperti gengsterisme, dadah kerana kemiskinan tegar dan masalah pengangguran. filem 'Jagat' menggambarkan realiti

tersebut melalui dialog tersebut. Melalui dialog ini dapat mengetahui jenayah dalam kalangan kaum India pada era 90-an.

Pendidikan merupakan faktor terpenting dalam menentukan ketamadunan sesuatu bangsa dan kesinambungan warisannya. Kelayakan akademik yang rendah menjadi antara sebab utama wujudnya kadar pengangguran tinggi dalam kalangan kaum India di Malaysia. Faktor kemiskinan secara tidak langsung 'menjemput' aktiviti gengsterisme, penderaan, pengedaran dan penyalahgunaan dadah, sekali gus meningkatkan kebimbangan ibu bapa terhadap masa depan anak. Maka berlakulah situasi keruntuhan institusi kekeluargaan.

Dalam membincangkan kemunduran ekonomi kaum India, suatu aspek yang tidak mungkin boleh diketepikan ialah masalah penempatan setinggan di bandar (Bruton, 1992). Kajian lapangan yang dilakukan oleh Rajoo (1993) di Kampung Kasturi merupakan satu penyelidikan bermakna dalam memahami kepelbagaian masalah yang melingkari kehidupan penempatan setinggan India di kampung berkenaan. Walaupun, kajiannya hanya tertumpu di Kampung Kasturi, dapatan kajian berkenaan boleh mewakili permasalahan penempatan setinggan kaum India di kawasan-kawasan lain di Semenanjung Malaysia seperti digambarkan dalam filem ini.

Ini diperakukan sendiri oleh kajian penduduk dan keluarga setinggan di 5 buah bandar utama di Semenanjung Malaysia. Kajian Rajoo menunjukkan persekitaran hidup di perkampungan setinggan sebagai sarang pembiakan "permasalahan sosioekonomi kaum India yang lain seperti masalah pendidikan, pengangguran, masalah buruh remaja wanita dan kanak-kanak, kegiatan anti-sosial, kemudahan-kemudahan asas yang kurang mencukupi serta kualiti kehidupan yang amat rendah. Sebagaimana yang terbukti dalam kajian Rajoo (1993) di atas, masalah pengangguran dan peluang pekerjaan merupakan suatu permasalahan sosial yang mempunyai impak langsung terhadap kualiti dan taraf kehidupan seseorang. Masalah peluang pekerjaan dan pengangguran khususnya dalam

kalangan pekerja-pekerja India mengakibatkan mereka terjebak dalam jenayah yang teruk.

4.3.1.6 Kesimpulan

Melalui kajian analisis Kod Lisan yang dilakukan pengkaji dapati Kod Lisan yang di analisis memberikan makna konotasi yang mendalam tentang kehidupan kaum India terutamanya pada era 1980-an hingga ke 1990-an. Analisis kod Bahasa ini merupakan suatu penyelidikan bermakna berkenaan transformasi sosioekonomi dalam kalangan buruh kaum India pada era 90-an di Malaysia. Melalui dialog-dialog yang terdapat dalam filem 'Jagat' ini dapat mengupas makna konotasi secara komprehensif. Masalah sosial di ladang, masalah peluang pekerjaan, masalah sosioekonomi buruh-buruh ladang, peranan MIC dalam merungkaikan kekusutan bebanan sosioekonomi yang ditanggung, masalah penghijrahan ke bandar, masalah pengangguran, pendidikan dan juga kestabilan struktur sosial dapat diketahui melalui analisis Kod Lisan ini. Melalui kod lisan ini dapat mengetahui bahawa dialog filem 'Jagat' mempunyai makna konotasi yang mendalam berlandaskan budaya.

4.3.2 Kod Bukan Lisan

Kod bukan lisan merupakan alat komunikasi yang sama penting seperti kod lisan dalam kehidupan manusia. Kod-kod atau lambang-lambang yang digunakan dalam bahasa agak sukar difahami sehingga ianya memerlukan satu bentuk kajian melalui disiplin yang tertentu. Maka, pengkaji telah menganalisis makna kod budaya bukan lisan yang terdapat dalam dalam syot-syot yang dipilih. Pengkaji telah memilih 15 syot untuk menganalisis makna denotasi dan konotasi dari perspektif Semiotik Roland Barthes.

4.3.3 Makna Denotasi dan Konotasi Syot 1

Syot 1 menggambarkan situasi yang berlaku di rumah. Seorang surirumah memarut kelapa dan anaknya menghampirinya. Makna denotasi dan konotasi dapat dikenal pasti dalam syot ini.



Rajah 4.21: Makna Denotasi dan Konotasi Syot 1

Makna denotasi dan konotasi syot Rajah 4.21 yang dikenalpasti dibincangkan seterusnya.

Makna denotasi dan konotasi tanda merah didahi ibu Appoy diterangkan.

Makna Denotasi	Makna Konotasi
ibu Appoy memakai tanda merah di dahi (memakai Kum Kum)	- telah berkahwin. - penganut agama Hindu.

Data di atas menunjukkan Kum-Kum / tanda merah di dahi yang dipakai oleh ibu Appoy adalah makna denotasi. Tanda tersebut mempunyai dua makna konotasi mengikut konteks syot di atas. Tanda merah didahi ibu Appoy menunjukkan beliau seorang yang telah berkahwin. Wanita India yang telah berkahwin akan memakai Kum-Kum. Seterusnya dapat mengetahui bahawa ibu Appoy seorang penganut agama Hindu. Kerana pemakaian Kum-Kum adalah berdasarkan agama Hindu.

Seterusnya penerangan makna denotasi dan konotasi kelakuan memarut kelapa oleh ibu Appoy di rumah.

Makna Denotasi	Makna Konotasi
Menunjukkan ibu Appoy memarut kelapa di dapur.	tanggungjawabnya sebagai seorang suri rumah

Kelakuan memarut kelapa adalah maksud denotasi manakala maksud konotasi adalah Ia merupakan tanggungjawab ibu Appoy sebagai seorang surirumah yang menguruskan rumah tangga.

Seterusnya penerangan makna denotasi dan konotasi situasi ibu Appoy tidak menjawab panggilan Appoy.

Makna Denotasi	Makna Konotasi
Appoy memanggil ibunya lalu menghampirinya. Ibunya tidak menjawab panggilan Appoy	ibunya marah dan mendiamkan diri.

Dalam adegan tersebut Appoy memanggil ibunya beberapa kali dan menghampirinya. ibu Appoy tidak menjawab. ‘Tidak menjawab panggilan’ atau ‘tidak mengeluarkan apa-apa perkataan’ adalah maksud denotasi. Manakala perbuatan mendiamkan diri tanpa memberi respon, menunjukkan ibunya marah, kecewa dan tidak puas hati dengan kelakuan Appoy. Kelakuan tidak menjawab dan mendiamkan diri maksud denotasi manakala Kelakuan tersebut menunjukkan ibu Appoy kecewa dan marah adalah maksud konotasi. Adegan sebelum ini, ayah Appoy memukul Appoy, Appoy mengangkat tangan menghala ke arah ayahnya merupakan tingkah laku tidak menghormati orang tua. Ibunya sungguh kecewa dengan kelakuan Appoy. Oleh yang demikian apabila Appoy memanggil ibunya beberapa kali dan menghampirinya, ibu Appoy tidak menjawab.

Seterusnya penerangan makna denotasi dan konotasi tinggal di rumah papan yang serba kekurangan.

Makna Denotasi	Makna Konotasi
Tinggal di rumah papan dengan cat yang luntur, ruang dapur yang uzur, pintu rumah terkopek papannya, lantai simen berlopong	taraf hidup yang miskin.

Dalam syot 4.21 menunjukkan keluarga Appoy tinggal di rumah papan dengan cat yang luntur, ruang dapur yang uzur, pintu rumah terkopek papannya, lantai simen berlopong. Suasana rumah dengan cat yang luntur, ruang dapur yang uzur, pintu rumah terkopek papannya, lantai simen berlopong menunjukkan keadaan dan kondisi rumah tersebut. Ia adalah maksud denotasi. Manakala keadaan dan kondisi rumah tersebut menunjukkan taraf hidup mereka yang miskin. Taraf hidup yang miskin adalah maksud konotasi.

Diikuti dengan analisis pemakaian kain sarung batik oleh ibu Appoy dalam syot 4.21.

Makna Denotasi	Makna Konotasi
Ibu Appoy memakai kain sarung batik.	berlaku asimilasi antara budaya Melayu dan India di Malaysia.

Dalam adegan rajah 4.21 diatas ibu Appoy memakai kain sarung batik. Pemakaian kain sarung batik merupakan makna denotasi. Kain sarung batik merupakan pakaian tradisional kaum Melayu. Manakala ibu Appoy pula merupakan kaum India. Keadaan ini menunjukkan ada berlaku asimilasi antara budaya Melayu dan India di Malaysia. Maka makna konotasi pemakaian kain sarung batik oleh ibu Appoy adalah keadaan tersebut menunjukkan ada berlaku asimilasi antara budaya Melayu dan India.

Seterusnya membincangkan benda yang terdapat dalam syot rajah 4.21.

Makna Denotasi	Makna Konotasi
<ul style="list-style-type: none"> - Pakaian Appoy, ibu Appoy, pakaian yang digantungkan di belakang dan di ampaian, penggunaan bakul, mangkuk /bekas aluminium. - peralatan yang lama dan biasa meja, kerusi telah berkarat, tudung saji lama, pamarut kelapa tradisional dan cermin yang pudar 	taraf ekonomi yang rendah. dan miskin.

Melalui syot tersebut dapat dikenal pasti pakaian yang dipakai oleh Appoy, ibu Appoy serta pakaian yang digantungkan di belakang dan di ampaian. Dapat juga mengetahui penggunaan bakul, mangkuk /bekas aluminium serta peralatan lama yang digunakan iaitu meja dan kerusi yang telah berkarat, tudung saji lama dan cermin yang telah pudar. Ia adalah barang keperluan dan peralatan yang digunakan di rumah. Ini merupakan maksud denotasi. Manakala melalui pakaian dan penggunaan benda dan peralatan berikut dapat mengetahui taraf ekonomi mereka. Pakaian yang dipakai oleh mereka serta pakaian yang digantung di ampaian menunjukkan pakaian yang diguna oleh orang biasa. Penggunaan benda-benda dapur yang murah seperti bakul dan mangkuk / bekas aluminium serta peralatan lama seperti meja, kerusi yang telah berkarat , penggunaan pamarut traditional juga secara tidak langsung menunjukkan taraf ekonomi dan hidup mereka yang miskin. Maka makna konotasi adalah taraf ekonomi rendah dan miskin.

Setelah menganalisis makna kod budaya yang terdapat dalam Syot 1 pengkaji dapat mengetahui taraf hidup watak yang miskin. Melalui analisis ini juga dapat mengenalpasti agama, kepercayaan, emosi serta dapat mengetahui bahawa ada berlaku asimilasi antara budaya Melayu dan India di Malaysia.

4.3.4 Makna Denotasi dan Konotasi Syot 2

Syot 2, menggambarkan situasi yang berlaku di ruang tamu. Adegan ini menunjukkan ayah sedang memukul anaknya.



Rajah 4.22: Makna Denotasi dan Konotasi Syot 2

Makna denotasi dan konotasi kod budaya yang terdapat dalam syot Rajah 4.22 akan dibincangkan seterusnya.

Makna denotasi dan konotasi gambar potret lama yang terdapat dalam syot tersebut.

Makna Denotasi	Makna Konotasi
gambar potret lama (ahli keluarga yang telah meninggal)	<ul style="list-style-type: none">- nilai hormat terhadap orang tua- kepercayaan penganut agama Hindu,

Gambar potret hitam putih yang digantung di ruang tamu menunjukkan gambar ahli keluarga yang telah meninggal. Ia adalah maksud denotasi. Gambar potret yang dipaparkan bukan sahaja setakat gambar ia menunjukkan mereka mempunyai nilai hormat terhadap orang tua dan mengenang jasa mereka. Mengikut kepercayaan penganut agama Hindu, ahli keluarga yang telah meninggal dunia akan merestui kehidupan mereka. Oleh yang demikian mereka akan menyimpan potret ahli keluarga yang telah meninggal

dan akan mengadakan upacara sembahyang pada hari tertentu. Maka nilai hormat terhadap orang tua dan kepercayaan agama bahawa ahli keluarga yang telah meninggal akan memberi restu adalah maksud konotasi.

Seterusnya penerangan maksud denotasi dan konotasi patung katak yang terdapat dalam syot 2.

Makna Denotasi	Makna Konotasi
patung katak berwarna emas	<ul style="list-style-type: none"> - simbol kekayaan - Budaya diadaptasi dari masyarakat Cina (Tionghua) di Malaysia.

Patung katak berwarna emas yang diletak di ruang tamu dapat dilihat pada syot di atas. Patung katak yang terdapat di ruang tamu sebagai hiasan adalah makna denotasi. Dalam masyarakat Cina (Tionghua) patung katak berkaki tiga dianggap sebagai simbol kekayaan yang mendatangkan tuah. Mereka masukkan syiling emas ke dalam mulutnya sebelum meletakkannya di rumah atau pejabat. Kepercayaan ini diadaptasi oleh kaum India di Malaysia. Oleh yang demikian patung katak berwarna emas diletak dalam rumah Appoy. Dengan ini dapat ketahui berlakunya asimilasi budaya. Maka simbol kekayaan yang membawa tuah dan budaya yang diadaptasi menerangkan maksud konotasi.

Diikuti makna denotasi dan konotasi situasi melarang menonton televisyen dan harus mengulangkaji pelajaran dalam syot Rajah 4.22.

Makna Denotasi	Makna Konotasi
melarang menonton televisyen dan harus mengulangkaji pelajaran.	<ul style="list-style-type: none"> - percaya pendidikan akan mengubah taraf hidup - menonton televisyen membazirkan masa

Melalui syot kedua ini, dapat mengenalpasti kod melarang menonton televisyen dan harus mengulang kaji pelajaran iaitu tiada kebenaran menonton televisyen dan harus membuat kerja sekolah adalah makna denotasi. Appoy sepatutnya mengulang kaji pelajaran di ruang tamu tetapi dia menonton televisyen. Dari perspektif ayah Appoy menonton televisyen adalah membazirkan masa malah masa tersebut harus digunakan untuk mengulang kaji pelajaran. Ayah Appoy hanya berkerja sebagai buruh kerana tidak berpelajaran tinggi. Beliau percaya pendidikan dapat mengubah taraf hidup seseorang. Oleh hal yang demikian ayah Appoy melarang Appoy menonton televisyen supaya masa tersebut Appoy boleh gunakan untuk mengulang kaji pelajaran. Maka makna konotasi adalah percaya pendidikan akan mengubah taraf hidup dan menonton televisyen membazirkan masa.

Seterusnya analisis makna denotasi dan konotasi kelakuan memukul dalam syot 4.22.

Makna Denotasi	Makna Konotasi
ayah Appoy memukul Appoy	<ul style="list-style-type: none"> - Perasaan marah - perasaan kecewa - Perbuatan memukul - cara ibubapa asia mendidik anak - Tanggungjawab ketua keluarga

Syot 2 menampilkan adegan Ayah Appoy memukul Appoy kerana beliau telah beberapa kali melarang Appoy menonton televisyen namun Appoy tidak mematuhi arahan. Maksud kelakuan memukul adalah memberi hukuman. Ia adalah makna Denotasi. Ayah Appoy kecewa terhadap perbuatan Appoy kerana tidak mematuhi arahnya. Kekecewaan tersebut bertukar kepada perasaan marah lalu memukulnya. Perbuatan memukul anak yang bersalah merupakan cara ibu bapa asia mendidik anak. Ayah Appoy menjalankan tanggungjawab beliau sebagai ketua keluarga beliau menentukan peraturan yang perlu dipatuhi dalam institusi keluarga. Maka perbuatan memukul dalam syot

tersebut membawa makna konotasi perasaan marah, perasaan kecewa, cara didikan ibu bapa Asia dan tanggungjawab ketua keluarga.

Seterusnya makna denotasi dan konotasi alat tulis yang terdapat dalam syot tersebut.

Makna Denotasi	Makna Konotasi
beg sekolah, buku, bekas pensel yang digunakan.	- peralatan yang digunakan oleh murid dari keluarga biasa. - Taraf ekonomi keluarga yang rendah

Daripada syot tersebut dapat dikenalpasti peralatan sekolah seperti beg sekolah, buku, bekas pensel yang digunakan oleh Appoy mewakili makna denotasi. Manakala apabila meneliti peralatan yang digunakannya itu dapat diketahui bahawa Appoy adalah seorang murid yang biasa dan mempunyai taraf ekonomi keluarga yang rendah. Peralatan yang ditunjukkan merupakan alat tulis yang digunakan oleh murid dari keluarga biasa. Maka peralatan yang digunakan oleh murid dari keluarga biasa dan taraf ekonomi rendah merupakan makna konotasi yang dapat dilihat dalam syot ini.

Seterusnya analisis makna denotasi dan konotasi pingat dan medal yang terdapat dalam syot.

Makna Denotasi	Makna Konotasi
pingat dan medal	- ayahnya seorang pelakon teater

Pingat dan medal mewakili makna anugerah yang diterima. Ia merupakan makna denotasi. Dalam satu adegan bapa saudara Appoy memberitahu bahawa ayah Appoy seorang pelakon teater dan mendapat banyak pingat sewaktu remaja. Maka makna pingat dan medal tersebut membawa makna konotasi bahawa ayah Appoy seorang pelakon teater.

Berikut analisis makna denotasi dan konotasi keadaan ruang tamu yang berlubang.

Makna Denotasi	Makna Konotasi
Keadaan simen ruang tamu yang berlubang)	taraf hidup yang miskin.

Keadaan simen ruang tamu yang berlubang. Membawa maksud keadaan ruang tamu yang tidak sempurna. Ia adalah maksud denotasi. Keadaan tersebut menunjukkan taraf hidup mereka yang miskin. Denotasi simen ruang tamu yang berlubang memberi makna konotasi taraf hidup yang miskin.

Seterusnya makna denotasi dan konotasi peralatan dan benda yang digunakan.

Makna Denotasi	Makna Konotasi
<ul style="list-style-type: none"> - barang keperluan sofa, meja, tempat strika dan lampu suluh yang lama - teknologi biasa dan lama seperti - kipas, radio dan televisyen 	<ul style="list-style-type: none"> - menunjukkan taraf hidup mereka yang miskin. - peralatan yang digunakan pada era 90-an

Daripada syot tersebut dapat mengenal pasti barang keperluan seperti sofa, meja, tempat strika dan lampu suluh yang lama. Terdapat peralatan biasa dan lama seperti - kipas, radio dan televisyen. Barang tersebut adalah pekakas yang terdapat dalam rumah. Ia adalah makna denotasi. Sofa yang lama dengan cadar yang pudar secara tidak langsung menunjukkan taraf hidup mereka yang miskin. Peralatan meja, tempat sterika dan lampu suluh yang lama juga menunjukkan keadaan taraf ekonomi mereka yang miskin. Dalam syot kedua juga dapat dianalisis menggunakan teknologi biasa dan lama seperti kipas, radio dan televisyen di ruang tamu. Radio dan televisyen yang terdapat dalam syot tersebut adalah peralatan yang digunakan pada era 90-an. Maka melalui peralatan yang digunakan dapat mengenalpasti makna konotasi iaitu menunjukkan taraf hidup yang miskin dan menggunakan peralatan yang digunakan pada era 90-an.

Secara keseluruhannya melalui syot 2 dapat mengenalpasti maksud denotasi dan konotasi yang menunjukkan taraf hidup watak yang miskin, nilai menghormati orang tua, emosi , keadaan pada era 90-an serta dapat mengetahui ada berlaku asimilasi kepercayaan kaum cina dalam budaya kaum India di Malaysia.

4.3.5 Makna Denotasi dan Konotasi Syot 3

Syot ketiga menggambarkan suasana di sebuah kilang arang kayu.



Rajah 4.23: Makna Denotasi dan Konotasi Syot 3

Seterusnya pengkaji akan membincangkan makna denotasi dan konotasi kod budaya yang terdapat dalam syot ini.

Makna denotasi dan konotasi situasi antara pekerja dan majikan dianalisis seperti berikut:

Makna Denotasi	Makna Konotasi
<ul style="list-style-type: none"> - berdiri semasa berkomunikasi dengan majikan - Majikan duduk dan pekerja berdiri 	<ul style="list-style-type: none"> - jurang perbezaan antara majikan dan pekerja. - Katakamaan status - budaya menghormati majikan.

Daripada syot ketiga dapat dilihat Ayah Appoy berdiri semasa berkomunikasi dengan majikan manakala majikanya duduk. Makna denotasi adalah komunikasi antara pekerja dan majikan. Makna konotasi yang didapati daripada situasi diatas ialah jurang perbezaan antara majikan dan pekerja, ketaksamaan status dan budaya menghormati majikan. Kebiasaanya terdapat jurang antara pekerja dan majikan. Oleh yang demikian pekerja berdiri majikan duduk semasa berkomunikasi. Dari perspektif ayah Appoy boleh dikatakan beliau mengamalkan budaya menghormati majikan.

Seterusnya makna denotasi dan konotasi meminta /menerima sebahagian gaji lebih awal.

Makna Denotasi	Makna Konotasi
meminta sebahagian gaji lebih awal,	<ul style="list-style-type: none"> - dipanggil sebagai 'advance' pada era 80-90an - kesempatan wang

Daripada syot 3 dapat kenalpasti situasi ayah Appoy meminta sebahagian gaji lebih awal daripada majikan. Iaitu meminta upah lebih awal yang sepatut diterima pada akhir bulan. Maka makna denotasi adalah menerima upah lebih awal. Pemberian gaji lebih awal dipanggil sebagai 'advance' pada era 80-90an. Penerimaan sebahagian gaji lebih awal adalah suatu norma yang telah dipersetujui dalam komuniti pada era tersebut. Kebiasaanya majikan akan memberikan sebahagian daripada gaji lebih awal apabila pekerja meminta kerana kesempatan wangan. Maka makna konotasi meminta sebahagian gaji lebih awal adalah kesempatan wang dan wang tersebut dipanggil 'advance'.

Seterusnya analisis makna denotasi dan konotasi pemakaian pakaian seragam dalam syot

3.

Makna Denotasi	Makna Konotasi
memakai pakaian seragam	mematuhi peraturan

Daripada syot 3, dapat dilihat Ayah Appoy memakai pakaian seragam berwarna biru di tempat kerja. Maksud denotasi pakaian seragam ialah satu gaya pemakaian yang boleh digunakan untuk mengenal pasti pemakainya sebagai ahli sesebuah kumpulan ataupun organisasi. Maka sebagai pekerja kilang ayah Appoy memakai pakaian seragam yang ditetapkan oleh kilang tersebut. Manakala Makna konotasinya memakai pakaian seragam merupakan peraturan yang harus dipatuhi oleh setiap pekerja. Ayah Appoy mematuhi peraturan dengan memakai pakaian seragam tersebut.

Seterusnya makna denotasi dan konotasi basikal ayah Appoy yang terdapat di dalam syot 3.

Makna Denotasi	Makna Konotasi
basikal Ayah Appoy terletak ditepi kilang.	taraf hidup Ayah Appoy yang miskin.

Dalam syot di atas menggambarkan basikal ayah Appoy terletak di tepi kilang. Makna denotasi basikal ialah salah satu alat pengangkutan. Melalui denotasi pengangkutan ini dapat mengenal pasti makna konotasinya iaitu basikal menunjukkan taraf hidup Ayah Appoy yang miskin. Kerana beliau menggunakan basikal sebagai pengangkutan ke tempat kerja.

Melalui analisis makna kod budaya bukan lisan yang dikaji dalam Syot 3, Pengkaji dapat mengenal pasti analisis konotasi budaya perkerjaan dan ketaksamaan status sosial antara majikan dan pekerja, Peraturan di tempat berkerja juga dapat diketahui serta norma pemberian wang pendahuluan sebelum gaji juga dapat diketahui.

Taraf hidup ayah Appoy, kesempitan keluarganya, nilai mematuhi peraturan juga dapat dikenal pasti. Seterusnya melalui kelakuan ayah Appoy yang mematuhi peraturan yang ditetapkan menunjukkan beliau seorang yang bertanggungjawab.

4.3.6 Makna Denotasi dan Konotasi Syot 4

Syot 4 memaparkan suasana yang berlaku dalam rumah. Situasi menggambarkan ibu Appoy menyikat rambut Appoy. Makna denotasi dan konotasi yang terdapat dalam syot ini akan dibincangkan seterusnya.



Rajah 4.24: Makna Denotasi dan Konotasi Syot 4

Makna denotasi dan konotasi syot Rajah 4.21 yang dikenal pasti dibincangkan seterusnya. Makna denotasi dan konotasi tanda merah dan tanda putih didahi Ibu Appoy diterangkan.

Makna Denotasi	Makna Konotasi
<p>tanda merah dan tanda putih di dahi ibu Appoy</p>	<ul style="list-style-type: none"> - telah berkawin - penganut agama hindu. - Tanda warna putih menunjukkan kepercayaan terhadap agama Hindu.

Daripada analisis syot 4 Tanda merah dan tanda putih di dahi ibu Appoy adalah makna denotasi. Tanda merah di dahi ibu Appoy menunjukkan bahawa beliau telah berkahwin dan menganut agama Tanda abu suci putih menunjukkan kepercayaan beliau terhadap

agama Hindu. Setelah sembahyang pengikut agama Hindu akan meletakkan abu suci di dahi. Maka lanjutan makna dari tanda yang diperoleh iaitu telah berkahwin, seorang penganut agama hindu dan kepercayaan terhadap agama Hindu merupakan makna konotasi yang terdapat dalam kod budaya tersebut.

Seterusnya makna denotasi dan konotasi situasi kesekolah pada awal pagi dan pemakaian baju seragam sekolah dalam syot keempat.

Makna Denotasi	Makna Konotasi
<ul style="list-style-type: none"> - bersedia kesekolah pada awal pagi - Appoy memakai pakaian seragam sekolah 	<ul style="list-style-type: none"> - murid sekolah - sesi persekolahan pagi - peraturan yang harus dipatuhi oleh semua murid

Daripada syot 4, didapati kelakuan bersedia kesekolah awal pagi dan pemakaian pakaian seragam sekolah. Adalah makna denotasi. Appoy telah bersedia untuk pergi kesekolah pada awal pagi dengan ini dapat diketahui appoy masih lagi bersekolah dan sesi persekolahannya adalah waktu pagi. Appoy memakai pakaian seragam sekolah. Pemakaian pakaian seragam merupakan peraturan yang harus dipatuhi oleh semua murid semasa pergi ke sekolah. Dalam konteks ini peraturan pemakaian pakaian seragam , murid sekolah dan sesi persekolahan waktu pagi adalah makna konotasi.

Diikuti analisis makna denotasi dan konotasi adegan ibu Appoy menyikat rambut Appoy.

Makna Denotasi	Makna Konotasi
menyikat rambut Appoy	<ul style="list-style-type: none"> - persediaan ke sekolah - tanggungjawab ibu - perasaan kasih sayang terhadap anak.

Daripada analisis syot 4, didapati menyikat rambut iaitu kelakuan menggunakan sikat menggosokkan rambut supaya kelihatan kemas adalah makna denotasi. Manakala perbuatan ibu Appoy menyikat rambut Appoy adalah tanggungjawab sebagai ibu terhadap anaknya yang ke sekolah pada awal pagi dan menunjukkan perasaan kasih sayang terhadap anak. Maka makna konotasi bagi menyikat rambut anak dalam konteks syot 4 ialah persediaan ke sekolah, tanggungjawab ibu serta perasaan kasih sayang seorang ibu terhadap anaknya.

Melalui analisis makna denotasi dan konotasi kod budaya bukan lisan ini dapat dikenal pasti kepercayaan agama watak, agama yang dianuti watak dan juga dapat mengetahui status perkahwinan watak. Bukan itu sahaja malah perasaan kasih sayang, peranan watak, dan peraturan yang diikuti juga dapat diketahui dengan menganalisis kod-kod budaya yang terdapat dalam syot ini.

4.3.7 Makna Denotasi dan Konotasi Syot 5

Syot 5 menggambarkan situasi di perkarangan sebuah restoran Cina. Terdapat dua lelaki India dalam situasi tersebut. Makna denotasi dan konotasi kod budaya yang dikenal pasti dalam syot ini akan dibincangkan.



Rajah 4.25: Makna Denotasi dan Konotasi Syot 5

Makna denotasi dan konotasi syot Rajah 4.25 yang dikenal pasti dibincangkan seterusnya.

Makna denotasi dan konotasi simbol yang terdapat dalam syot 5 diterangkan.

Makna Denotasi	Makna Konotasi
<ul style="list-style-type: none">- tulisan Bahasa Cina- simbol 'Tiger'	<ul style="list-style-type: none">- restoran cina.- kawasan penduduk kaum cina- jenama minuman alcohol- kedai tidak halal.

Daripada analisis syot 5, tulisan Bahasa Cina dalam papan tanda restoran serta tulisan 'Tiger' adalah tanda bahasa yang tertulis dalam Bahasa Cina dan Bahasa Inggeris. Ia adalah makna denotasi. Dari konteks konotasi 'Tiger' adalah simbol jenama minuman alcohol. Melalui perkataan Bahasa Cina dapat diketahui restoran tersebut adalah restoran Cina. Dapat diketahui juga kawasan tersebut mempunyai penduduk kaum Cina. Jenama alcohol menunjukkan kedai tersebut tidak halal.

Seterusnya analisis makna denotasi dan konotasi kenderaan yang terdapat dalam syot tersebut.

Makna Denotasi	Makna Konotasi
jenama kereta Mercedes	kekayaan dan kemewahan

Melalui analisis syot 5, didapati jenama kereta yang ditunjuk adalah Mercedes. Makna denotasi kereta adalah sebuah kenderaan 4 roda yang digunakan sebagai pengangkutan.

Makna konotasinya melambangkan kekayaan dan kemewahan kerana kereta Mercedes mahal dan hanya orang yang berada yang menggunakannya.

Diikuti dengan analisis makna denotasi dan konotasi motosikal di syot 5.

Makna Denotasi	Makna Konotasi
<ul style="list-style-type: none"> - nombor pendaftaran motosikal - motosikal lama 	<ul style="list-style-type: none"> - motorsikal didaftar di Pulau Pinang. - taraf ekonomi yang miskin

Daripada analisis dapat dilihat makna denotasi nombor pendaftaran adalah nombor plat yang memaparkan nombor pendaftaran biasanya dipasang di bahagian hadapan dan belakang kenderaan. Makna konotasinya pula melalui nombor pendaftaran yang dilihat dalam syot dapat diketahui motor tersebut didaftarkan di Pulau Pinang. Melalui nombor pendaftaran kenderaan kita dapat mengetahui di negeri mana kenderaan tersebut didaftarkan. Motosikal lama yang dibawa oleh Mexico dan kawanya juga menunjukkan taraf ekonomi mereka yang miskin.

Seterusnya analisis makna denotasi dan konotasi pistol yang terdaat dalam syot tersebut.

Makna Denotasi	Makna Konotasi
pistol diatas kereta	<ul style="list-style-type: none"> - terlibat dalam jenayah yang melibatkan pistol - salah disisi undang -undang.

Dalam analisis syot 5, dua pemuda berdiri di tepi sebuah kereta yang terletaknya pistol di atasnya. Makna denotasi pistol adalah sejenis senjata api yang berlaras pendek dan kecil. Makna konotasinya pula menunjukkan mereka tidak mematuhi undang-undang dan terlibat dalam jenayah yang melibatkan pistol.

Diikuti dengan makna denotasi dan konotasi topi keledar yang terdapat dalam syot 5


Makna Denotasi	Makna Konotasi
topi keledar	<ul style="list-style-type: none">- pemandu motosikal wajib memakai topi keledar- akan disaman.

Melalui analisis syot 5 didapati 2 topi keledar terletak di atas motorsikal. Makna denotasi topi keledar adalah topi yang dipakai untuk keselamatan semasa menunggang motosikal. Di Malaysia pemandu motosikal wajib memakai topi keledar semasa menunggang motosikal. Jika tidak akan disaman. Maka makna konotasi topi keledar dalam konteks syot ini adalah wajib memakai topi keledar, jika tidak akan disaman.

Setelah menganalisis kod-kod budaya bukan lisan yang terdapat dalam Syot 5 ini pengkaji mengenal pasti era plot cerita tersebut iaitu era 90-an. Ia dapat diketahui melalui penggunaan pengangkutan, Melalui maksud konotasi juga dapat mengenal pasti taraf hidup mereka yang miskin, Seterusnya dapat mengetahui watak yang terlibat dengan jenayah yang melibatkan senjata.

4.3.8 Makna Denotasi dan Konotasi Syot 6

Syot 6, menggambarkan situasi yang berlaku di ruang tamu rumah Appoy. Watak ayah Appoy, ibu Appoy dan Appoy ada dalam adegan ini. Kod-kod budaya yang terdapat dalam syot ini.



Rajah 4.26: Makna Denotasi dan Konotasi Syot 6

Makna denotasi dan konotasi syot rajah 4.26 yang dikenal pasti dibincangkan seterusnya. Makna denotasi dan konotasi tempat sembahyang yang terdapat dalam syot 6 dibincangkan.

Makna Denotasi	Makna Konotasi
tempat sembahyang	kepercayaan agama Hindu.

Dalam analisis syot 6, terdapat kod budaya bukan lisan iaitu tempat sembahyang. Makna denotasi tempat sembahyang adalah tempat beribadat. Tempat sembahyang yang terletak di ruang tamu menunjukkan kepercayaan mereka terhadap Tuhan dan agama yang dianuti oleh mereka iaitu agama Hindu. Dalam konteks syot 6 tempat sembahyang memberi makna konotasi iaitu kepercayaan terhadap agama Hindu.

Makna Denotasi	Makna Konotasi
ibu Appoy memukul Appoy	<ul style="list-style-type: none"> - keadaan yang tidak menghormati ayah - perasaan marah - perasaan kecewa - memukul cara didikan ibu bapa asia era 80-an dan 90-an.

Syot 6 menampilkan adegan ibu Appoy memukul Appoy. Maksud Kelakuan memukul adalah memberi hukuman. Ia adalah makna denotasi. Ibu Appoy memukul Appoy kerana dia telah memberontak dengan mengangkat tangan untuk memukul ayahnya kerana beliau telah pukul dan marah kerana Appoy tidak belajar. Keadaan yang tidak menghormati ayahnya itu membuatkan ibunya rasa kecewa. Kekecewaan tersebut bertukar kepada perasaan marah lalu memukulnya. Perbuatan memukul anak yang bersalah merupakan cara ibu bapa Asia mendidik anak, Ibu Appoy menjalankan tanggungjawab beliau sebagai ibu mendidik anak. Maka perbuatan memukul dalam syot tersebut membawa makna konotasi perasaan marah, perasaan kecewa dan cara didikan. Melalui analisis makna denotasi dan konotasi syot 6 pengkaji dapat mengetahui kepercayaan watak filem Tamil 'Jagat', perasaan, emosi yang ingin disampaikan oleh watak dalam syot tersebut serta cara didikan ibubapa asia era 80-an dan 90-an. Melalui komponen-komponen yang dibincangkan di atas penonton akan lebih memahami plot cerita. Maka kod-kod budaya bukan lisan budaya tersebut memainkan peranan penting.

4.3.9 Makna Denotasi dan Konotasi Syot 7

Syot 7 memaparkan suasana yang berlaku di halaman rumah guru Appoy. Situasi menggambarkan Appoy melutut di tanah sambil menundukkan kepala. Makna denotasi dan konotasi kod budaya yang terdapat dalam syot ini akan dibincangkan seterusnya.



Rajah 4.27: Makna Denotasi dan Konotasi Syot 7

Makna denotasi dan konotasi syot Rajah 4.27 yang dikenal pasti dibincangkan seterusnya.

Makna denotasi dan konotasi situasi Appoy duduk sambil melutut di halaman rumah gurunya yang terdapat dalam syot 7 dibincangkan.

Makna Denotasi	Makna Konotasi
hukuman melutut dihalaman	<ul style="list-style-type: none"> - tidak menghafal sifir - didikan guru - hukuman fizikal guru pada era 80an dan 90an - mematuhi arahan guru

Setelah meneliti syot 7 didapati Makna denotasi hukuman melutut adalah salah satu cara mendenda seseorang. Situasi berikut berlaku di kelas tambahan yang Appoy belajar. Appoy tidak menghafal sifir maka guru memberi hukuman melutut di halaman rumahnya. Hukuman fizikal seperti ini digunakan oleh guru untuk mendidik murid pada era 80-an dan 90-an. Walaupun Appoy kecewa tetapi dia mematuhi arahan guru. Maka makna konotasi bagi denotasi hukuman melutut ialah tidak menghafal sifir, didikan guru, hukuman fizikal guru era 80 dan 90-an dan mematuhi arahan.

Seterusnya pengkaji menganalisis makna denotasi dan konotasi situasi persekitaran tanaman pokok bunga dan rumah papan yang terdapat dalam syot ke7.

Makna Denotasi	Makna Konotasi
<ul style="list-style-type: none"> - rumah papan - persekitaran dengan tanaman pokok bunga 	<ul style="list-style-type: none"> - jauh dari kota - persekitaran kampung

Daripada analisis makna didapati Makna denotasi rumah papan adalah kediaman yang diperbuat daripada kayu dan persekitaran dengan tanaman pokok bunga bermaksud keadaan kawasan yang penuh dengan pokok bunga. Manakala makna konotasi adalah Kawasan yang jauh dari kota dan persekitaran kawasan kampung.

Diikuti dengan analisis makna denotasi dan konotasi kereta Proton Saga yang terdapat dalam syot 7.

Makna Denotasi	Makna Konotasi
kereta Proton Saga	<ul style="list-style-type: none">- kereta keluaran Malaysia- mampu milik oleh orang yang berada ada era 90-an.

Setelah menganalisis syot tersebut didapati makna denotasi kereta Proton Saga adalah sebuah kenderaan 4 roda yang digunakan sebagai pengangkutan. Kereta Proton Saga yang terdapat dalam syot tersebut adalah kereta keluaran Malaysia. Kereta keluaran pada 1985 ini merupakan kereta hanya mampu milik oleh orang yang berada ada era 80-an dan 90-an. Maka makna konotasi kereta Proton Saga ialah kereta keluaran Malaysia, yang mampu milik oleh orang berada pada era 80-an dan 90-an.

Setelah menganalisis kod-kod budaya yang terdapat dalam Syot 7 dapat mengetahui cara didikan murid pada era 80-an dan 90-an, hukuman fizikal yang diberi oleh guru, didikan guru, kereta keluaran Malaysia, serta melalui analisis ini juga dapat mengenalpasti keadaan persekitaran plot yang sesuai dengan jalan cerita.

4.3.10 Makna Denotasi dan Konotasi Syot 8

Syot 8 menggambarkan suasana luar kawasan sekolah. Terdapat 4 orang murid yang berpakaian sekolah berkomunikasi dengan seorang pemuda yang bermotosikal. Makna denotasi dan konotasi kod budaya yang terdapat dalam syot ini akan dikenal pasti.



Rajah 4.28: Makna Denotasi dan Konotasi Syot 8

Makna denotasi dan konotasi syot Rajah 4.28 yang dikenalpasti dan dibincangkan seterusnya.

Makna denotasi dan konotasi jenama motosikal yang terdapat dalam syot 8 dibincangkan.

Makna Denotasi	Makna Konotasi
motosikal 'Yamaha'	<ul style="list-style-type: none"> - motosikal mahal - terjebak dengan pekerjaan salah di sisi undang -undang.

Adegan ini menunjukkan kawan Mexico menunggang motosikal Jenama 'Yamaha'. Makna denotasi motosikal 'Yamaha' adalah sejenis kenderaan beroda dua yang dijalankan dengan injin berjenama 'Yamaha'. Melalui syot ini dapat mengetahui jenama kenderaan yang ditunggang iaitu 'Yamaha'. Orang seperti kawan Mexico yang tiada pekerjaan memiliki motosikal jenama ini adalah mustahil kerana mahal. Kemungkinan kawan Mexico terjebak dengan pekerjaan yang salah di sisi undang-undang. Maka dalam konteks syot kelapan makna konotasi motosikal 'Yamaha' adalah kenderaan yang mahal dan pemiliknya berkemungkinan terjebak dengan perkerjaan salah disisi undang-undang.

Seterusnya analisis makna denotasi dan konotasi situasi pergaduhan Appoy dengan murid-murid lain.

Makna Denotasi	Makna Konotasi
Appoy bergaduh dengan murid-murid lain	masalah gengsterisme.

Daripada analisis dapat dilihat, makna denotasi bergaduh adalah berkelahi antara satu sama lain. Dalam adegan sebelumnya Appoy dan murid-murid sekolah bergaduh. Pada masa yang sama kawan Mexico datang ke tempat tersebut dan menegur murid-murid yang bergaduh dengan Appoy. Kawan Mexico menyatakan bapa saudara Appoy ‘gengster’ dan jangan mengganggu Appoy. Aktiviti gengsterisme di sekolah adalah masalah penting pada era 90-an. Situasi ini juga menggambarkan keadaan tersebut. Maka makna konotasi bergaduh dalam konteks di atas adalah masalah gengsterisme.

Diikuti dengan makna denotasi dan konotasi situasi tidak memakai topi keledar di syot 8.

Makna Denotasi	Makna Konotasi
tidak memakai topi keledar	tidak mematuhi peraturan

Melalui analisis syot 8 didapati kawan Mexico tidak memakai topi keledar semasa menunggang motosikal. Makna denotasi topi keledar adalah topi yang dipakai untuk keselamatan semasa menunggang motosikal. Di Malaysia pemandu motosikal wajib memakai topi keledar semasa menunggang motosikal. Jika tidak akan disaman. Maka makna konotasi topi keledar dalam konteks syot ini adalah tidak mematuhi peraturan.

Makna Denotasi	Makna Konotasi
memakai pakaian seragam sekolah	<ul style="list-style-type: none"> - murid sekolah - mematuhi peraturan sekolah

Daripada syot 8, dapat dilihat Appoy dan kawan-kawannya memakai pakaian seragam sekolah diluar kawasan sekolah. Maksud denotasi pakaian seragam sekolah ialah satu gaya pemakaian yang boleh digunakan untuk mengenal pasti pemakainya sebagai ahli sesebuah institusi pendidikan. Maka sebagai murid Appoy dan kawan-kawannya memakai pakaian seragam yang ditetapkan. Makna konotasi memakai pakaian seragam sekolah adalah mematuhi peraturan dan murid sekolah.

Seterusnya menerangkan makna denotasi dan konotasi beg sekolah yang digunakan oleh appoy dan kawanya.

Makna Denotasi	Makna Konotasi
<ul style="list-style-type: none"> - beg sekolah biasa yang berwarna hijau - beg gambar kartun 	<ul style="list-style-type: none"> - status taraf hidup mereka. - digunakan oleh golongan biasa pada era 80an dan 90an. - jurang ekonomi dengan perbezaan beg sekolah

Daripada analisis syot 8, makna denotasi beg adalah bekas untuk membawa, menyimpan buku-buku sekolah. Beg sekolah yang dimiliki oleh Appoy dan beg sekolah kawanya dalam syot ini berbeza. Secara tidak langsung kita dapat mengetahui status taraf hidup mereka. Beg biasa yang berwarna hijau adalah beg sekolah yang digunakan oleh golongan biasa pada era 80-an dan 90-an. Manakala beg gambar kartun digunakan oleh murid dari keluarga yang berada. Pengarah filem menunjukkan jurang ekonomi dengan beg sekolah. Maka makna konotasi beg sekolah tersebut adalah status taraf hidup dan jurang ekonomi yang berbeza serta beg hijau tersebut digunakan oleh golongan biasa pada era 80-an dan 90-an.

Diikuti dengan mengenalpasti makna denotasi dan konotasi kawasan luar sekolah, kawasan terpencil serta pondok usang yang terdapat dalam syot 8.


Makna Denotasi	Makna Konotasi
<ul style="list-style-type: none"> - luar kawasan sekolah - kawasan terpencil - pondok usang 	memilih tempat ini untuk bergaduh supaya tidak diketahui penduduk berdekatan.

Tempat yang ditunjukkan dalam syot 8 adalah luar kawasan sekolah kerana ia kawasan terpencil dan hanya terdapat pondok usang. Makna denotasi luar kawasan sekolah adalah kawasan yang jauh dari sekolah. Manakala denotasi bagi kawasan terpencil pula adalah kawasan yang terpisah atau terasing. Pondok usang pula membawa maksud tempat yang telah dibiarkan dan tidak didiami. Makna konotasi situasi ini adalah menunjukkan mereka memilih tempat yang jauh dari penduduk dan tidak diketahui oleh penduduk.

Setelah menganalisis kod-kod budaya yang terdapat dalam Syot 8 dapat mengetahui bahawa isu jurang ekonomi, taraf hidup, gengsterisme, masalah sosial dibicarakan dalam latar filem ini. Melalui Analisis ini juga dapat mengenal pasti makna denotasi dan konotasi kelakuan watak seperti bergaduh, menghormati dan sebagainya.

4.3.11 Makna Denotasi dan Konotasi Syot 9

Syot 9 memaparkan suasana yang berlaku di tempat permainan ‘snuker’. Situasi menggambarkan empat pemuda sedang berbual sambil minum arak dan menghisap rokok. Makna denotasi dan konotasi kod budaya yang terdapat dalam syot ini akan dibincangkan seterusnya.



Rajah 4.29: Makna Denotasi dan Konotasi Syot 9

Makna denotasi dan konotasi syot Rajah 4.29 yang dikenalpasti dan dibincangkan seterusnya.

Makna denotasi dan konotasi kelakuan menghisap rokok dan minum arak yang terdapat dalam syot 8 dibincangkan.

Makna Denotasi	Makna Konotasi
<ul style="list-style-type: none"> - menghisap rokok - minum arak 	<ul style="list-style-type: none"> - amalan yang memudaratkan anggota badan. - masyarakat tidak akan menghormati mereka.

Makna denotasi Menghisap rokok dan minum arak adalah amalan yang memudaratkan anggota badan. Konotasinya pemuda yang mempunyai amalan berikut akan dipandang rendah oleh masyarakat dan tidak akan menghormati mereka.

Seterusnya makna denotasi dan konotasi telefon bimbit yang terdapat dalam syot 9.

Makna Denotasi	Makna Konotasi
telefon bimbit	<ul style="list-style-type: none"> - telefon yang canggih pada era 90-an - sebagai barang kemewahan.

Maksud denotasi telefon bimbit ialah alat komunikasi. Makna konotasinya pula ia merupakan telefon yang canggih pada era 90-an. Pemilikan telefon bimbit pada era tersebut boleh dikategorikan sebagai barang kemewahan. Dalam situasi di atas watak pengedar dadah menyangkan kekayaan dia untuk menarik minat pemuda lain untuk berkerja bersamanya.

Setelah menganalisis kod budaya yang terdapat dalam Syot 9 dapat mengetahui keadaan pemuda yang tidak berpelajaran pada era 90-an. Melalui analisis ini juga dapat mengenal pasti bahawa tidak berpendidikan akan membawa kepada masalah sosial.

4.3.12 Makna Denotasi dan Konotasi Syot 10

Syot 10, menggambarkan situasi yang berlaku di tempat membakar mayat. Adegan ini menunjukkan ayah Appoy dan Appoy sedang berdiri di kawasan tersebut membuat ritual pengebumian mengikut kepercayaan agama Hindu. Makna denotasi dan konotasi budaya yang terdapat dalam syot akan dibincangkan.



Rajah 4.30: Makna Denotasi dan Konotasi Syot 10

Makna denotasi dan konotasi syot Rajah 4.30 yang dikenalpasti dan dibincangkan seterusnya.

Makna denotasi dan konotasi pemakaian tanda abu suci , dhoti dan kalung bunga dalam syot 10.

Makna Denotasi	Makna Konotasi
tanda putih (abu suci) didahi dan badan Appoy dan ayah Appoy	<ul style="list-style-type: none"> - kepercayaan agama Hindu - upacara sembahyang.

Daripada analisis syot 10 didapati tanda putih di dahi menunjukkan abu suci yang dipakai oleh mereka. Ia adalah makna denotasi. Abu suci membawa makna konotasi kepercayaan terhadap agama Hindu dan upacara sembahyang kerana tanda abu suci harus dipakai untuk mana-mana upacara sembahyang dalam agama Hindu. Abu suci dalam agama Hindu membawa maksud suatu hari semua manusia akan meninggal dunia dan akan dibakar menjadi abu. Abu suci itu secara tidak langsung mengingatkan manusia akan meninggal dunia suatu hari nanti. Dalam tempoh kehidupan di muka bumi dia harus berbuat baik.

Diikuti dengan perbincangan makna denotasi dan konotasi memakai dhoti dan kalung bunga dalam syot 10.

Makna Denotasi	Makna Konotasi
<ul style="list-style-type: none"> - memakai dothi - kalung bunga 	mengikut tradisi

Daripada analisis syot 10 didapati makna denotasi kalung bunga malai ialah hiasan bunga malai yang dikalung pada leher. Manakala dhoti merupakan pakaian tradisional kaum lelaki India. Adat upacara pengebumian Hindu mempunyai peraturan. Oleh yang demikian. Bapa Appoy dan Appoy mematuhi dengan memakai dhoti (vetti). Waris yang akan melakukan upacara penting akan memakai kalung dileher. Konotasi pemakaian kalung bunga dan memakai pakaian tradisional menunjukkan perbuatan mengikut tradisi yang diwarisi.

Seterusnya makna denotasi dan konotasi upacara pengebumian dalam syot 10 dibincangkan.

Makna Denotasi	Makna Konotasi
upacara pengebumian	<ul style="list-style-type: none"> - membakar mayat mengikut kepercayaan agama Hindu - memberi penghormatan terakhir

Melalui analisis syot 10, makna denotasi upacara pengebumian adalah perihal ritual kematian seseorang. Makna konotasi upacara pengebumian yang dapat dikenalpasti ialah upacara pengebumian adalah mengikut kepercayaan agama Hindu. Mayat dibakar. Seterusnya mengadakan upacara pengebumian membawa maksud konotasi memberi penghormatan terakhir kepada yang telah meninggal dunia. Namun mengikut peredaran masa kini telah muncul teknologi membakar mayat. Syot diatas menunjukkan cara pembakaran mayat pada era 90-an.

Melalui kod-kod budaya bukan lisan yang dikaji dalam syot 10, Pengkaji dapat mengenal pasti adat istiadat, kepercayaan dan peraturan yang diikuti dan dipatuhi dalam upacara pengebumian agama Hindu.

4.3.13 Makna Denotasi dan Konotasi Syot 11

Syot 11 menggambarkan situasi yang berlaku di kawasan tanah perkuburan lama. Ayah Appoy mengheret Appoy sambil berjalan. Makna denotasi dan konotasi yang terdapat dalam syot ini akan di bincangkan seterusnya.



Rajah 4.31: Makna Denotasi dan Konotasi Syot 11

Makna denotasi dan konotasi syot Rajah 4.31 yang dikenal pasti dan dibincangkan seterusnya.

Makna denotasi dan konotasi situasi ayah Appoy mengheret Appoy yang terdapat dalam syot 11 dibincangkan.

Makna Denotasi	Makna Konotasi
ayah Appoy mengheret Appoy	<ul style="list-style-type: none"> - perasaan kecewa - perasaan marah - berkawan dengan kawan -kawan yang mempunyai tabiat merokok

Makna denotasi mengheret adalah menarik dengan paksaan. Situasi ini berlaku kerana ayah Appoy melihat Appoy memegang puntung rokok dan beliau sungguh kecewa kerana Appoy tidak belajar dengan rajin dan berkawan dengan kawan -kawan yang mempunyai tabiat merokok. Rasa kecewa ayah Appoy menimbulkan rasa marah dan ia menyebabkan beliau mengheret Appoy ke rumah. Maka makna konotasi perbuatan mengheret dalam konteks syot ke-11 adalah perasaan kecewa, marah dan berkawan dengan kawan yang mempunyai tabiat merokok.

Melalui analisis makna denotasi dan konotasi mengetahui punca kelakuan ayah Appoy dan emosi yang ingin disampaikan.

4.3.14 Makna Denotasi dan Konotasi Syot 12

Syot 12 menggambarkan situasi dalam bilik Appoy. Dapat dilihat watak ayah Appoy dan Appoy dalam adegan ini. Makna denotasi dan konotasi kod budaya yang terdapat dalam syot ini akan dikenal pasti.



Rajah 4.32: Makna Denotasi dan Konotasi Syot 12

Makna denotasi dan konotasi syot Rajah 4.32 yang dikenalpasti dan dibincangkan seterusnya.

Makna denotasi dan konotasi yang terdapat dalam syot 13 adalah seperti berikut:

Makna Denotasi	Makna Konotasi
ayah Appoy memarahi Appoy	<ul style="list-style-type: none"> - menyediakan pakaian Michael Jackson untuk pertandingan pakaian beragam. - pendidikan adalah lebih penting daripada seni - kecewa apabila ketahui minat kesenian yang ada pada Appoy. - masa depan tidak terjamin

Dalam adegan ini ayah Appoy memarahinya kerana menyediakan pakaian Michael Jackson untuk pertandingan pakaian beragam. Pada pandangan ayah Appoy pendidikan adalah lebih penting daripada perkara seperti ini. Ayah Appoy kecewa apabila ketahu minat kesenian yang ada pada Appoy. Pada sesuatu ketika ayah Appoy juga peminat seni dan telah berlakon dalam drama teater namun masa depan tidak terjamin dan kini dia hanya menjadi buruh. Oleh yang demikian beliau melarang dan memarahi Appoy supaya hanya memberi tumpuan dalam pelajaran.

Makna Denotasi	Makna Konotasi
lukisan yang dilukis oleh Appoy dilekat dalam bilik	menunjukkan minat Appoy dalam bidang kesenian.

Daripada analisis syot 11, makna denotasi lukisan ialah karya seni yang dihasilkan oleh seseorang. Lukisan Appoy yang dilekat dalam bilik membawa makna konotasi bahawa Appoy mempunyai minat dalam bidang seni.

Makna Denotasi	Makna Konotasi
bilik Appoy	<ul style="list-style-type: none"> - berdindingkan 'playwood' - taraf hidup mereka yang miskin.

Daripada analisis makna denotasi bilik adalah ruang rehat peribadi seseorang. Melalui makna denotasi dapat mengenalpasti makna konotasi. Taraf hidup mereka yang miskin dapat dilihat. Bilik tersebut hanya dilekat dengan gambar yang dilukis sendiri dan tiada perabot dan hanya berdindingkan 'playwood'.

Setelah dianalisis makna denotasi dan konotasi melalui perspektif semiotik, dapat mengetahui perwatakan Appoy dan minatnya dalam bidang seni, emosi yang dialami

oleh ayah Appoy serta mengetahui keadaan keluarga Appoy yang serba kekurangan dan keadaan sosioekonomi keluarga mereka yang sangat miskin.

4.3.15 Makna Denotasi dan Konotasi Syot 13

Syot 13 menggambarkan situasi yang berlaku di kawasan tanah perkuburan Cina. Appoy bersama kawannya berada di kawasan tersebut. Maksud kod budaya yang terdapat dalam syot ini akan dibincangkan seterusnya.



Rajah 4.33: Makna Denotasi dan Konotasi Syot 13

Makna denotasi dan konotasi syot Rajah 4.33 yang dikenal pasti dan dibincangkan seterusnya.

Makna denotasi dan konotasi batu nisan bertulisan Cina yang terdapat dalam syot 13 dibincangkan.

Makna Denotasi	Makna Konotasi
batu nisan bertulisan cina	<ul style="list-style-type: none"> - tanah perkuburan - bersinonim dengan pekara yang tidak baik,

Maksud denotasi batu nisan adalah batu tanda pada kubur yang selalunya mempunyai nama dan tarikh orang yang dikebumikan. Konotasi batu nisan menunjukkan ia adalah

tanah perkuburan Cina. Kebiasaanya tanah perkuburan bersinonim dengan pekara yang tidak baik, seram, risau dan takut.

Seterusnya makna denotasi dan konotasi situasi memegang puntung rokok dalam syot 13.

Makna Denotasi	Makna Konotasi
<ul style="list-style-type: none"> - memegang puntung rokok - tanah perkuburan 	<ul style="list-style-type: none"> - kesalahan menghisap rokok. - salah disisi undang undang. - jarang manusia datang ke tanah perkuburan.

Melalui analisis makna denotasi memegang puntung rokok adalah perihal memegang rokok dan tanah perkuburan adalah dimana tempat mayat dikebumikan. Secara konotasinya adegan ini menunjukkan rakan-rakan Appoy melakukan kesalahan menghisap rokok. Ia adalah salah disisi undang undang kerana kanak-kanak dilarang merokok sama sekali. Untuk melakukan perkara ini mereka memilih kawasan perkuburan kerana jarang manusia datang ke tanah perkuburan.

Diikuti analisis makna denotasi dan konotasi pakaian appoy dalam situasi syot 13.

Makna Denotasi	Makna Konotasi
<p>pakaian yang dipakai oleh Appoy (Singlet dan seluar biru sekolah)</p>	<p>baru pulang dari sekolah</p>


Maksud denotasi pakaian adalah sesuatu yang dipakai untuk menutupi tubuh. Konotasi pakaian yang dipakai oleh Appoy dan kawan-kawannya menunjukkan mereka baru pulang dari sekolah, kerana kebiasaannya murid akan memakai singlet sebelum memakai

baju sekolah. Setelah pulang mereka hanya menanggalkan baju sekolah dan berkeliaraan dengan singlet dan seluar sekolah.

Melalui analisis kod budaya yang terdapat dalam syot ini dapat mengetahui bahawa Appoy dan kawan-kawannya berada di kawasan perkuburan tersebut selepas waktu sekolah. Ini dapat diketahui melalui pakaian mereka. Melalui batu nisan yang mempunyai tulisan Cina dapat diketahui latar syot tersebut adalah kawasan perkuburan Cina. Melalui ciri kelakuan dapat diketahui mereka memilih kawasan terpencil, tanah perkuburan Cina tersebut untuk menghisap rokok tanpa diketahui orang lain.

4.3.16 Makna Denotasi dan Konotasi Syot 14

Syot 14 menunjukkan suasana kediaman bapa saudara Appoy iaitu di perkampungan nelayan. Situasi menggambarkan konversasi antara Appoy dan bapa saudaranya. Makna denotasi dan konotasi Kod budaya yang terdapat dalam syot ini akan dikenal pasti.



Rajah 4.34: Makna Denotasi dan Konotasi Syot 14

Makna denotasi dan konotasi syot Rajah 4.34 yang dikenal pasti dibincangkan seterusnya.

Makna denotasi dan konotasi situasi Appoy bersembang dengan bapa saudaranya yang terdapat dalam syot 14 dibincangkan.

Makna Denotasi	Makna Konotasi
Appoy bersembang dengan bapa saudaranya	<ul style="list-style-type: none"> - Appoy mempunyai hubungan yang baik dengan bapa saudaranya. - perasaan kasih - meluahkan isi hati

Melalui analisis makna denotasi bersembang membawa maksud berbual. Denotasi bersembang membawa maksud konotasi bahawa Appoy mempunyai hubungan yang baik dan perasaan kasih sayang terhadap bapa saudaranya. Ia adalah tempat Appoy meluahkan isi hatinya.

Seterusnya analisis makna denotasi dan konotasi peralatan menangkap ikan dalam syot 14.

Makna Denotasi	Makna Konotasi
peralatan menangkap ikan (bot, jala, tali, pelampung buatan dengan bekas plastik)	<ul style="list-style-type: none"> - bapa saudara Appoy seorang nelayan. - Perkampungan nelayan.

Makna denotasi peralatan menangkap ikan dalam syot 14 membawa maksud peralatan seperti bot, jala, tali, pelampung buatan dengan bekas plastik. Peralatan menangkap ikan tersebut membawa maksud konotasi bahawa bapa saudara Appoy seorang nelayan. Kawasan tersebut menunjukkan adalah kawasan kediaman nelayan.

Melalui analisis makna denotasi dan konotasi kod budaya yang terdapat dalam syot - syot dapat diketahui Appoy mempunyai hubungan yang baik dengan bapa saudaranya. Appoy

juga dapat meluahkan perasaannya dengan bapa saudaranya. Seterusnya melalui tempat, alat dan pengangkutan dapat mengetahui tempat tersebut iaitu kampung nelayan.

4.3.17 Makna Denotasi dan Konotasi Syot 15

Syot 15 menunjukkan tempat pelupusan sampah. Situasi menggambarkan seorang pemuda dan budak duduk berhampiran kawasan pelupusan sampah tersebut. Makna denotasi konotasi dan kod budaya yang terdapat dalam syot ini akan dibincangkan.



Rajah 4.35: Makna Denotasi dan Konotasi Syot 15

Makna denotasi dan konotasi syot Rajah 4.35 yang dikenal pasti dan dibincangkan seterusnya.

Makna denotasi dan konotasi tempat pelupusan sampah yang terdapat dalam syot 15 dibincangkan.

Makna Denotasi	Makna Konotasi
<ul style="list-style-type: none"> - tempat pelupusan sampah - duduk bersama gengster tempatan 	<ul style="list-style-type: none"> - bersinonim kepada sesuatu keadaan yang tidak menyenangkan - gambaran bahawa kehidupan Appoy atau Appoy menjadi sampah masyarakat - terjebak dengan masalah gengsterisme

Setelah dianalisis syot 15, Maksud denotasi tempat pelupusan adalah tapak pelupusan bahan buangan. Dalam syot ini kelihatan Appoy duduk bersebelahan dengan gengster tempatan berhampiran tempat pelupusan sampah. Mengikut plot cerita Appoy juga terjebak dengan gengsterisme. Dalam konteks syot konotasi kawasan pelupusan sampah bersinonim kepada sesuatu keadaan yang tidak menyenangkan atau sesuatu yang tidak berguna seperti sampah. Ia memberi maksud bahawa Appoy berkemungkinan menjadi 'sampah masyarakat' iaitu terjebak dalam aktiviti gengsterisme. Kelakuan Appoy yang bersama dengan gengster menunjukkan Appoy memilih jalan yang salah.

Setelah menganalisis kod budaya yang terdapat dalam Syot 15 dapat mengetahui bahawa Appoy memilih jalan yang salah iaitu menjadi 'gengster'. Kod yang terdapat dalam syot ini secara konotasi menerangkan bahawa Appoy terjebak dalam sesuatu yang tidak baik dan akan memusnahkan hidupnya.

BAB 5: RUMUSAN DAN CADANGAN

5.1 Pengenalan

Bab ini akan membincangkan rumusan kajian yang diperolehi dalam bab 4 mengenai analisis kod budaya. Pengkaji akan membincangkan dapatan kajian secara terperinci. Di samping itu bab ini juga memberi cadangan yang boleh dijadikan sebagai panduan kepada pihak tertentu dalam usaha meningkatkan lagi tahap pemahaman filem dari perspektif semiotik.

5.2 Rumusan Kajian

Analisis kajian telah dijalankan dengan memenuhi kehendak objektif kajian. Rumusan analisis kajian dan dapatan yang diperolehi adalah seperti berikut:

5.2.1 Rumusan Analisis Kategori Kod Budaya Bukan lisan

Secara keseluruhan terdapat 90 elemen kod budaya dalam 15 syot filem Tamil 'Jagat' yang telah dikaji. Didapati terdapat 19 elemen Komponen budaya kognitif dalam 15 syot tersebut. Elemen Komponen Budaya Normatif yang terdapat dalam syot-syot tersebut berjumlah 28. Manakala Terdapat 43 elemen Komponen Budaya Kebendaan. Melalui analisis tersebut dapat dirumuskan bahawa Komponen budaya Kebendaan mempunyai elemen kod budaya tertinggi iaitu sebanyak 43 elemen. Ini kerana Komponen Budaya Kebendaan seperti benda, alat, tempat teknologi dan pengangkutan banyak digunakan dalam aktiviti seharian.

Melalui kategori Komponen Kod Budaya Kognitif, Normatif dan Kebendaan yang dianalisis dapat mengetahui taraf hidup watak, agama, kepercayaan, emosi, asimilasi antara budaya. Pengkaji juga dapat mengenal pasti peralatan yang digunakan dalam plot cerita tersebut iaitu peralatan yang bersinonim dengan era 90-an.

5.2.2 Rumusan Analisis Kod Lisan (Dialog)

Melalui lima dialog yang bertema Pendidikan, Kehidupan Masyarakat India era 90-an, Politik, Didikan Anak dan Jenayah dapat mengetahui makna kod bahasa lisan iaitu tahap denotasi dan konotasi. Melalui makna tersebut dapat mengenali keadaan masyarakat India di Malaysia pada era 90-an.

Melalui dialog-dialog tersebut dapat mengetahui bahawa pendidikan sangat dititikberatkan kerana meningkatkan sosioekonomi mereka dan akan memastikan kesejahteraan keseluruhan masyarakat India. Penderitaan masyarakat India Malaysia juga dapat dikenal pasti melalui kajian ini. Mereka ditinggalkan oleh pemilik ladang dan mereka terpaksa berpindah ke bandar pada akhir 80-an. Disebabkan tiada penginapan terancang dan masalah ekonomi yang dihadapi oleh mereka, masalah penempatan setinggan di bandar berlaku (Bruton,1992). Lanjutan ramai yang terjebak dengan jenayah.

Seterusnya Parti politik MIC wakil suara kaum India di Malaysia ternyata kurang membawa perubahan yang signifikan dalam memperbaiki dan seterusnya mengukuhkan kedudukan sosioekonomi kaum India di negara ini (Muzaffar,1989).

Seterusnya gaya didikan ibu bapa kaum India juga dapat dikenal pasti. Mereka mempunyai pengaruh yang besar terhadap perkembangan kanak-kanak terutamanya pada usia kecil. Didikan dan hukuman yang diberikan oleh ibu bapa memberikan impak yang ketara terhadap perkembangan emosi dan mental kanak-kanak era 90-an. (Sahithya et al., 2019)

Melalui analisis kod bukan lisan juga dapat mengetahui keadaan tidak berpelajaran di kalangan kaum India pada era 90-an menyebabkan kemiskinan tegar dan masalah penganguran. Justeru terjebak dalam kegiatan gengsterisme, dadah dan sebagainya.

Melalui analisis ini didapati bahawa pernyataan lisan berkait rapat dengan budaya dan nilai masyarakat. Pernyataan lisan adalah diterbitkan melalui penggunaan bahasa yang bertujuan untuk menyatakan pemikiran, emosi, dan tindak balas terhadap sesuatu isu atau persoalan. Pernyataan lisan yang dinyatakan oleh seseorang dapat dikaitkan dengan sikap, tanggapan, status, serta niat sesuatu pertuturan itu dilahirkan. Begitu juga dengan dialog yang terdapat dalam sesuatu filem dapat menyampaikan perkara-perkara tersebut. Sistem nilai dalam sesuatu bangsa atau peradaban sesuatu tamadun budaya itu adalah berbeza-beza. Oleh yang demikian, A. Teeuw (1992) menjelaskan betapa pentingnya seseorang pembaca dan peneliti dari luar memahami beberapa kod atau tanda-tanda bahasa dan budaya yang digunakan serta diamalkan oleh masyarakat bagi memudahkan kefahaman dan pentafsiran.

Halangan komunikasi dapat diatasi dengan memahami kod budaya. Kod lisan perlu difahami. Faktor ini mampu meningkatkan keberkesanan pemahaman terhadap sesuatu filem ataupun karya serta mesej yang ingin disampaikan. Rachmat Djoko Pradopo (1987) pula menjelaskan bahawa sistem kemasyarakatan, adat istiadat, pandangan masyarakat, kesenian, dan kebudayaan mempunyai hubungan dengan tanggapan masyarakat. Hal ini akan mempengaruhi penyampaian dalam karya seni atau sastera. Oleh itu, penerapan sosiobudaya dalam mengungkapkan pernyataan mungkin boleh diperoleh melalui pengalaman peribadi atau pemerhatian langsung terhadap fenomena yang berlaku dalam kehidupan masyarakat yang diwakilinya.

5.2.3 Rumusan Analisis Maksud Kod Budaya Bukan Lisan yang Terdapat dalam Latar Filem Tamil ‘Jagat’

Melalui analisis maksud denotasi dan konotasi dapat mendalami adat, kepercayaan, nilai kehidupan, kesenian serta taraf hidup masyarakat yang digambarkan dalam filem ini.

Roland Barthes (1964, ms.14-16) juga menyatakan bahawa tanda dapat melambangkan nilai sosial seseorang individu. Dapatan ini juga selari dengan pendapat van Leeuwen (2005) yang menerangkan bahawa semiotik muncul dalam setiap aspek kehidupan manusia, yang memiliki konotasi budaya tertentu serta nilai budaya yang tersendiri. Semiotik telah memainkan peranan panduan dalam tafsiran manusia tentang pelbagai jenis simbol.

Sejak abad ke-20, banyak tayangan filem yang menggambarkan 'interkulturalisme'. Filem Tamil 'Jagat' ini juga tidak ketinggalan. Bukan sahaja adat dan kepercayaan kaum India malah aspek budaya Cina juga dapat dikenal pasti melalui analisis makna konotasi. Melalui analisis ini, boleh disimpulkan bahawa kod budaya dalam filem Tamil 'Jagat' ini dapat memberi gambaran tentang adat, kepercayaan, nilai kehidupan, kesenian, taraf hidup masyarakat India Malaysia era 90-an serta asimilasi budaya Cina dalam masyarakat India.

Selanjutnya melalui analisis makna denotasi dan konotasi dapat mendalami kehidupan kaum India yang miskin pada era 90-an. Tambahan pula dapat mengetahui kelakuan dan motif kelakuan tersebut. Melalui kelakuan dapat mengenal pasti konotasi emosi yang disampaikan. Melalui analisis makna denotasi dan konotasi dirumuskan dapat mengenal pasti emosi yang ingin disampaikan. Emosi marah dan kecewa berulang dalam 7 syot yang dianalisis. Kemiskinan keluarga mengakibatkan tidak terkawalanya emosi. Ayah Appoy sebagai ketua keluarga tidak dapat menyediakan kelengkapan yang sempurna bagi keluarga beliau. Rasa kecewa tersebut sering menghantuinya. Dia percaya hanya pendidikan akan dapat mengubah kehidupan tersebut. Apabila Appoy gagal dan ketinggalan dalam pelajaran. Ia menyebabkan kekecewaan dan kemarahan ayah Appoy. Cara didikan anak yang memukul dan asyik marah tidak dapat diterima oleh Appoy.

Appoy juga kecewa pada suatu ketika dia sungguh marah apabila ayahnya memukulnya. Tanpa mengawal emosi lalu Appoy mengangkat tangan untuk memukul ayahnya. Disebabkan tingkah laku Appoy yang tidak menghormati ayahnya, ibunya pula marah dan memukul Appoy. Appoy yang berusia 12 tahun masih lagi memerlukan kasih sayang kecewa apabila tidak dapat kasih sayang yang sepenuhnya daripada ibu bapa. Kasih sayang Appoy terima daripada bapa saudaranya hilang selepas kematian bapa saudaranya.

Maka melalui analisis maksud denotasi dan konotasi kelakuan emosi dapat mengetahui situasi institusi keluarga India era 90-an dalam filem Tamil 'Jagat'. Chandler (2007) dalam bukunya mengatakan, tanda atau simbol bukan sahaja tertumpu kepada imej, ia boleh menjadi gerak isyarat, warna, pakaian, kenderaan, dan juga perkataan. Ini bermakna tanda dan simbol boleh didapati dalam mana-mana aspek kehidupan manusia dan persekitaran mereka. Filem yang menceritakan kehidupan dan persekitaran manusia juga mempunyai aspek- aspek tersebut seperti filem Tamil 'Jagat'.

Melalui analisis denotasi dan konotasi kod budaya juga dapat dikenal pasti kemiskinan masyarakat India era 90-an, keperluan keluarga, tekanan, didikan anak, tanggungjawab suri rumah, peraturan yang ditetapkan dalam institusi keluarga, tabiat buruk (arak, merokok), fenomena tempat kerja, ketaksamaan status, peraturan sekolah, didikan guru, peraturan keagamaan serta peraturan yang formal. Melalui rumusan maksud denotasi dan konotasi kod budaya memberi maksud yang mendalam dalam filem Tamil 'Jagat' ini. Dengan ini dapat dirumuskan melalui kod budaya pengkaji dapat mengetahui

- a. Asimilasi yang berlaku antara budaya India - Melayu dan Budaya India - Cina
- b. Taraf hidup keluarga Appoy
- c. Ayah Appoy berkerja di kilang arang kayu sebagai buruh

- d. Minat ayah Appoy dalam bidang teater dan lakonan
- e. Keluarga Appoy penganut agama Hindu
- f. Appoy mempunyai minat dalam bidang kesenian
- g. Kawasan penempatan keluarga Appoy berdekatan dengan penempatan kaum Cina
- h. Appoy terjebak dalam gengsterisme
- i. Bapa saudara Appoy seorang nelayan
- j. Kereta Proton Saga sangat popular pada era 90-an
- k. Majikan bapa saudara Appoy (Mexico) kaya dan hidup mewah
- l. Pada era 90-an kebanyakan pengangkutan adalah basikal dan motosikal

Dapatan ini selari dengan pandangan Winona (2018) yang telah membuat kajian bertajuk “Semiotic Analysis of Gesture in ‘Marlina the Murderer in Four Acts’ Film” dengan menggunakan teori Semiotik Barthes. Menurut Winowa, kajian Semiotik bukan sahaja boleh menganalisis bahasa, tulisan dan verbal yang terdapat dalam filem malah boleh menganalisis unsur visual bukan lisan.

Seterusnya kajian Dianiya (2020) menggunakan pendekatan Semiotik Roland Barthes iaitu menganalisis tanda-tanda berbentuk perkataan, imej, bunyi, pergerakan dan objek juga mempunyai beberapa persamaan dengan dapatan konotasi Komponen Budaya Kebendaan dalam filem ‘Jagat’ ini. Menurut Dianiya dalam kajiannya “Representation Of Social Class In Film (Semiotic Analysis Of Roland Barthes Film Parasite)” terdapat lima perkara berkaitan tanda-tanda yang terdapat dalam babak filem tersebut. Tiga perkara tersebut sama dengan dapatan dalam kajian kod budaya yang telah dijalankan iaitu:

- a. Kemudahan hidup dan gaya hidup yang berbeza.
- b. Perbezaan fesyen atau pakaian yang dipakai oleh setiap kelas.

c. Terdapat sempadan kelas sosial.

Ketiga-tiga dapatan ini dapat diperolehi daripada analisis denotasi dan konotasi filem Tamil 'Jagat'.

Dianiya (2020) juga menyatakan bahawa pendekatan semiotik Roland barthes amat sesuai digunakan untuk mengkaji tanda -tanda abstrak yang terdapat dalam filem untuk memahami makna yang tersirat. Kenyataan ini adalah sungguh relevan kerana melalui perspektif Semiotik Roland Barthes kod budaya dalam filem Tamil 'Jagat' ini dapat dianalisis dengan baik.

5.3 Implikasi Kajian

Dapatan kajian menunjukkan kod budaya amat penting untuk memahami sesebuah filem. Pemahaman keseluruhan sesuatu filem bergantung kepada pemahaman semiotik kod budaya lisan dan bukan lisan.

5.3.1 Implikasi kepada Masyarakat

Hasil kajian ini juga memberi implikasi yang penting kepada masyarakat pelbagai kaum di Malaysia kerana masyarakat sebagai 'Penonton' harus memahami kod budaya yang terdapat dalam filem. Keadaan ini dapat memberi pendedahan kepada masyarakat untuk memahami filem secara menyeluruh. Kajian terhadap filem tempatan mampu mengubah persepsi masyarakat dan menarik minat mereka untuk menonton filem tempatan.

5.3.2 Implikasi kepada pengarah & pembuat filem

Melalui kajian ini juga didapati pengarah dan pembuat filem Malaysia harus lebih prihatin dalam memaparkan kod-kod budaya kerana makna tersirat memberi impak yang

mendalam kepada penonton tempatan, yang merangkumi kumpulan etnik yang berbeza, dan kepelbagaian masyarakat. Melalui kajian ini juga didapati kod budaya boleh mempengaruhi emosi penonton. Oleh yang demikian, pengarah dan pembuat filem harus teliti dan mengenal pasti perspektif budaya yang ingin disampaikan menerusi latar visual sinematik yang dapat membawa makna yang mendalam. Kebijaksanaan pengarah dan pembuat filem dapat menarik minat penonton dan membawa filem tempatan ke persada dunia.

5.4 Cadangan

Berpandukan kajian ini, pengkaji dapat melihat terdapat ruang dan cabang kajian yang boleh dijalankan terhadap kajian kod budaya dalam perspektif Semiotik. Pertama pengkaji lain boleh mengkaji kod budaya yang terdapat dalam poster filem Tamil. Bagi analisis bahasa pengkaji hanya memberi tumpuan kepada dialog yang terdapat dalam latar filem. Pengkaji yang lain boleh mengkaji skrip dengan lebih mendalam. Dalam kajian ini pengkaji hanya memfokuskan kategori dan makna kod budaya yang terdapat dalam latar filem sahaja. Pengkaji yang akan datang boleh melihat aspek warna, watak dan mengkaji maknanya.

Kajian ini meneliti kod-kod budaya berdasarkan komponen Ismail Said (2009) pengkaji yang akan datang boleh menggunakan komponen budaya tokoh-tokoh budaya yang lain seperti Edward Tylor (1871), Peter Newmark (1988) dan sebagainya untuk menganalisis makna kod budaya.

Selain itu pengkaji akan datang boleh mengkaji filem melalui elemen sinematik yang terdiri daripada latar belakang, pakaian, pencahayaan, komposisi, sudut kamera, suntingan dan bunyi untuk mendapatkan makna semiotik.

Seterusnya untuk Mengkaji kod budaya filem ini pengkaji telah menggunakan teori semiotik Rolands barthes, pengkaji yang berminat boleh menggunakan teori semiotik tokoh-tokoh yang lain seperti C.S Peirce, Ferdinand De Saussure, Chandler, van Leeuwen dan sebagainya.

Melalui dapatan kajian dapat dikenal pasti ada berlaku asimilasi budaya antara budaya India-Cina dan budaya India-Melayu. Pengkaji akan datang juga boleh memenuhi 'gap' ini dengan menganalisis asimilasi yang berlaku antara budaya dengan menganalisis kod budaya yang terdapat dalam filem Tamil.

Kajian filem Tamil seperti ini sungguh terhad dan baru. Terdapat banyak cabang yang boleh diterokai. Oleh yang demikian pengkaji berharap supaya lebih ramai pengkaji yang akan menjalankan kajian seumpama ini.

5.5 Penutup

Tuntasnya, kajian ini merupakan salah satu usaha melihat kepada makna kod budaya dalam filem Tamil 'Jagat' melalui perspektif Semiotik. Semiotik merupakan satu unsur yang kompleks yang terdapat dalam semua keadaan di dunia. Malah dalam masyarakat yang berbeza kaum dan budaya pemahaman terhadap sesuatu budaya adalah penting. Maka diharapkan kajian ini dapat memberikan sedikit sumbangan dalam dunia perfileman dan merapatkan jurang pemahaman. Justeru, pemahaman semiotik adalah penting untuk menganalisis dan memahami sesuatu filem. Diharapkan industri seni tempatan akan terus dimuatkan dengan filem-filem yang lebih serius, kritikal dan dekat dengan masyarakat dengan pemaparan sisi sebenar kehidupan mereka. Selain dapat membuka mata penonton untuk menyedari isu-isu kemasyarakatan di sekeliling mereka,

ia juga dapat membantu menarik penonton luar negara melalui pemaparan budaya tempatan dan seterusnya menaikkan nama Malaysia di persada antarabangsa.

Universiti Malaya

RUJUKAN

- Anbalakan, K. 2005. "The New Economic Policy and Further Marginalisation of the Indians" dlm. Richard Mason dan Ariffin Omar (edit.). *The „Bumiputera Policy“: Dynamics and Dilemmas. Kajian Malaysia: Journal of Malaysian Studies* Vol.XXI. Nos.1&2. Penerbit USM: Pulau Pinang.
- Alex, Sobur. 2013. *Semiotika Komunikasi*. Bandung: PT Remaja Rosdakarya.
- Asyraq P. (2018) A Semiotic Analysis of The Jhon Wick 1 Film Using Charles Sanders Peirce's Semiotic Theory Alauddin State *Islamic University of Makassa*
- Barthes, R. (1964). *Elements Of Semiology*. New York: Hill and Wang.
- Barthes, R., Lavers, A., & Smith, C. (1968). *Elements of semiology*. New York. Hill and Wang.
- Bordwell, David & Thompson, Kristin. (2008). *Film Art*. New York: MC Graw Hill.
- Bertens, K.,1985. *Filasafat Barat Abad XX Jilid II Prancis*. Gramedia, Jakarta.
- Buhler, Karl. (1985). The Key Principle: The Sign Character of Language. In E., Innis Robert (Ed.), *Semiotics: An Introductory Anthology* (pp. 70-86). Bloomington: Indiana University Press.
- Brown Martin & Felizitas Ringham. (2006). *Key Terms In Semiotics*. New York: Continnum.
- Bruton, Henry.J. 1992. *The Political Economy of Poverty, Equity and Growth: Sri Lanka and Malaysia*. Oxford University Press: New York
- Catalani, A. (2021). Refugee artists and memories of displacement: a visual semiotics analysis. *Visual Communication*, 20(2), 184-208.
- Chamhuri Siwar, Nor Aini Hj.Idris (Peny.).1996. *Kemiskinan dalam Arus Pembangunan Ekonomi di Malaysia*. Penerbit UKM: Bangi.
- Chandler, Daniel. 2017. *Semiotics: The Basics*. London: 11 New Fetter Lane
- Chandra Muzaffar. 1992. "Politik Perkauman dan Intergrasi Nasional" dlm. Hairani Naffis. *Politik Malaysia Dekad 1990an*. Universiti Kebangsaan Malaysia: Bangi
- Chandra Muzaffar. 1989. *The NEP: Development and Alternative Consciousness*. Aliran Kesedaran Negara: Pulau Pinang.

- Chandrasekharan, N. & Marimuthu, T. 1980. *An Inquiry into the State of Food, Nutrition and Health in Plantation dlm. Medical Journal of Malaysia* 34. No.3.
- Cheah, Boon Kheng & Abu Talib Ahmad (Peny.). *Kolonialisme di Malaysia dan Negara-negara Lain*. Penerbit Fajar Bakti: Petaling Jaya.
- Creswell, J. W. (2009). *Research design: Qualitative, quantitative, and mixed methods approaches* (3rd ed.). New Delhi: Sage.
- Cunningham, D. G. (1963). Macbeth: The Tragedy of the Hardened Heart. *Shakespeare Quarterly*, 14(1), 39-47.
- Dianiya, V. (2020). Representation Of Social Class In Film (Semiotic Analysis of Roland Barthes Film Parasite). *Profetik: Jurnal Komunikasi*, 13(2), 212-224.
- Emelia, T. W. (2018). Semiotic Analysis of Gesture in “Marlina the Murderer in Four Acts” Film.
- Fazmi Hisham, (2019). Analisis Semiotik Watak dalam Filem "Terbaik dari Langit". *International Journal of Heritage, Art and Multimedia*, 124-144.
- Fazmi Hisham, Z. A. (2019). Analisis Semiotik Warna Terhadap Latar Dan Watak Filem Lelaki Harapan Dunia (2014). *Jurnal Kinabalu*, 89-112.
- Fiske, J. (1982): *Introduction to Communication Studies*. London: Routledge
- Fiske, J. (1990). *Introduction to communication Studies .2nd ed.* New York: Routledge
- Gordon R. Wainwright, (2006). *Membaca Bahasa Tubuh*, Yogyakarta: Penerbit Baca
- Haja Mohaideen, A. R., & Abu Bakar, M. S. (2018). Meneroka permasalahan tenaga modal insan dalam industri filem di Malaysia. In *Forum Komunikasi* (Vol. 13, No. 1, pp. 41- 56). Faculty of Communication and Media Studies, Universiti Teknologi MARA.
- Hashimah, N.J. (2007). *Linguistik Teori Dan Aplikasi*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Hanifah, U., & Ningsih, T. S. (2023). *Representation of Women in the Layangan Putus Film Series: Semiotic Analysis of Roland Barthes*. *KOMUNIKA: Jurnal Dakwah dan Komunikasi*, 17(2), 161-173.
- Hisham, F. (2019). Analisis Semiotik Watak dalam Filem "Terbaik dari Langit". *International Journal of Heritage, Art and Multimedia*, 124-144.

- Hisham, M. F., & Dawam, Z. A. M. (2019). Analisis Kontruksi Makna Menerusi Pencahayaan Dan Gerak Kerja Kamera Filem Lelaki Harapan Dunia (2014): Sign Construction Analysis Through Lighting And Camera Movement of Lelaki Harapan Dunia (2014) FILM. *Jurnal Gendang Alam (GA)*.
- Hisham, M. F., & Dawam, Z. A. M. (2019). Analisis Semiotik Warna Terhadap Latar Dan Watak Filem Lelaki Harapan Dunia (2014): Semiotic Colour Analysis Of Setting And Character Lelaki Harapan Dunia (2014) â€™™. *Jurnal Kinabalu*, 89-112.
- Hisham, H. T. (2019). The impact of globalization on the Malaysia film industry. *International Journal of Innovative Technology and Exploring Engineering*.
- Hawan, M. Rizky. (2018). An Analysis of Semiotic Signs Found in Movie Poster of Pirates of the Caribbean. Published disertation Medan: *University of Sumatra Utara*
- Hoebel, E., Adamson. (1966). *Antropology: The Study Of Man*. USA: McGraw-Hill.
- Ismail Hussein Said Abdullah.(2009). *Pengajian Sosial 2:Siri Pendidikan Perguruan*, Shah Alam: Karisma Publications Sdn.Bhd.
- Isik, M., & Bilici, E. (2020). Semiotic analysis of Anna Karenina movie posters Anna Karenina.
- Ike Desi Florina. (2014). Representasi Represi Orde Baru Terhadap Buruh (Studi Saluran Komunikasi Modern Christian Metz Dalam Film Marsinah (Cry Justice). *Journal Of Rural and Development*, 2, 186
- James Chapman, (2003), *Cinemas of The World*. London: Reaktion Books Ltd
- Jumrah, M. H. B. (2019). Multiethnic Audiences Interpretation of National Identity in Malaysia through Alternative Film of Nasi Lemak 2.0. *International Journal of Multicultural and Multireligious Understanding*, 6(8), 70-77.
- Jha, A. K. The representation of gender in Bollywood film posters: A Semiotic Analysis.
- Kartini, K. (2023). Analisis Semiotik Roland Barthes dalam Film Layangan Putus *Jurnal Cahaya Mandalika*, 4(2), 294-303.
- Kirana, R., & Permanualudin, U. (2020). Denotation of color in Trolls Movie by Mike Mitchell (a Semiotic Study Base on Roland Barthes). *CALL*, 2(2).
- Kurniawan. (2001). *Semiologi Roland Barthers*. Indonesia: Penerbit Yayasan Indonesiatara.

- Kroeber, A. L. and C. Kluckhohn (1952) *Culture: A Critical Review of Concepts and Definitions*. London: Vintage B
- Lamiri, H., & Dawam, Z. M. (2020). Malaysia Film Posters From The Perspective of Malay Culture. *Jurnal Gendang Alam (GA)*.
- Lestari, A. N. F. (2023). Decoding the Denotative and Connotative Elements in Sony Pictures Animation's Short Film "Hair Love" (2019). *JETLEE: Journal of English Language Teaching, Linguistics, and Literature*, 3(2), 68-86.
- Long, J. (2021). Cultural Semiotics and the Related Interpretation. *International Conference on Public Relations and Social Sciences (ICPRSS 2021)*, 1268-1272.
- Lu, L. J., & Mahmud, W. A. W. (2018). Persepsi Penonton Di Malaysia Terhadap Filem Yang Memenangi Academy Awards. *Jurnal Wacana Sarjana*, 2(3), 1-14.
- Maharam, M. E., Muhammad, M., & Baharuddin, H. (2020). Sinema nasional Malaysia: Pasang surut budaya dalam tiga era. *Jurnal Komunikasi: Malaysian Journal of Communication*, 36(3), 228-246.
- Marimuthu, T. 1990. *The NEP - A Briefing and Conclusion on Human Resource Development. Third Malaysian Indian Economic Congress, MIC Headquarters: Kuala Lumpur*, hlm.9-11
- Merton, R. K. (1968) *Social Theory and Social Structure*. New York: Free Press
- Metz, Christian. (1974). *Film Language: A Semiotics of the Cinema*. Oxford University Press, New York
- Metz, C. (1995). *Film language: A semiotics of the cinema*. Chicago: The University of Chicago Press
- Muhd Shukri, F. A. T. I. M. A. H., & Abdullah, N. U. R. (2020). Perkembangan Industri Filem Nasional Malaysia (1933-1989). *Jebat: Malaysian Journal of History, Politics & Strategy*, 47(2).
- Muslimin, D. M. (2017). Denotative and Connotative Meanings in Masha and The Bear Cartoon Movie (A Semiotic Analysis). *Makassar: Islam Alauddin University*.
- M Fazmi Hisham, Z. A. (2019). Analisis Semiotik Warna Terhadap Latar Dan Watak Filem Lelaki Harapan Dunia (2014). *Jurnal Kinabalu*, 89-112.
- Nisa, K. (2017). *Cattleya Orchid Signs in Colombiana (2011) Film* (Bachelor's thesis).
- Nuraini Fadilla, A. (2019). Semiotics Analysis of Cibuntu Tourism Village Logo. *6th Bandung Creative Movement International Conference in Creative Industries 2019*.

- Oorjitham, Susan. 1993. "Urban Working-Class Indians" in *Malaysia dlm.K.S.Sandhu & A.Mani (ed.)*. Indian Communities in Southeast Asia, ISEAS: Singapore
- Parsons, T. (1952) *The Social System*. London: Tavistock Publications
- Peirce, S.C. (1985). Logic As Semiotic: The Theory of Sign. In E. Innis Robert (Ed), *Semiotics: An Introductory Anthology* (pp. 1-23). Bloomington: Indiana University Press.
- Puspitasari, D. R. (2021). Nilai Sosial Budaya Dalam Film Tilik (Kajian Semiotika Charles Sanders Peirce). *Semiotika: Jurnal Komunikasi*, 15(1).
- Puspitasari, D. R. (2021). Nilai Sosial Budaya Dalam Film Tilik (Kajian Semiotika Charles Sanders Peirce). *Jurnal Semiotika Versi Online: <http://journal.ubm.ac.id>*, 10-18.
- Putri, A. F., & Inayah, A. (2022). A Semiotic Analysis of Aladdin Movie by Using Roland Barthes Theory. In *LUNAR* (Vol. 6, No. 2, pp. 376-386).
- Rahma N. (2019) Semiotic Sign in Selected Walt Disney's Movie Posters In 2018 *State Islamic University Sultan Thaha Saifuddin Jambi*
- Rajesh, S., & AK, D. (2021) Class And Tamil Cinema: A Semiotic Analysis On The Representation Of Working Class.
- Rizky M. (2018). An Analysis of Semiotic Signs Found in Movie Poster of Pirates of the Caribbean.
- Rivadulla, E., & Gibbs, J. (2000). The Film Poster in Cuba (1940-1959). *Design Issues*, 16(2), 36-44.
- Rorong, M. J. (2020). Simbokronik Komunikasi Sebagai Bentuk Konstruksi Konflik Antarpersonal Pada Makna Kemanusiaan Dalam Film "Hacksaw Ridge". *Jurnal Semiotika*, 163-177.
- Rorong, M. J. (2020). Simbokronik Komunikasi Sebagai Bentuk Konstruksi Konflik Antarpersonal Pada Makna Kemanusiaan Dalam Film "Hacksaw Ridge". *Jurnal Semiotika Versi Online: <Http://Journal.Ubm.Ac.Id/>*, Vol.14 (No. 2) : No. 111 - 223.
- Safanta, R. (2018). Denotative and Connotative Meanings In Movie Posters of Marvel Comics Company: a Semiotic Analysis.
- Saussure, F. D. (1985). The Linguistic Sign. In E., Innis Robert (Ed.), *Semiotics: An Introduction Anthology* (pp. 24-46). Bloomington: Indian University Press.
- Sew, J. W. (2009). *Semiotik Persembahan Wacana*. Kuala Lumpur: University Of Malaya Press.

- Shanje, K. P. (Director). (2015). *Jagat*.
- Shafira, V., & Rui, C. (2023). Semiotics Analysis of Representation Chinese Culture in Sony Pictures Animation Film Wish Dragon Movie. *MANDARINABLE: Journal of Chinese Studies*, 2(2), 86-103.
- Sheau-Shi, N. (2019). Ethnicised Spectatorship in the Malaysian Film Nasi Lemak 2.0. *Wacana Seni Journal of Arts Discourse*, 18.
- Shore, Bradd. (1998). Culture Semiotics Of. In Paul Bouissac (Ed.), *Encyclopedia of Semiotics* (Pp. 165-168). New York: Oxford University Press.
- Shukri, F. M. (2020). Perkembangan Industri Filem Nasional Malaysia . *Malaysian Journal of History, Politics & Strategic Studies*, 124-148.
- Siddharta, R. (2019). Semiotic Analysis of Sampoerna a Mild Image Creation *K@ ta Kita*, 7(3), 382-390.
- Soikun, T. M., & Ibrahim, A. A. A. (2020). Pendekatan Analisis Formalistik dan Semiotik Visual: Mencari Faktor 'Appeal' dalam Watak Animasi Tempatan. *Jurnal Gendang Alam Universiti Sabah Malaysia*, 17.
- Sorokin, P. A. (1947) *Society, Culture and Personality*. New York: Harper
- Sobur, A. (2013). *Semiotika Komunikasi*. Bandung: Remaja Rosdakarya.
- Surahman, S., & Rizqa, D. (2019). REPRESENTASI TERKAIT PENAMPILAN FEMINIS PADA TOKOH ALICE (Analisis Semiotika Roland Barthes pada Film "Alice In Wonderland"). *THE SOURCE (Jurnal Ilmu Komunikasi)*, 1(01).
- Suharta, T. Z. M., & Ahmad, A. L. B. (2018). Nilai Dimensi Budaya: Suatu Kajian Analisis Kandungan Ke Atas Filem Pecah Panggung Malaysia. *Jurnal Wacana Sarjana*, 2(1).
- Short, K., R., M. (1981). Introduction: Feature Film History. In K., R., M. Short (Ed.), *Feature Films as History*. (pp. 16-36). London: Croo M Helm
- Tamara, J. (2020). Kajian Semiotika Roland Barthes pada Poster Unicef. *Journal of Education, Humaniora and Social Sciences (JEHSS)*, 3(2), 726-733.
- Taylor, S. J., & Bogdan, R. (1997). *Introduction To Qualitative Research Methods: A Guidebook and Resource*. (3 Ed.). Toronto: John Wiley & Sons, Inc.
- Tylor, E. B. (1871) *Primitive Culture*. London: John Murray
- Teddy Marius Soikun, A. A. (2020). Pendekatan Analisis Formalistik dan Semiotik Visual: Mencari Faktor 'Appeal' dalam Watak Animasi Tempatan. *Gendang Alam Universiti Sabah Malaysia*, 17.

- Teh, W. H. W. (2018). The history of film adaptation in Malaysia: The long journey of its rise and fall. *Malay Literature*, 31(2), 361-382.
- Van Leeuwen, T., 2005. *Introducing social semiotics*. Psychology Press.
- Wan Abdul Kadir. (2002). *Tradisi Dan Perubahan Masyarakat Dan Budaya Melayu*. Kuala Lumpur: Penerbitan Pustaka
- Wei, A. W. W., Pillai, S., & Liu, O. P. (2018). The golden era of the Malaysian film industry: Cross-cultural dialogue and negotiations of ethnicity in a budding nation. *Kajian Malaysia*, 36(1), 1-24.
- Wibawa, R. S., & Shalsabila, I. A. (2021). Analisis Semiotika Roland Barthes Dalam Film Pendek “Wedok”. *Teori Komunikasi dalam Praktik*, 1, 53.
- Wirhayati. (2019). A Semiotic Analysis On Symbol In Selected Hollywood Horror . *The 3rd Indonesian International Conference on Linguistics, Language Teaching, Literature* , 528-540.
- Wulandari, P. (2020). *Analysis of denotation, connotation, and myth in The Gentlemen movie* (Doctoral dissertation, Universitas Islam Negeri Maulana Malik Ibrahim).
- Yulia, N., & Hasmawati, F. (2024). Analisis Semiotika Dalam Film Animasi The Anthem of The Heart. *Pubmedia Social Sciences and Humanities*, 1(3), 14-14.